

Jilid I  
Bil. 52



Hari Jumaat  
28hb Jun, 1991

MALAYSIA

## PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

### KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8085]

PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. TUAN LIM KIT SIANG (TANJONG) [Ruangan 8183]

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan)  
[Ruangan 8185]

Rang Undang-undang Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah)  
[Ruangan 8222]

#### USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 8246]

#### UCAPAN PENANGGUHAN:

Akta Keselamatan Dalam Negeri—Memansuhkan, Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)  
[Ruangan 8247]

Tabung Pinjaman Penuntut—Menubuhkan, Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)  
[Ruangan 8252]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Benteng).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- Yang Berhormat** DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu-Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungua).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

Yang Berhormat DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, P.D.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Jumaat, 28hb Jun, 1991**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**SEMINAR SUFI**

**1. Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kesan positif untuk menyekat amalan yang menyeleweng aqidah umat Islam sejak diadakan Seminar Sufi oleh Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 1984; dan
- (b) setakat ini nyatakan berapa kumpulankah yang sudah insaf dan bertaubat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tujuan utama Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Seminar Sufi ialah untuk menyedarkan orang ramai tentang adanya ajaran-ajaran sesat yang berselindung di sebalik amalan dan ajaran tasauf.

Berdasarkan kertas-kertas kerja yang dibentangkan dan tindakbalas para peserta, didapati

berbagai kesan positif telah lahir dari seminar ini, terutama dalam menyekat amalan dan ajaran yang telah menyeleweng dari ajaran Islam. Antara kesan-kesan tersebut ialah:

- (i) wujudnya kesedaran di kalangan masyarakat umat Islam, khususnya peminat-peminat aliran kerohanian untuk merujuk perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu-ilmu kerohanian kepada pihak-pihak berkuasa agama, terutamanya Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, sedangkan sebelum ini sebahagian daripada pengamal-pengamal ilmu kerohanian ini menganggap bahawa pihak-pihak lain tidak layak mencampuri urusan mereka. Oleh yang demikian, wujud hubungan yang baik di kalangan peminat-peminat amalan kerohanian tarikat, tasauf dengan pihak-pihak yang berkuasa agama Islam negara ini.
- (ii) Masyarakat umum mendapat penerangan yang lebih jelas mengenai ilmu tasauf atau kerohanian apabila Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri menerbitkan beberapa buah buku dan risalah hasil dari seminar tersebut.

Bagi soalan (b), setakat ini 6 kumpulan sudah insaf dan bertaubat.

## **PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU-KUASA VETO**

**2. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) memandangkan Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya sentiasa menggunakan kuasa pembatal di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk kepentingan Israel dan merugikan kepentingan umat Islam, adakah Kerajaan bercadang untuk menggerakkan usaha untuk memastikan sekurang-kurangnya sebuah negara anggota Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) diperuntukkan kerusi Majlis Keselamatan PBB dengan kuasa pembatal; dan
- (b) jika Kerajaan tidak mempunyai cadangan tersebut, adakah usaha pernah dibuat untuk memansuhkan kuasa pembatal bagi anggota Majlis Keselamatan PBB.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (a), kuasa veto memang dianggap sebagai satu masalah kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pada pandangan Kerajaan, masalah ini tidak boleh diselesaikan dengan menambahkan anggota-anggota yang berkuasa veto. Kerajaan berpendapat bahawa setiap negara di dunia mestilah mempunyai hak bersuara yang sama di arena antarabangsa. Kuasa veto yang dipegang oleh negara-negara tertentu di PBB adalah tidak selaras dengan konsep demokrasi.

Sejajar dengan perkembangan dunia semasa, PBB juga harus menjadi satu pertubuhan yang demokrasi dan kuasa veto di Majlis Keselamatan hendaklah

disemak semula dan kemungkinan memansuhkannya perlu dipertimbangkan. Malaysia juga menyokong kajian ke arah menambahkan lagi keanggotaan Majlis Keselamatan supaya PBB menjadi satu pertubuhan yang benar-benar demokratik.

Bagi soalan (b) pula, sepertimana yang telah dijelaskan dalam jawapan saya di bahagian (a) di atas, hasrat Kerajaan adalah untuk melihat semua negara di dunia mempunyai hak bersuara yang sama. Kita menyokong usaha-usaha ke arah membentuk PBB yang lebih demokratik, walau bagaimanapun, Kerajaan tetap menyedari bahawa perubahan ini memerlukan pindaan kepada Piagam PBB dan sudah pasti prosesnya mengambil masa yang amat panjang.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Soalan tambahan. Adakah kerana ibu pejabat PBB berada di New York, maka lobi daripada Amerika dan Israel lebih berjaya terhadap para perwakilan ataupun duta-duta negara-negara di dunia yang bermesyuarat di New York, maka lobi daripada Amerika ini lebih berjaya dan PBB adalah lebih menjadi payung kepada Amerika.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, memang itulah salah satu sebab-sebabnya.

## **MANGSA MESIN AUTO TELLER**

**3. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah pihaknya tidak menghentikan perkhidmatan mesti "Auto Teller" itu, memandangkan kebanyakan pelanggannya telah menjadi mangsa atas kehilangan wangnya. Sila beri pecahan atas laporan yang telah dibuat mengikut nama bank, jumlah wang dan alasan kehilangan wang itu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang

di-Pertua, perkhidmatan mesti "Auto Teller" atau lebih dikenali dengan nama perkhidmatan ATM lebih merupakan perkhidmatan tambahan yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan untuk kemudahan para pelanggan. Dengan menggunakan perkhidmatan ini orang ramai tidak perlu pergi ke kaunter bank untuk beberapa urusan bank, tambahan pula urusan-urusan itu dapat dibuat pada bila-bila masa walaupun di luar waktu pejabat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sesebuah institusi kewangan perlu mempunyai kelengkapan keselamatan yang mencukupi dan peraturan-peraturan operasi yang dapat melindungi kepentingan pengguna-pengguna sebelum ianya dibenarkan oleh Bank Negara untuk mengadakan perkhidmatan ATM.

Dalam tahun 1990, terdapat hanya 816 aduan mengenai kehilangan wang melalui ATM yang melibatkan wang sejumlah \$681,176.00. Jumlah ini adalah sangat kecil berbanding dengan jumlah transaksi melalui ATM sebanyak 93.6 juta kali dalam tahun 1990 yang melibatkan jumlah wang sebanyak kira-kira \$13.7 bilion.

Dari hasil siasatan yang telah dibuat adalah didapati bahawa kehilangan-kehilangan itu berlaku disebabkan oleh kecauan dan kegagalan pemegang-pemegang kad ATM untuk meneliti, memahami serta mematuhi syarat-syarat dan peraturan bagi penggunaan kad ATM, ini termasuklah kecauan pengguna kad ATM menjaga dan menyimpan kad serta menjaga kerahsiaan nombor kenalan peribadi kad mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang wajar sekiranya Kerajaan mengambil tindakan menghentikan perkhidmatan ATM. Memandangkan perkhidmatan tersebut terbukti memberi faedah kepada orang ramai dan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan urusan bank.

Tambahan pula, perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan pilihan di mana orang ramai boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan biasa jika mereka tidak mahu ataupun kurang yakin untuk menggunakan perkhidmatan ATM.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkhidmatan ATM lebih merupakan amalan perniagaan biasa yang diberikan oleh sesebuah bank adalah kurang wajar sekiranya nama bank-bank terlibat diumumkan. Tambahan pula, kehilangan wang yang dilaporkan adalah disebabkan oleh kecauan pemegang kad ATM itu sendiri.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar mesin ATM itu, kalau saya tidak salah, ia akan menggunakan komputer sama ada komputer itu tidak rosak atau tidak salah? Adakah Kementerianya telah meneliti sama ada punca kerosakan, punca kesalahan atau punca yang tidak tepat itu? Adakah sama sekali ini berkaitan dengan komputer ataupun "human error"? Jikalau komputer, apakah langkah-langkah pihak bank akan mengambil dan langkah-langkah oleh Kerajaan mengambil untuk membetulkan sama ada ini adalah satu komputer "disease" kah atau apa itu?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, atas semua aduan-aduan yang telah dilaporkan oleh pihak Bank Negara melalui pemeriksa-pemeriksa Bank Negara yang telah ditugaskan untuk menyiasat, mereka telah menyiasatkan dan menilaikan keteguhan sistem kawalan komputer kepunyaan institusi-institusi kewangan yang terbabit, dan siasatan itu pun telah dibuat. Di antara 816 kes aduan yang telah diterima mengenai kehilangan wang melalui ATM, hanya 5 aduan sahaja yang didapati berpunca daripada kesilapan teknikal di dalam program komputer ATM dan ini nampaknya adalah "percentage" yang begitu kecil.

Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya telah katakan tadi, sesebuah institusi kewangan sebelum diberi kebenaran untuk mengadakan program ATM ini, mereka harus memenuhi beberapa garis panduan bagi kawalan keselamatan untuk sistem urusan bank elektronik ATM ini. Dan jikalau perlu, institusi-institusi masing-masing boleh menambah "safety features". Bank Negara akan mengalu-alukan dan akan membincang dengan mereka yang mana boleh menambah safety features, dengan izin.

## LESEN PEMBALAK DI SARAWAK

4. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apa sebab lesen pembalakan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pembalakan membalak kawasan hutan kawalan dan hutan simpan Kerajaan di Sarawak; dan
- (b) mengapakah syarikat-syarikat pembalakan dibiarkan membalak lebih dari satu "Coupe" dalam satu tahun kawasan konsesi mereka walaupun peraturan-peraturan hanya membenarkan mereka membalak satu "Coupe" sahaja dalam satu tahun.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Baram menyentuh perkara di bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Waiaupun bagaimanapun, sukalah saya memberi sedikit penjelasan apa yang telah difahamkan kepada saya.

- (a) Hutan kawalan (forested forest) dengan izin, dan hutan simpan (forest reserve) adalah kategori-kategori hutan asli dan estet hutan kekal (permanent forest reserve) dengan izin, dalam mana aktiviti-aktiviti pembalakan adalah dibenarkan, selaras dengan

peruntukan-peruntukan di bawah Forest Ordinance Sarawak, Chapter 126, dengan izin.

- (b) Pada Lazimnya, sesebuah syarikat pembalakan dibenarkan membalak satu "coupe" satu tahun. Walau bagaimanapun, kebanyakan syarikat pembalakan tidak dapat menyelesaikan aktiviti-aktiviti pembalakan dalam satu tahun, dengan izin, dalam satu coupe yang telah ditetapkan. Ini disebabkan kerja-kerja permulaan, dengan izin, pre-felling seperti pembinaan jalan pembalakan, pembinaan inventori dan sebagainya boleh mengambil masa yang panjang. Dengan yang demikian, syarikat-syarikat tersebut meneruskan pembalakan, dengan izin, coupe tersebut berikutnya. Oleh yang demikian, aktiviti pembalakan mungkin akan selesai pada awal atau pertengahan tahun. Syarikat-syarikat berkenaan terpaksa memohon izin "coupe" yang baru. Kerajaan Negeri Sarawak hanya membenarkan aktiviti pembalakan bagi sesebuah coupe, dengan izin, dalam satu-satu tahun disambung ke tahun berikutnya sahaja.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, masalah lesen pembalakan sudah menjadi suatu macam puaka sekarang ini apabila terdapat kejadian mencuri balak, kejadian yang kita dengar berlaku di Sempadan Siam, Kelantan, baru-baru ini. Jadi, saya ingin mengetahui dan bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Perhutanan bagi memperketatkan dan meningkatkan lagi hukuman kepada mereka yang mempunyai lesen membalak tetapi bukan setakat membalak di kawasan yang mereka diberi, tetapi pada masa yang sama, mencuri balak di kawasan yang lain. Adakah Kerajaan bercadang supaya meminda Akta ini

supaya ianya dijadikan hukuman mandatori. Seumpamanya, 20 tahun penjara kerana balak ini merupakan hasil utama negara yang tidak boleh dibiarkan berlaku begitu sahaja, kerana kita dengar banyak kes kecurian balak di akhir-akhir ini, malah mungkin sudah berlaku lama tetapi diketahui di akhir-akhirnya. Apakah Kerajaan bercadang untuk menimbang supaya Akta Perhutanan dipinda di mana diwujudkan hukuman mandatori kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Menyentuh tentang peristiwa yang berlaku dalam penerokaan haram atau kecurian balak, sebenarnya bagi pihak Kementerian telah dapat mengesan bahawa masalah pokok, atau sebab yang besarnya ialah kerana kekurangan tenaga di Jabatan Hutan itu sendiri, untuk mengadakan Unit-unit Penguatkuasaan. Sehingga ini hanya terdapat 3 buah negeri sahaja yang mempunyai Unit Penguatkuasaan Khas, iaitu di Kelantan, Perak dan Pahang. Jadi, dengan peristiwa kecurian balak yang baru sahaja didedahkan, iaitu di Hutan Simpan Ampang baru-baru ini, maka Kementerian telah mengarahkan supaya negeri-negeri hendaklah menubuhkan Unit-unit Penguatkuasaan Khas seberapa yang termampu, berdasarkan kenderaan yang ada dan kakitangan yang ada. Saya yakin dan percaya dengan adanya unit-unit yang khas ini, insya Allah, kecurian-kecurian ini akan dapat dibendung, terutama di kawasan-kawasan tadahan yang berhampiran dengan bandar yang ada di seluruh negara kita.

Walau bagaimanapun, apa yang telah difikirkan ataupun dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, saya rasa mungkin kajian-kajian yang lebih teliti perlu dilakukan, kerana hukuman mandatori itu adalah satu hukuman yang agak berat, dan perlu dibuat kajian yang detail untuk memastikan apakah selayaknya negara

kita mengamalkan hukuman-hukuman itu. Jika didapati munasabah mungkin perkara ini akan ditimbang kemudian. Terima kasih.

**Tuan Billy Abit Joo:** Tuan Yang di-Pertua, dua soalan tambahan. Hasrat Kerajaan seperti yang selalu dinyatakan dalam kenyataan suratkhbar oleh Menteri-menteri Kabinet Kerajaan Negeri Sarawak dan Menteri Kabinet Persekutuan ialah untuk menambahkan lagi kawasan hutan kawalan dan hutan-hutan simpan di seluruh negara.

Jadi, bukankah lesen-lesen yang dikeluarkan untuk pembalak dalam kawasan-kawasan hutan kawalan dan hutan simpan sekarang bercanggah dengan hasrat Kerajaan yang sudah dinyatakan?

Soalan yang kedua, jika dahulu dalam masa colony tujuan mewujudkan hutan kawalan adalah untuk mengawal tadahan air, apakah tujuan mewujudkan hutan kawalan sekarang memandangkan ada di antaranya diberi kepada lesen pembalak?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Kita ada dua jenis hutan simpan kekal. Pertama yang kita namakan "Hutan Simpan Kawalan", di mana di seluruh Semenanjung pada masa ini terdapat 1.9 juta hektar, manakala satu jenis hutan simpan kekal lagi yang kita namakan "Hutan Berhasil" iaitu kita mempunyai 2.4 juta hektar di seluruh Semenanjung. Jadi, di seluruh Semenanjung pada masa ini terdapat 4.74 juta hektar Hutan Simpan Kekal.

Sebagaimana yang telah saya terangkan pada soalan asal tadi, bahawa Hutan Simpan Kekal ini sebenarnya boleh dibalakkan juga, khususnya kalau di Sarawak, iaitu di bawah hutan simpan untuk kegunaan penduduk-penduduk di negeri Sarawak, iaitu untuk mengambil kayu ramu sahaja tetapi tidak secara

besar-besaran. Manakala hutan simpan untuk tadahan tadi sebenarnya pada masa ini tidak mempunyai suatu peraturan yang tidak membolehkan pembalakan itu. Jadi, bagi pihak Kementerian sedang mengkaji supaya hutan-hutan simpan kawalan ini, khususnya untuk tadahan hendaklah digazet oleh Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pembalakan diharamkan dalam kawasan-kawasan tadahan, sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat.

### TANDA HARGA BARANG-BARANG

**5. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat manakah usaha-usaha menghapus dan memperketatkan undang-undang supaya peniaga-peniaga tidak dengan sewenang-wenangnya meletakkan harga di barang-barang sesuka hati.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan tidak mengawal dan menetapkan harga kebanyakan barang-barang di negara ini. Kerajaan hanya menetapkan harga bagi barang-barang yang amat perlu sahaja seperti beras, gula, tepung gandum, bahan-bahan petroleum, simen dan besi. Sebarang kenaikan harga ke atas barang-barang tersebut hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran Kerajaan.

Bagi barang-barang lain pula Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Sungguhpun harga barang-barang ini tidak ditetapkan oleh Kerajaan, harga ke atas barang-barang ini wajib ditandakan dengan tanda harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977. Buat masa ini sebanyak 111 jenis

barang-barang wajib ditandakan dengan tanda harga. Bagi menentukan para peniaga tidak meletakkan harga ke atas barang-barang dengan sewenang-wenangnya, Kerajaan akan terus menjalankan pemeriksaan dan pengawasan untuk memastikan para peniaga mematuhi undang-undang yang sedia wujud.

Bagi tempoh 1-1-91 hingga 31-5-91, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah membuat pemeriksaan yang melibatkan 70,440 premis perniagaan dan menghasilkan sebanyak 3,348 kes dengan nilai rampasan berjumlah \$5,045,618,02 dan denda sebanyak \$671,320. Dengan adanya tindakan terus-menerus sepanjang masa ini adalah didapati bahawa harga barang-barang pada keseluruhannya stabil dan berada di paras yang berpatutan dan munasabah. Kerajaan berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada berhubung dengan penandaan harga adalah mencukupi bagi menstabilkan harga barang-barang. Ianya membolehkan para pengguna membuat perbandingan harga dari satu kedai dengan kedai yang lain dan pengkhususan yang ketat juga dapat mengurangkan para peniaga daripada melanggar peruntukan undang-undang yang ada.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ada dua bentuk barangan iaitu barang-barang kawalan dan yang keduanya barang-barang yang tidak dikawal. Dalam kes di mana barang-barang yang tidak dikawal oleh undang-undang ini, kita dapati bahawa Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini di peringkat ini terutamanya begitu sedikit tidak begitu ramai dan mereka hanya bertindak

apabila ada aduan. Kalau tidak ada aduan biasanya jika kita pergi ke kedai akan bertemu di mana kedai-kedai yang tidak meletakkan tanda harga.

Yang keduanya, berhubung dengan barang kawalan. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa pihak Kerajaan akan membenarkan atau tidak membenarkan untuk kenaikan harga barang ini tetapi daripada apa yang kita perhatikan sejak kebelakangan ini setiap permintaan yang dibuat oleh mereka ini, pengeluaran-pengeluaran biasanya dinaikan oleh pihak Kerajaan, ditunaikan oleh pihak Kerajaan. Persoalannya, apakah garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam menimbang sebarang permohonan untuk meluluskan atau menolak permohonan untuk menaikkan harga barang-barang kawalan?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama iaitu bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa di semua peringkat sama ada di ibupejabat negeri dan juga di zon-zon, memanglah pada masa ini saya sendiri tidak berpuas hati dengan bilangan pegawai-pegawai yang wujud di negara ini. Oleh itu usaha sedang diperbuat untuk menambah bilangan pegawai-pegawai dan juga pejabat-pejabat di peringkat negeri, zon dan jika perlu di peringkat daerah. Ini sedang diuruskan.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, saya tidak bersetuju bahawa setiap kali permohonan yang dikemukakan oleh pihak tertentu bagi menaikkan harga barang-barang dikawal Kerajaan meluluskan. Mungkin kalau Ahli Yang Berhormat ada detail-detailnya, saya bersedia lebih menyiasat tetapi sepanjang pengetahuan saya dalam tempoh tiga bulan saya berada di Kementerian, kita tidak meluluskan semua permintaan yang dipohon oleh mereka.

**Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya ingin bertanya tentang jual murah ataupun cheap sale kerana kedapatan dari semasa ke semasa kedai-kedai runcit ataupun supermarket yang mengiklankan penjualan secara murah, kadang-kadang sekarang ini sampai 80% potongan harga. Bagaimanakah caranya ataupun apakah caranya memastikan bahawa harga yang dikatakan "80% off itu sebenar-benarnya 80% off?

Adakah Kerajaan bercadang bagi sesiapa peniaga yang ingin mengadakan sales ataupun jualan murah mesti memohon dahulu daripada Kementerian supaya Kementerian dapat memastikan sebenar-benarnya bahawa barangan yang dijual tersebut benar-benar harganya murah sebagaimana yang diiklankan?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan urusan jual murah, ianya adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan di bawah Akta Perihal Dagangan. Oleh itu setiap pekedai ataupun peruncit yang ingin mengadakan jual murah ianya terpaksa mengikut peraturan-peraturan yang wujud di dalam Akta Perihal Dagangan. Jika Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui detailnya, saya bersedia untuk menghantarkan peraturan yang berkenaan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandang di Perbandaran Johor Bahru sekarang harga-harga barang khususnya sayur-sayuran, ikan dan daging yang dijual di pasar-pasar sudah naik ke satu tahap sehingga golongan yang miskin tidak lagi mampu membeli. Apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk menurunkan harga?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan harga barang-barang di Johor Bahru, ini memang ada dalam pengetahuan Kementerian kerana

Kementerian dari masa ke semasa membuat penyemakan harga barang-barang di beberapa pekan yang tertentu yang ada di negara ini. Jadi, kita telah mengkaji perkara ini dan usaha untuk mengatasinya sedang diperbuat terutamanya dengan mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Johor sendiri dan juga pada masa yang singkat, kita akan melantik pakar perunding untuk membuat kajian bagi pekan-pekan yang tertentu termasuk Johor Bahru. Di samping itu juga, kita sentiasa menasihatkan pengguna-pengguna di Johor Bahru supaya tidak membeli barang-barang jika harga barang-barang yang berkenaan terlalu tinggi dan memilih daripada satu kedai ke satu kedai yang lain.

#### PROGRAM DALAM DIALEK TEMPATAN

**6. Tuan Wahab bin Suhaili** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian Penerangan mempunyai program-program dalam bahasa Iban, Kadazan, Bajau dan sebagainya selain daripada program-program dalam Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil dalam Rancangan Malaysia Keenam ini memandangkan kepada permintaan penduduk-penduduk luar bandar khususnya di Sarawak yang ingin mengikuti program di TV dalam bahasa mereka sendiri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana tersurat dan dihasratkan di dalam Wawasan 2020, negara kita sedang menuju ke arah pembentukan rakyat Malaysia yang bersatupadu dan mewujudkan pada akhirnya satu bangsa Malaysia.

Oleh itu, Kementerian Penerangan tidak ada rancangan pada masa ini untuk menyiarkan program-program dalam bahasa Iban, Kadazan, Bajau dan dialek-

dialek tempatan lain melalui televisyen. Sebilangan besar program-program yang disiarkan adalah dalam Bahasa Malaysia yang merupakan bahasa resmi negara serta bahasa yang mudah dan boleh difahami oleh segenap lapisan rakyat termasuk suku-suku kaum yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan lagi penyiaran maklumat, pendidikan serta memberi hiburan kepada rakyat Malaysia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, di kawasan-kawasan pedalaman, Kementerian melakukannya melalui stesen-stesen tempatan atau apa yang dipanggil "Radio 3" yang mengandungi siaran dalam loghat-loghat yang seluas-luasnya.

Kementerian berpendapat cara sedemikian adalah lebih berkesan dan memberi manfaat yang optimum kepada semua.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ramainya rakyat Malaysia yang meraikan Hari Pesta pada 1 Jun tiap-tiap tahun iaitu Pesta Gawai, bukan sahaja di Sarawak, saya percaya juga di Sabah, adakah rancangan Kementerian untuk mengadakan satu rancangan khas untuk hari itu, bukan menggunakan bahasa itu tetapi rancangan khas pada hari itu?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian menghormati semua hari-hari kebesaran kaum-kaum dalam negara kita ini. Saya difahamkan Pesta Gawai juga mendapat tempat di dalam siaran-siaran televisyen dan juga radio dan saya percaya amalan ini akan diteruskan oleh Kementerian bagi menghormati semua kaum dan budaya yang ada di dalam negara kita.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya sama ada matlamat Kerajaan untuk mencapai

perpaduan negara iaitu dengan matlamat yang akhir ini Kerajaan akan menghapuskan semua program-program bahasa lain untuk mencapai perpaduan negara?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita belum memberi pertimbangan di atas soalan yang sama tetapi kalau sekiranya satu ketika nanti apabila keseluruhan rakyat Malaysia menerima satu bahasa, menerima hakikat mereka merupakan satu bangsa, saya kira kalau itu penerimaan oleh rakyat Malaysia sendiri, tidak ada masalah bagi kita meniadakan program-program lain.

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen tadi bermakna bahawa jika kita bercakap dengan satu bahasa kita adalah bersatupadu.

Ini bermakna bangsa-bangsa Dayak dan suku-suku Dayak di Sarawak sama bercakap dengan bahasa yang sama dan orang itu adalah bersatu dalam satu kumpulan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Apa soalan Yang Berhormat?

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Soalnya jika kita bercakap dalam bahasa yang sama, ini tidak bermakna kita akan bersatupadu dan ada perpaduan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini bukan soalan Yang Berhormat.

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Soalan saya apakah pandangan Yang Berhormat jika banyak kaum-kaum di negara ini merasakan dirinya ditinggalkan dalam banyak segi merangkumi penerangan telah ditinggalkan dan kaum-kaum di negara ini akan merasakan ditinggalkan

dalam berbagai-bagai bidang, ini bermakna mereka akan tidak memikirkan ada perpaduan di negara ini?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, bab yang pertama itu saya rasa tidak perlu saya jawab kerana tidak ada kaitan dengan soalan. Mengenai soalan sama ada difikirkan hanya bahasa itu melambangkan perpaduan, saya tidak sekali-kali menyatakan sedemikian. Malahan bahasa hanya merupakan alat untuk menyatukan rakyat. Ada Pepatah Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, there is such a thing as "Unity in diversity". Saya rasa we can be diversified, dengan izin, tetapi we can be united. Tetapi yang diidamkan oleh Kementerian ini melalui siaran televisyen adalah untuk menentukan bahawa rakyat mempunyai premis untuk disatukan melalui bahasa. Masalah sama ada kita hendak meninggalkan mana-mana suku kaum tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ada menerangkan tadi kalau program televisyen disiarkan, penerimaannya biasanya di dalam kawasan-kawasan yang berkelompok ataupun yang tebal densitynya dan biasanya di bandar-bandar yang mana kalau ada pun suku kaum, termasuk Orang Asli di Semenanjung, mereka boleh menerima dan memahami siaran-siaran dalam Bahasa Malaysia. Berkenaan dengan kawasan-kawasan pendalaman, saya telah menyatakan tadi bahawasanya sama ada ianya di Semenanjung, Sabah atau Sarawak, kita ada Radio 3 dan Radio Sarawak, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau di negeri-negeri lain hanya satu sahaja Radio 3, tetapi di Sarawak umpamanya, kita ada 5 stesen tempatan Radio 3 untuk kita memenuhi hasrat semua suku-suku kaum.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju kalau dirasakan bahawasanya Kementerian ini meniadakan kepentingan semua kaum yang ada dalam negara kita.

**MAJLIS PERUNDINGAN  
PENDIDIKAN NEGARA—  
LAPORAN**

**7. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh mana Majlis Perundangan Pendidikan Negara diperlukan lagi untuk meneruskan tugasnya. Sudah berapa kali majlis ini bersidang dan apakah hasil yang dicapai. Bilakah laporannya akan disiapkan dan jika siap adakah Menteri bercadang untuk membentangkan laporan itu ke Dewan yang mulia ini. Sila gariskan perkara yang dititikberatkan yang menjadi pertimbangan majlis itu.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Majlis Perundangan Akta Pendidikan telah selesai membincangkan Rang Undang-undang Pendidikan 1990.

Majlis tersebut telah mengadakan tujuh sidang. Daripada sidang-sidang yang berkenaan Kementerian Pendidikan telah mendapat pandangan 81 ahli yang mewakili berbagai jenis pertubuhan termasuk parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan agama daripada berbagai kaum mengenai perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan itu.

Laporan sidang-sidang Majlis ini sedang disediakan. Majlis tersebut ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Akta Pendidikan menjalankan tugasnya. Maka itu, laporan sidang Majlis itu akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kabinet berkenaan dan bukan dalam Parlimen.

Ahli-ahli Majlis telah membincangkan keseluruhan Rang Undang-undang berkenaan dan menyentuh peruntukan-peruntukan yang termasuk

peruntukan mengenai bahasa pengantar, kurikulum, peperiksaan, pendidikan swasta dan pendidikan tinggi.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengikut pendapat Kementerian adakah peranan yang dimainkan oleh Majlis Perundangan Pendidikan Malaysia dalam perundangan Akta ini boleh dikatakan memuaskan.

Yang kedua, adakah di antara pihak-pihak dalam Majlis Perundangan ini terdapat pihak-pihak mana yang tarik diri daripada Majlis Perundangan ini seperti yang terjadi di MPEN?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawab tadi memang berdasarkan kepada perbincangan di Majlis Perundangan Akta Pendidikan, Kerajaan telah mendapat pandangan yang menyeluruh daripada 81 ahli yang mewakili pelbagai jenis pertubuhan. Jadi pandangan-pandangan tersebut Kerajaan amat menghargai dan pandangan itu akan diambilkira oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Akta Pendidikan supaya pandangan-pandangan itu boleh dimasukkan dalam draf yang akhirnya.

Berkenaan dengan sama ada pihak-pihak tertentu yang tidak ingin mengambil bahagian, sebenarnya Kerajaan telah menjemput semua parti-parti politik, termasuk Parti-parti Pembangkang untuk mengambil bahagian dalam Majlis tersebut, tetapi malangnya ada pihak-pihak tertentu yang menolak secara bertulis dari mengambil bahagian dalam Majlis tersebut dan ini amatlah merugikan rakyat kerana Kerajaan tidak dapat mendengar dan menerima pandangan-pandangan tersebut dan akhirnya Kerajaan tidak dapatlah secara formal mendengar pandangan-pandangan penyokong yang mereka wakili.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa kali Majlis Perundingan Pendidikan Negara bermesyuarat selepas Pilihanraya Besar pada bulan Oktober? Adakah sebenarnya Majlis ini hampir sudah tutup oleh kerana pertukaran Menteri Pendidikan kepada Kementerian Kewangan?

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa laporan Majlis ini akan dikaji oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Akta Pendidikan 1990 yang tahunnya sudah habis. Akankah Kerajaan bercadang untuk mengumumkan cadangan-cadangan Majlis ini atau Kerajaan akan mengumumkan selepas Dewan yang mulia ini sudah meluluskan Akta-akta Pendidikan yang baru semacam OPP2? Bolehkah kita mendapat satu tarikh bila Akta Pendidikan yang baru akan dibentangkan dalam Parlimen? Adakah benar bahawa perkara ini nampaknya sudah ditangguhkan kepada satu masa yang tak tentu, mungkin lagi dua tahun, tiga tahun?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa soalan ini walaupun ada sangkut-pautnya dengan soalan asal, tetapi ianya juga mengandungi banyak sangkaan, jadi sangkaan itu boleh diketepikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab apa yang wajar.

**Dr Fong Chan Onn:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, majlis Perundingan Akta Pendidikan itu telah bermesyuarat dua kali selepas pilihanraya dan Menteri Pendidikan baru itu juga pernah hadir dalam sidang tersebut.

Sama ada pandangan yang kita kutip dari Majlis ini akan diumumkan, sebenarnya mengikut terms of reference, dengan izin, Majlis Perundingan itu,

Majlis Perundingan itu ialah untuk membolehkan Kerajaan mendapat feedback dari kumpulan-kumpulan tertentu supaya feedbacks dan pandangan-pandangan tersebut boleh diambilkira dalam perbincangan oleh Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan Akta Pendidikan. Adalah jelas bahawa pandangan yang kita dapat dari Majlis Perundingan Akta Pendidikan itu bukanlah untuk kegunaan oleh pihak-pihak lain kerana Kerajaan rasa bahawa dengan forum tertentu tersebut kita boleh memberi satu forum yang bagus, yang sesuai untuk semua kumpulan mengemukakan pandangan mereka dan pandangan itu boleh diambilkira dalam perbincangan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Akta Pendidikan.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order 23. Tadi Tuan Yang di-Pertua ada kata bahawa soalan tambahan saya ada mengandungi sangkaan. Saya meminta satu panduan apa sangkaan ini, oleh kerana bukan tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua untuk buat ucapan yang liar. Apa sangkaan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu bukan liar, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kiat Siang:** Saya minta apa sangkaan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya akan buat satu ruling.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mahu penjelasan, kita mahu fahaman apa sangkaan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang sebenarnya apabila Yang Berhormat bangkitkan Standing Order 23 ini patutlah sebutkan bahagian yang ke berapa, tetapi tak apalah, saya akan huraikan apa yang saya maksudkan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bila saya menyebut sangkaan itu kerana Yang Berhormat dari Tanjong menyebut banyak andaian-“sekiranya ini ada hubungkait atau tidak dengan OPP” dan sebagainya. Itu adalah andaian dan sepatutnya dalam soalan Yang Berhormat ataupun mana-mana Yang Berhormat yang berkenaan tidak sepatutnya mengandungi unsur-unsur sedemikian. Itu yang saya maksudkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak. Saya mahu contoh yang pertama apa itu OPP satu reference sahaja, secara contoh. Apa sangkaan? Tak patut sesiapa yang menjawat jawatan Tuan Pengerusi kata bahawa ada sangkaan. Apa sangkaan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya sudah buat huraian . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . kalau mahu masuk gelanggang politik untuk turun ke bawah, masuk ke sana. (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** . . . dan juga bila Yang Berhormat sebutkan Standing Order 23, tidak sebutkan bahagian mana, itu memang kurang ketara, tetapi saya izinkan juga.

## CARIGALI MINYAK DI PERAIRAN KELANTAN

**8. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan memulakan penggalian minyak di perairan Kelantan;
- (b) apakah sebab yang melambatkan Kerajaan menjalankan usaha ini dan apakah kemajuan yang tercapai sehingga kini; dan

(c) adakah apa-apa perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand mengenai penggalian minyak yang dilakukan di sempadan Malaysia-Thai sekarang. Sila terangkan maksud perjanjian.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Usaha mencarigali minyak di kawasan laut berhadapan dengan negeri Kelantan telah bermula sejak tahun tujuh puluhan lagi. Syarikat Esso telah menggerudi dua telaga tetapi gagal menemui minyak. Usaha ini masih lagi diteruskan oleh sebuah konsortium di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang ditandatangani pada 11 Ogos, 1988 untuk mengusahakan kawasan yang dikenali sebagai “Blok PM 2”.

(b) Sebanyak tiga buah telaga digerudi oleh konsortium ini di mana dua daripadanya tidak berhasil menemui minyak sementara satu lagi hanya mendapati gas di dalam kuantiti yang kecil. Konsortium ini sedang menggerudi telaga yang keempat dan di dalam proses penggerudian. Ini telahpun menemui gas. Kajian lanjut sedang dijalankan untuk menentukan saiz penemuan tersebut.

Perbelanjaan bagi mencarigali dan mengeluarkan minyak adalah sangat besar. Oleh itu, syarikat-syarikat minyak memerlukan masa yang secukupnya untuk memperolehi dan mengkaji data-data seismik secara mendalam sebelum mereka menggerudi dan membangunkan sesebuah telaga di sesuatu kawasan.

(c) Kedua-dua negara Malaysia dan Thailand telah menandatangani satu perjanjian iaitu "Perjanjian Mengenai Perlembagaan dan Perkara-perkara Lain Berhubung Dengan Penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand" pada 30hb Mei, 1990 yang bertujuan untuk memajukan kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand. Aspek-aspek penting yang diliputi oleh perjanjian tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Perjanjian ini adalah untuk mengeksplorasi dan mengeksploitasi sumber-sumber tidak hidup, dengan izin, non-living resources terutamanya petroleum daripada kawasan berkenaan;
- (ii) semua operasi Pihak Berkuasa Bersama yang diwujudkan ini akan dipertanggungjawabkan sama rata antara Malaysia dengan Thailand dan seterusnya semua faedah dan pendapatan akan diagihkan sama rata juga antara Malaysia dengan Thailand;
- (iii) Malaysia dan Thailand akan mempunyai bidang-kuasa bertindih di dalam perkara-perkara kastam dan eksais dan percukaian dan pentadbiran serta penguatkuasaan undang-undangnya;
- (iv) struktur operasi di kawasan berkenaan adalah berdasarkan sistem Kontrak Perkongsian Pengeluaran, iaitu Production Sharing Contract, (PSC), dengan izin.

Di samping itu juga bagi tujuan penubuhan Pihak Berkuasa Bersama ini, Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 telah diwartakan dan telah pun berkuatkuasa secara serentak di kedua-dua negara mulai 23hb Januari 1991. Sekian.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan yang pertama, kita difahamkan bahawa dari segi sejarah, kawasan penggalian minyak ini berada dalam perairan Malaysia. Mengapa sampai boleh jadi sehingga kita terpaksa menandatangani suatu perjanjian bersama dengan Kerajaan Thailand? Di manakah letaknya kesilapan ini sehingga kita terpaksa mengiktiraf tuntutan Kerajaan Thailand ke atas kawasan perairan ini dan kita mengadakan usahasama dengan Kerajaan Thai.

Yang keduanya, kalau perjanjian ini usahasama, mengapa base, pengkalan, apa semua berpusat di Songkla, di selatan Thailand dan tidak di perairan Malaysia? Adakah ini menunjukkan suatu perjanjian yang berat sebelah kerana tidak menguntungkan Kerajaan Malaysia?

**Dato' Wong See Wah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan sama ada pengiktirafan kawasan itu dipunyai oleh mana-mana pihak negara itu belum dipastikan lagi, manakala buat sementara kedua-dua negara ini bersetuju untuk mencarigali untuk kawasan ini. Jadi, soal sama ada hak milik itu dipunyai oleh mana-mana pihak itu tidak timbul.

Soalan yang kedua, usaha untuk menentukan pusat pentadbiran bagi tujuan ini belum dipastikan lagi dan masih di dalam peringkat perundingan.

**Tuan Ahmad Sukri bin Haji Hassan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan yang

jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu mengenai penempatan ketiga-tiga perkara utama ini, pertama sekali ibu pejabat, apa yang disebut JDA tadi, (Joint Development Authority), pusat memproses dan juga pengkalan bekalan, di manakah ketiga-tiga perkara ini akan ditempatkan. Saya difahamkan bahawa ketiga-tiga perkara ini akan ditempatkan di Songkla. Jadi, inilah satu perkara yang tidak adil kerana ke semua ketiga-tiga perkara ini ditempatkan di Thailand. Mengapa tidak ada satu pun ditempatkan di negara kita, khususnya di Kelantan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerana Kerajaan Pusat begitu dendam terhadap rakyat Kelantan sehingga perkara-perkara ini ditempatkan di Songkla?

Yang kedua, tentang profit sharing tadi berapakah jumlah royalti yang diterima oleh negeri Kelantan kerana di sini lain daripada negeri-negeri lain. Royaltinya di share di antara negara Malaysia dengan Thailand dan berapakah yang diperolehi oleh Kelantan dari segi perentasannya?

**Dato' Wong See Wah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat berkenaan sudah siapkan tempurung untuk menerima air itu. Yang sebenarnya sehingga hari ini telaga minyak belum didapati di perairan Kelantan lagi. *(Ketawa) (Tepuk)*

Berkaitan dengan soal yang pertama itu, bahagian pertama, iaitu mengenai sama ada pusat penempatan ibu pejabat Pihak Berkuasa Bersama ini ditempatkan di Songkla ataupun di mana-mana seperti yang saya sudah jawab, oleh kerana pusat memproses pengkalan bekalan ada kaitan dengan economies of scale dan reference dan yang sebenarnya perkara ini masih di dalam peringkat perundingan, belum ditetapkan lagi. Jangan dengar khabar angin. *(Ketawa) (Tepuk)*

**PROJEK MENGHUBUNGKAN  
BANDAR TUN RAZAK—  
LEBUHRAYA KUALA LUMPUR—  
SEREMBAN**

**9. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah projek menghubungkan bandar Tun Razak dengan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban yang disempurnakan oleh pihak penerima konsesi; dan
- (b) bila kajian semula kadar tol akan disempurnakan dan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan masa yang sesuai untuk mengenakan semula kutipan tol.

**27. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang mengadakan semula kutipan tol di persimpangan bertingkat Jalan Cheras dan asas serta rasional pengenaan semula kutipan tol di tengah-tengah bantahan awam yang kuat sebagaimana yang terbukti dalam demonstrasi besar-besaran pada 7-9-1990 di Plaza Tol Cheras dan peningkatan kesesakan lalulintas di sepanjang Jalan Cheras;
- (b) sama ada kutipan tol di Jalan Pahang akan dihapuskan, jika tidak, mengapa;
- (c) jika persimpangan bertingkat Jalan Cheras dan Jalan Pahang dikenakan tol berapakah kadar tol bagi setiap jenis kenderaan. Juga nyatakan sama ada akan terdapat satu atau dua hala kutipan, jangkamasa kutipan dan jangkaan keuntungan bagi syarikat swasta pada akhir tempoh konsesi; dan
- (d) nama syarikat swasta yang mengambilalih dari Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd., senarai penuh pemegang saham syarikat baru dan jumlah saham setiap pengarah memengangnya.

10-7-91

**28. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat K.G. Teratai Sdn. Bhd. akibat pembekuan pungutan Tol di Jalan Cheras.

19-7-91

**44. Dr Sanusi Daeng Mariok** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah benar sistem bulatan berangkai dan bertol yang diselenggarakan oleh Syarikat K.G. Teratai adalah suatu yang dirancang sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sedangkan Kementerian Kerja Raya bertindak meluluskan saja; jika benar, nyatakan sebabnya. Dan jika tidak benar, pihak perunding manakah yang menasihatkan Kementerian atas perkara di atas;
- (b) adakah peruntukan sistem itu ditanggung kesemuanya oleh Kementerian. Jika tidak, pihak manakah lagi yang menampungnya dan berapakah peruntukan yang masing-masing dikeluarkan untuk projek itu;
- (c) apakah tujuan Plaza Tol diadakan di pusat-pusat bandar. Adakah kerana hendak mengelakkan terlalu banyak kenderaan masuk ke pusat bandar atau ia ibarat menahan jerat di tempat genting; dan
- (d) adakah beliau peka bahawa rakyat tidak senang dengan cadangan tol itu dan adakah mereka akan dipaksa juga membayar tol.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, saya, memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang

Berhormat dari Sungai Besi pada hari ini juga, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas pada 10hb Julai 1991 dan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 19hb Julai 1991 memandangkan semua pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah berkisar mengenai penganan tol di Kuala Lumpur.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek menghubungkan Bandar Tun Razak dengan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban telah pun dibincangkan dengan syarikat konsesi yang baru dan ianya sedang dipertimbangkan.
- (b) Berkenaan dengan soalan (b), Pasukan Petugas Kementerian Kerja Raya telah mengadakan beberapa rundingan dan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Kementerian ini sedang menyediakan kertas Jemaah Menteri supaya dikemukakan bagi pertimbangan Jemaah Menteri. Sama ada Kerajaan bercadang mengadakan semula kutipan tol di Jalan Cheras dan di Jalan Pahang dan berapakah kadar tol bagi setiap jenis kenderaan dan sama ada ianya akan dikenakan bagi satu hala atau di kedua-dua hala ataupun alternatif-alternatif yang lain, sukalah saya jelaskan bahawa semua segi persoalan ini telah diambil kira dalam skop kajian Pasukan Petugas yang saya nyatakan tadi dan semuanya akan dimasukkan ke dalam laporan bagi pertimbangan Jemaah Menteri kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan akibat pembekuan kutipan tol mulai 1hb September, 1990, Kerajaan tidak membuat sebarang pembayaran kepada Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd.

dan pemegang konsesi baru, iaitu Syarikat Metramac Corporation Sdn. Bhd. tidak membuat sebarang tuntutan daripada Kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, syarikat yang mengambil alih daripada Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd. ialah Syarikat Metro Juara Sdn. Bhd. Sehubungan dengan ini, nama Syarikat Teratai K.G. telah ditukarkan kepada Metramac Corporation Sdn. Bhd. pada 4hb Mac, 1991.

Mengenai soal adakah benar sistem bulatan berangkai dan bertol yang diselenggarakan oleh syarikat Teratai Sdn. Bhd. itu dirancangan sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sedangkan Kementerian Kerja Raya bertindak meluluskannya, sukalah saya menjelaskan bahawa projek penswastaaan jalan dan jambat di Kuala Lumpur telah dirancang oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dalam tahun 1985 dan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, segala cadangan penswastaaan ini telah dikendalikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerusi satu jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kerja Raya. Kementerian Kerja Raya telah menurunkan kuasa untuk mengenakan tol kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Berkenaan dengan soalan sama ada peruntukan ditanggung oleh Kementerian, saya ingin menjelaskan oleh kerana pembinaan jalan-jalan dan jambat di sekitar Kuala Lumpur di bawah pakej itu adalah projek penswastaaan, tiada sebarang peruntukan telah disediakan.

Berkaitan dengan penempatan plaza tol di pusat bandar, suka saya maklumkan, oleh kerana peruntukan pembangunan untuk melaksana dan

menaikkan taraf jalan-jalan di Kuala Lumpur adalah terhad, oleh itu bagi membolehkan pengguna menikmati kemudahan jalan yang lebih selesa dan di dalam masa yang singkat, Kerajaan menganggap bahawa penswastaaan itu adalah wajar.

Dalam hubungan ini bagi melaksanakan projek penswastaaan berkenaan, kebenaran perlu diberi kepada syarikat konsesi untuk mengutip tol ke atas jalan raya yang telah dinaiktarafkan.

Pengenaan tol di kawasan bandar bukanlah satu perkara unik di negara ini malahan di negara-negara lain pun tol di pungut sebagai cara pembiayaan pembinaan jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dapat menghayati penjelasan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai isu kutipan tol di Kuala Lumpur.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat tidak sebutkan bilakah laporan itu akan disiapkan sama ada akan mengambil tiga bulan, tiga tahun atau tiga puluh tahun menjelang Wawasan 2020. Bolehkah dia sebutkan kerana ini sudah berlarutan beberapa bulan dan setakat ini selain daripada kedua-dua syarikat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adakah syarikat yang lain untuk menceburkan diri di dalam tol ini. Dan adakah cadangannya sekarang untuk menghapuskan semua tol ini dalam Wilayah Persekutuan kecuali inter-city link di mana adakan tol kerana ada alternatif. Kalau tidak ada corner alternative bagaimana kita adakan tol. Ini satu perbuatan yang tidak pun diterima oleh penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan. Kalau Kerajaan degil untuk mengadakan tol lagi dengan tiada alternatif maka ini akan timbulkan

mala petaka lagi malah lebih teruk dari Bright Sparklers di Sungai Buloh. (Ketawa)

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini. Sebenarnya Kementerian Kerja Raya dan Pasukan Petugas khasnya mengambil masa untuk menerima segala maklumat-maklumat, hujah-hujah dan pandangan-pandangan demi untuk memberi pertimbangan semasak-masaknya. Oleh sebab itu kita mengambil masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau laporan itu tidak siapkan ini dengan segera, kalau tidak ada tol dikenakan di Jalan Cheras, ini pun satu keadaan baik untuk pengguna-pengguna jalan tol setakat ini. Setakat ini laporan itu belum disiapkan dan kita jangka ia akan disiapkan dalam masa satu dua bulan atau dalam tahun ini.

Berkenaan pandangan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sebenarnya kita menerima banyak pandangan daripada orang ramai serta memorandum-memorandum. Kita akan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada semua pandangan-pandangan yang diberi. Sama ada jalan ini akan ditol dan berapa kadar tolnya, ini sudah saya sebutkan tadi. Kita akan masukkan ke dalam laporan ini dan diberi kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan membuat keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut telah pun cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 55 adalah diberi di bawah ini.)*

## RAWATAN PAKAR DI HOSPITAL-HOSPITAL

**10. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah tempoh di antara temujanji untuk pesakit-pesakit yang ingin mendapatkan rawatan jangka panjang di klinik-klinik pakar di Hospital Besar Kuala Lumpur seperti Physicians Clinic, Orthopaedic Clinic, Cardiology Unit, Nephrology Institute, ENT Clinic, semakin hari semakin panjang.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Di klinik-klinik pakar hanya pesakit-pesakit yang memerlukan rundingan atau rawatan dari pakar-pakar akan dilihat. Jangka masa temujanji berbeza antara satu pesakit dengan yang lain bergantung kepada pesakit dan keadaan pesakit. Untuk pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan jangka panjang, pada peringkat awal, mereka diperlukan datang ke klinik lebih kerap, misalnya dua minggu sekali. Walau bagaimanapun, setelah penyakitnya beransur pulih temujanji yang diberikan kepada pesakit untuk bertemu pakar adalah lebih lama lagi, misalnya 2 hingga 3 bulan sekali.

Untuk kes-kes yang sudah stabil mereka akan dirujuk kembali ke hospital atau doktor yang merujuk mereka untuk mendapatkan rawatan susulan. Ini adalah untuk keselesaan pesakit yang tidak perlu datang ke Kuala Lumpur.

## AKTA KAWALAN SEWA 1966-MEMANSUHKAN

**11. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan ingin memansuhkan Akta Kawalan Sewa, 1966 (semakan 1988). Jika demikian, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin

supaya orang-orang yang menduduki bangunan-bangunan berkawalan sewa tidak akan menghadapi dislokasi (*dislocation*) dan dibiarkan tanpa berumah.

10-7-91

**55. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan Akta Kawalan Sewa "Rent Control Act" 1966 dan apakah cadangan tindakan Kerajaan untuk diambil supaya masalah yang akan timbul kerana pembatalan Akta ini.

11-7-91

**28. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tujuan Akta Kawalan Sewa 1966 hendak dimansuhkan dan apakah bentuk cadangan kawalan yang akan menggantikannya.

12-7-91

**17. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyatakan adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diminta pandangan tentang cadangan pembatalan Akta Kawalan Sewa "Rent Control Act" 1966, sekiranya ada, bilakah mereka diminta pandangan dan apakah keakhiran permintaan pandangan ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 10-7-1991, Yang Berhormat dari Klang pada 11-7-1991 dan Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 12-7-1991 kerana maksud soalan-soalannya adalah lebih kurang sama.

Cadangan memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966 adalah masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan. Pandangan dari berbagai-bagai pihak sedang diberikan perhatian dan pertimbangan. Tindakan susulan yang wajar juga sedang diambilkira. Selaku Kerajaan yang bertanggungjawab kepada semua lapisan masyarakat hanya apabila semua perkara telah diambilkira dan Kerajaan berpuas hati dengan pertimbangan-pertimbangan tersebut, maka ianya akan dibawa ke Parlimen untuk dibincangkan kelak.

#### PELABURAN SKIM ASB/ SKIM REMAJA

**12. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan sehingga April 1991:

- (a) jumlah dan nilai pelaburan bagi pelaburan skim ASB dan skim remaja ASB;
- (b) jumlah dan nilai pelaburan bagi pelaburan skim ASN yang berpindah ke skim ASB;
- (c) jumlah dan nilai pelaburan yang telah dikeluarkan dan berhenti dari melabur di kedua-dua skim tersebut; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk menyarankan kepada institusi-institusi kewangan untuk memberikan kemudahan pinjaman kepada pelabur-pelabur ASB sebagaimana sebelumnya bagi memperingkatkan jumlah pelaburan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):**

- (a) Sehingga 30 April, 1991, jumlah pelabur ASB ialah seramai 2,659,511 orang dengan jumlah pelaburan bernilai \$8,492,832,508. Dari jumlah itu,

73,585 orang terdiri dari pelabur remaja dengan nilai pelaburan sebanyak \$38,741,979;

- (b) bilangan pelabur yang menyertai pemindahan berkelompok ASN ke ASB sehingga 30 April, 1991 ialah seramai 1.2 juta orang iaitu 48.6% daripada seramai 2,468,293 pelabur sebelum kemudahan pertukaran dilaksanakan. Jumlah pelaburan yang dipindahkan adalah kira-kira \$8 ribu juta;
- (c) bagi skim ASB, setakat ini tidak ada pelabur yang berhenti daripada melabur di dalam skim tersebut manakala jumlah jualan balik unit-unit ASB sehingga 30 April, 1991 ialah sebanyak 2,546,270,452 unit. Bagi skim ASN pula, adalah dijelaskan bahawa mulai 2 Januari 1991, urusan skim ini adalah dibuat secara terbuka di mana pelabur-pelabur bumiputera boleh membeli dan menjual unit-unit saham ASN pada bila-bila masa. Bagi tempoh 2 Januari, 1991 hingga 30 April 1991, sejumlah 805,508,757 unit saham bernilai \$813,191,035 telah dijual balik manakala sebanyak 404,627,798 unit pelaburan tambahan bernilai \$419,570,595 telah diterima. Urusniaga-urusniaga ini melibatkan seramai 1,304,492 pelabur; dan
- (d) pelaburan ASB adalah merupakan usaha penggembelian modal bumiputera melalui simpanan. Dengan yang demikian, pelaburan di dalam skim ini sewajarnya dibiayai dari sumber tabungan sendiri dan tidak melalui pinjaman. Walau bagaimanapun, terpujanglah kepada institusi-institusi kewangan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kepada bumiputera yang ingin melabur dalam ASB.

## FAMA—PEMASARAN PERTANIAN

**13. Puan Rohani binti Abdul Karim** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah keadaan pejabat-pejabat FAMA dan LKIM di peringkat Bahagian di Sarawak adalah dalam keadaan yang tidak memuaskan seperti kekurangan kakitangan, peruntukan dan kemudahan-kemudahan pejabat. Apakah langkah Kementerian di dalam mengatasi masalah ini supaya sistem pemasaran pertanian dan pengurusan Persatuan Nelayan di negeri tersebut dapat diperbaiki.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Pejabat-pejabat FAMA di negeri Sarawak adalah dalam keadaan memuaskan. Pada masa ini terdapat 12 buah Pejabat FAMA di seluruh negeri Sarawak. Jumlah kakitangan FAMA adalah mencukupi dan memadai di mana bilangannya agak besar di pusat-pusat yang aktif dalam pemasaran seperti di Kuching dan Sarikei, manakala jumlah yang minima ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang aktif kegiatan pertaniannya seperti di Miri, Sri Aman dan Limbang. Peruntukan adalah mencukupi bagi membiayai aktiviti pembangunan dan pemasaran yang dijalankan oleh Lembaga. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan terus dijalankan untuk menambah peruntukan, kakitangan dan kemudahan-kemudahan di masa hadapan.

Mengenai LKIM, LKIM tidak mempunyai pejabat di peringkat Bahagian di Negeri Sarawak, tetapi mempunyai Pejabat Cawangan yang bertempat di Bangunan Bank Negeri, Jalan Satok, Kuching; Pejabat Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN) Mukah/Oya di Mukah; Pejabat Pengurusan Kompleks Perikanan di Bintawa dan Balawai. Terdapat seramai 98 orang pegawai dan kakitangan di Pejabat-pejabat ini disamping seramai 28 orang pegawai dan kakitangan yang

ditempatkan di Persatuan-persatuan Nelayan.

Di dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pengurusan Persatuan Nelayan di Negeri Sarawak, pihak LKIM telah melantik pihak Juruaudit untuk mengemaskinikan akaun yang tertunggak hingga menjadi akaun semasa. Kakitangan pengurusan diberi kursus kemahiran pengurusan perniagaan dan akaun. Bagi pemimpin nelayan, kursus perniagaan/pengukuhan ekonomi dan kursus perundangan diadakan bagi meningkatkan kecekapan dan keupayaan mereka.

#### BANTUAN MAKANAN DI ASRAMA

**14. Tuan Saidin bin Adam** minta Menteri Pendidikan menyatakan tidakkah Kementerian Pendidikan berhasrat menambah kadar bantuan makanan di asrama kepada pelajar dari kadar yang sedia ada kepada kadar yang baru, selaras dengan kenaikan harga barangan masa ini di kedua-dua jenis bekalan mentah dan bekalan masak. Sekiranya Kementerian Pendidikan tidak berhasrat menambah, adakah Kementerian Pendidikan menyedari bahawa bantuan bagi bekalan mentah kepada setiap pelajar di asrama sekarang ini dirasakan sangat rendah.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini Kementerian Pendidikan tidak berhasrat untuk menambah kadar bantuan makanan di asrama kepada satu kadar yang lebih tinggi kerana pemilihan kadar makanan asrama dilakukan mengikut proses tender. Pihak pembekal makanan harian yang berjaya pula berkesanggupan dengan sebut harga itu tanpa mengalami kerugian. Oleh yang demikian, persoalan bantuan bekalan mentah kepada setiap pelajar di asrama dikatakan rendah tidak timbul.

#### USAHAWAN BUMIPUTERA— BANTUAN

**15. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan usaha Kerajaan untuk membantu Usahawan Bumiputera yang berwibawa setakat ini dan masa hadapan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan untuk membantu Usahawan Bumiputera. Langkah-langkah telah diambil oleh pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan termasuklah Kementerian ini. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan ialah:

- (1) Mengadakan kursus/seminar dan khidmat sokongan di pelbagai peringkat dan bidang peniagaan.
- (2) Bantuan Kewangan
- (3) Kemudahan ruangniaga, tapak dan pusat pameran
- (4) Bantuan Pemasaran
- (5) Penyelidikan dan Reka Bentuk
- (6) Sokongan Pentadbiran

Pada masa hadapan pula tumpuan akan diberikan kepada melahir usahawan berkualiti, mampu bertahan dan lebih berdaya-saingan. Usaha-usaha ini akan dilakukan secara yang lebih bersepadu antara pihak-pihak yang perlu berganding bahu dalam membantu usahawan-usahawan. Dalam hubungan ini Kerajaan akan mempertingkatkan usahanya terutama dari segi memberi pendedahan dan latihan yang dapat memperbaiki kemampuan mengurus di kalangan mereka. Cadangan Kerajaan menubuhkan satu perbadanan Pembangunan usahawan di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera yang akan memberi tumpuan kepada aspek melatih usahawan juga merupakan satu langkah baru yang dijangka membawa kesan yang besar.

Dalam pada itu usahawan-usahawan Bumiputera yang berwibawa yang bergiat dalam industri kecil dan sederhana boleh cuba mendapatkan bersama usahawan-usahawan kaum lain, kemudahan-kemudahan dan galakan yang disediakan oleh pihak Kerajaan seperti taraf perintis, pengecualian duti-duti import, elaun pelaburan semula, skim ITAF (Tabung Bantuan Teknikal Industri) dan sebagainya.

#### **DASAR KERAJAAN—PERANAN RAKYAT**

**16. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah kesemua dasar-dasar Kerajaan seperti Persyarikatan Malaysia, Pengswastaan, Pembentukan Masyarakat Penyayang, Dasar-dasar Ekonomi, Perusahaan Pertanian, Sumber Manusia dan lain-lainnya telah dapat diterap di fahami oleh seluruh penduduk di negara ini. Bagaimanakah cara pelaksanaan Kementerian beliau bagi menerapkan dasar-dasar tersebut dan adakah kajian dibuat sebesar mana peratusan pemahaman rakyat terhadap dasar-dasar tersebut.

**Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:** Saya berpendapat, adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat untuk mengetahui dasar-dasar Kerajaan dan ini adalah keperluan minima untuk membuktikan kesetiaan mereka kepada negara di samping memainkan peranan yang sewajarnya sebagai rakyat yang sah di negaranya sendiri. Tanggungjawab untuk menyebarkan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat bukan sahaja terletak kepada Kerajaan atau Kementerian Penerangan malahan kepada semua pihak termasuk pentadbir-pentadbir, wakil-wakil rakyat, media massa dan lain-lain lagi.

Sesuai dengan dasar Kementerian mewujudkan rakyat yang bermaklumat, dasar-dasar Kerajaan senantiasa disebarkan dari masa ke semasa melalui

media elektronik seperti televisyen, baik Kerajaan dan swasta, radio, Pegawai-pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan dan melalui filem-filem terbitan Filem Negara Malaysia.

Dari masa ke semasa Kementerian menjalankan kajian di atas persefahaman rakyat terhadap dasar Kerajaan dan juga di atas sambutan rakyat terhadap sesuatu dasar.

Kajian menunjukkan bahawa hanya di antara 6% hingga 14% sahaja rakyat yang tidak memahami dasar-dasar Kerajaan. Sebahagian besar memahami dasar-dasar Kerajaan tetapi daripada yang memahami hanya dalam lingkungan 20% yang memahami dengan sejelas-jelasnya. Daripada yang memahami dasar-dasar dengan jelas, anggaran 84%-95% bersetuju terhadap dasar dan perlaksanaannya. Ini menunjukkan semakin jelas rakyat memahami sesuatu dasar semakin ramai pula yang bersetuju dengannya.

Kemenangan Barisan Nasional mendapat lebih daripada 2/3 kerusi Parlimen dalam pilihanraya yang lalu adalah satu bukti yang amat jelas, satu menifestasi penerimaan dasar-dasar Kerajaan oleh rakyat.

#### **PENUNTUT DILUAR NEGARA-MASALAH**

**17. Tuan Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk membanyakkan pilihan untuk menghantar pelajar ke luar negara bagi mengurangkan kos dan mengelakkan penggantungan hanya kepada beberapa buah negara sahaja; dan
- (b) adakah Kementerian menjalankan kajian ke atas kesan yang dialami oleh para pelajar

yang menuntut di luar negeri apabila hubungan dua hala negara kita dengan negara tersebut mengalami perubahan.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pendidikan sebagai badan penganjur yang menghantar pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negeri telah pun mempelbagaikan pilihan penempatan pelajar-pelajar di luar negara. Pemilihan negara-negara adalah bergantung kepada kesesuaian kursus-kursus yang ditawarkan, satu pendidikan, kos pengajian dan bahasa pengantar yang digunakan. Bermula pada tahun 1983, usaha-usaha telah dijalankan untuk menghantar pelajar-pelajar ke negara-negara Jepun dan Republik Korea, selain daripada negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Perancis, Indonesia, Pakistan, India dan negara-negara Timur Tengah. Sejak tahun 1986, Kerajaan telah pula menghantar pelajar-pelajar ke negara Perancis dan Belgium. Usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk menghantar pelajar-pelajar ke Republik Jerman.
- (b) Setakat ini tiada kajian khusus yang dibuat oleh JPA ke atas kesan yang dialami oleh para pelajar apabila hubungan dua hala di antara negara kita dengan negara berkenaan yang mengalami perubahan. Walau bagaimanapun, Jabatan penuntut Malaysia di negara yang terlibat adalah sentiasa mengawasi atau mengambil perhatian mengenai keselamatan dan kebajikan pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut.

## HARGA BARANG-BARANG DI LANGKAWI-RUNGUTAN

**18. Dato' Haji Mohd. Shariff bin Jajang** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah reaksi peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur terhadap kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menarik balik kemudahan kawasan bebas cukai bagi Pulau Langkawi:

- (a) apakah sudah dibuat suatu pemeriksaan aduan tindakan-tindakan tertentu terhadap rungutan dan dua orang ramai khususnya pengunjung-pengunjung dalam Negeri terhadap harga-harga barang yang dikatakan mahal di Pulau Langkawi; dan
- (b) apakah Kementerian tidak bercadang untuk mengecualikan dari cukai dan pemeriksaan kastam bagi pengunjung-pengunjung yang hanya mampu menginap dan bermalam untuk semalam sahaja di Pulau Langkawi.

**Dato Loke Yuen Yow:** Para peniaga dan pelabur amat memandang berat kenyataan Yang amat Berhormat Perdana Menteri untuk menarik balik kawasan bebas cukai bagi Pulau Langkawi. Mereka berpendapat tindakan ini akan mengurangkan daya tarikan Langkawi dan akan menjejaskan pembangunan pulau itu di masa hadapan:

- (a) Sehubungan dengan rungutan bahawa harga-harga barang di Langkawi adalah mahal, satu kajian telah dibuat ke atas perkara ini. Kajian ini telah meliputi harga barang-barang pelancong dan barang-barang pengguna.

Secara amnya kajian ini mendapati harga barang-barang adalah murah di Langkawi. Apa yang dipertikaikan ialah harga-harga ini harus boleh

dikurangkan lagi bagi mengambilkira kedudukan Langkawi sebagai kawasan bebas cukai.

Walau bagaimanapun paras harga lebih murah ini tidak dapat dicapai dengan serta merta selepas Langkawi diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai. Ini adalah kerana ianya masih tertakluk kepada mekanisma ekonomi dan perniagaan yang menyumbangkan kepada perkiraan kos yang seterusnya akan menentukan had harga jualan.

Faktor-faktor ini yang telah dikenalpasti adalah:

- (i) kos pengangkutan tinggi;
- (ii) sumber barangan diperolehi dari orang tengah;
- (iii) ketiadaan pelabuhan dan kekurangan kemudahan jeti yang sedia ada; dan
- (iv) pengambilan untung berlebihan oleh peniaga.

Mekanisma penentuan harga di paras berpatutan ini akan memakan masa untuk menjadi kenyataan dan akan senantiasa diawasi oleh Kerajaan bagi memastikan ianya tercapai.

- (b) Kementerian tidak bercadang untuk mengecualikan dari cukai dan pemeriksaan Kastam bagi pengunjung-pengunjung yang hanya mampu menginap dan bermalam untuk semalam sahaja di Pulau Langkawi. Mengikut Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988, adalah disyaratkan bahawa setiap pelawat perlu berada di luar kawasan Persekutuan tidak kurang dari 72 jam sebelum layak mendapat pengecualian tersebut. Tujuan tempoh 72 jam ini dikenakan ialah untuk menggalakkan perkembangan industri sampingan kepada pelancongan seperti industri perhotelan dan sebagainya.

### MASALAH KEMEROSOTAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

**19. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk mengatasi masalah kemerosotan untuk penguasaan dan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah terutama di luar bandar serta nyatakan juga tindakan yang diambil untuk mengawasi masalah kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani telah pun dijawab sekaligus pada 17-6-1991. Oleh itu saya tidak ada apa-apa tambahan yang ingin dinyatakan. Terima kasih.

### UNIT TRUST FUNDS— KAWALAN OPERASI

**20. Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah "Unit Trust Funds" yang ada sekarang dan sebutkan nama bank-bank dan juga institusi-institusi kewangan yang lain yang menjalankan urusan mengenai perkara ini;
- (b) bagaimanakah Menteri Kewangan dan juga Bank Negara Malaysia dapat mengawal operasi "Unit Trust Funds" yang ada sekarang di Malaysia; dan
- (c) apakah peranan "Capital Issue Committee (CIC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, "Registrar of Companies", the "Public Trustee" dan "Foreign Investment Committee" di dalam penubuhan, pelaksanaan, dan mengawal operasi sesebuah "Unit Trust Funds".

**Dato' Loke Yuen Yow:** Jawapan (a), untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dana amanah saham merupakan wang yang dikumpulkan daripada pihak awam untuk dilaburkan dalam saham-saham syarikat.

Pada masa ini terdapat 34 dana amanah saham, termasuk satu yang belum dilancarkan. Dana-dana amanah saham tersebut adalah diuruskan oleh sepuluh syarikat pengurusan. Lima daripada syarikat ini adalah terdiri daripada Institusi-institusi Kewangan di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia manakala yang lainnya adalah diuruskan oleh institusi-institusi lain. Institusi Kewangan yang terlibat di dalam pengurusan dana amanah saham adalah Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Ban Hin Lee Bank Berhad, Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad, MBF Finance Berhad dan D & C Mitsui Merchant Bank Berhad. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, prestasi kebanyakan syarikat pengurusan dan dana amanah saham adalah memuaskan.

Jawapan (b) dan (c), oleh kerana soalan (b) dan (c) adalah berkaitan, saya minta izin untuk menjawab kedua-dua soalan serentak.

Menteri Kewangan mengawal operasi dana amanah saham melalui Jawatankuasa Terbitan Modal dan Bank Negara Malaysia. Di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983, terbitan amanah saham memerlukan kelulusan Jawatankuasa Terbitan Modal dan oleh itu, semua cadangan-cadangan untuk menubuhkan dana amanah saham serta syarikat pengurusan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Terbitan Modal.

Selaras dengan Seksyen 87, Akta Syarikt 1965, Bank Negara Malaysia akan membuat cadangan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas perlantikan pemegang amanah untuk dana amanah saham. Sekiranya Institusi Kewangan di bawah pengawasan Bank Negara

Malaysia bercadang untuk menubuhkan dana amanah saham serta syarikat pengurusan dana, cadangan ini perlu diluluskan oleh Bank Negara Malaysia terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Terbitan Modal. Bank Negara Malaysia juga akan mengendalikannya pemeriksaan atas akaun syarikt-syarikat pengurusan dan dana amanah saham.

Pendaftar syarikat, di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, akan mempertimbangkan semua permohonan perlantikan pemegang amanah, pengarah, ketua pengarah syarikat dan ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan (di mana perlu). Pendaftar Syarikat juga mengendalikannya pemeriksaan atas akaun syarikat-syarikat pengurusan dan dana-dana yang diuruskan.

Peranan Pemegang Amanah Raya Malaysia di dalam industri dana amanah saham hanyalah sebagai pemegang amanah kepada dana itu sekiranya ia dilantik sedemikian. Pemegang amanah memastikan bahawa kegiatan syarikat pengurusan adalah selaras dengan surat amanah dan kepentingan pelabur dalam dana itu tidak terjejas.

Jawatankuasa Pelaburan Asing hanya terlibat dalam industri dana amanah saham sekiranya dana membuat pelaburan yang tertakluk kepada garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak memainkan apa-apa peranan di dalam industri dana amanah saham.

## PROGRAM KOMPUTER DALAM PENDIDIKAN

21. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian akan meneruskan Program Komputer dalam pendidikan yang telah dirancang; dan

- (b) jika program tersebut diteruskan, berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan sememangnya berhasrat untuk meneruskan Program Komputer Dalam Pendidikan (KDP) seperti yang telah dirancangan.
- (b) Jumlah peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan Program KDP ialah sebanyak \$120.3 juta. Peruntukan tersebut adalah bagi tujuan pembekalan komputer kepada sekolah-sekolah dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

### MESIN FAX

**22. Tuan Woon See Chin** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan dengan keadaan masa kini mesin fax telah digunakan dengan secara yang amat luas. Apakah pandangan Kerajaan terhadap perkara yang berkaitan dengan dokumen-dokumen telefax dijadikan sebarang ketetapan undang-undang berkenaan untuk mengawalinya; kerana memandangkan dengan dokumen-dokumen telefax yang dihantar melalui mesin telefax cuma sebagai suatu salinan pendua sahaja dan salinan dokumen yang asal masih berada di tangan pengirim. Oleh itu jikalau pengirim tidak menyerahkan salinan dokumen asal, bagaimana boleh dianggap salinan dokumen telefax itu sebagai dokumen yang sah dan menjadi sebagai bukti yang rasmi. Maka adakah kemungkinan Kerajaan bercadang untuk membuat sesuatu ketetapan undang-undang yang tertentu terhadap perkara itu.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Seksyen 3, Akta Keterangan

1950 mentakrifkan "dokumen" sebagai apa-apa hal yang dinyatakan atau perihalkan atas apa-apa benda dengan cara menggunakan huruf, angka atau tanda atau dengan menggunakan lebih daripada satu daripada cara-cara tersebut yang dimaksud untuk digunakan atau yang mungkin digunakan bagi tujuan merekodkan hal itu. Di bawah misalan takrif "dokumen" perkataan yang dicetak, dilito atau difoto ialah dokumen. Oleh yang demikian apa-apa dokumen yang diterima melalui mesin telefax adalah dokumen dalam ertikata Akta Keterangan.

Seterusnya seksyen 61 Akta Keterangan memperuntukkan bahawa kandungan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau dengan keterangan sekunder. Apa yang dimaksudkan dengan keterangan sekunder telah dijelaskan di dalam Seksyen 63 Akta yang sama. Ia meliputi salinan-salinan yang dibuat daripada naskhah asal melalui proses mesin, yang sendirinya memastikan ketepatan salinan itu. Dengan itu dokumen-dokumen telefax adalah keterangan sekunder.

Seksyen 65 Akta Keterangan menyenaraikan beberapa keadaan dalam mana keterangan sekunder boleh diberi mengenai kewujudan, keadaan atau kandungan sesuatu dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan.

Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan kebimbangan pengemukakan dokumen telefax sebagai bukti sekiranya pengirim dokumen berkenaan tidak menyerahkan dokumen asal. Kebimbangan Yang Berhormat ini telah diambil kira di dalam seksyen 65 (1) (a), Akta Keterangan di mana diperuntukkan bahawa keterangan sekunder boleh diberi mengenai kandungan sesuatu dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan apabila dokumen asal dibuktikan atau ternyata sebagai ada di dalam milik atau di bawah kuasa orang yang terhadapnya dokumen itu hendak

dibuktikan dan setelah diberi notis yang tersebut dalam Seksyen 66, orang itu tidak mengemukakanya.

Seksyen 66, Akta Keterangan memperuntukkan kaedah-kaedah mengenai notis untuk mengemukakan dokumen yang dimaksudkan di bawah seksyen 65 (1) (a). Mengikut Seksyen 66 pihak yang bercadang hendak memberi keterangan sekunder hendaklah terlebih dahulu memberi kepada pihak yang memiliki atau berkuasa atas dokumen itu, atau kepada penguambelanya, suatu notis sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang untuk mengemukakannya; dan jika tiada apa-apa notis ditetapkan oleh undang-undang, maka notis itu hendaklah mengikut sebagaimana difikirkan munasabah oleh mahkamah menurut hal keadaan perkara itu. Seksyen 66 juga telah menyenaraikan keadaan dalam mana notis sedemikian tidak dikehendaki. Antara lainnya ialah apabila dokumen yang hendak dibuktikan itu sendiri adalah suatu notis.

Daripada apa yang disebutkan tadi adalah jelas bahawa peruntukan-peruntukan yang wujud sekarang dalam Akta Keterangan 1950 telah pun memperuntukkan bagaimana sesuatu dokumen yang diterima melalui mesin telefax, yang adalah keterangan sekunder, boleh diterima sebagai keterangan apabila syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Akta berkenaan dipatuhi. Peruntukan-peruntukan yang wujud sekarang telah pun mengambil kira kemajuan teknologi dalam penyediaan dan penghantaran sesuatu dokumen.

#### **BALAK DI SARAWAK— CAWANGAN MTIB**

**23. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilakah Kerajaan hendak membuka cawangan MTIB di Sarawak untuk memproses serta menyelaraskan

pengeluaran permit eksport kayu balak seperti yang dilakukan ke atas Sabah baru-baru ini. Adakah beliau sedar kegiatan membalak di Sarawak adalah sama walaupun tidak berlebihan jika dibandingkan dengan Sabah.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Cawangan bagi MTIB membuat cawangan di Sarawak untuk memproses serta menyelaras pengeluaran lesen eksport kayu-kayan adalah dalam pertimbangan. Saya juga sedar Kerajaan Negeri Sarawak sedang berusaha untuk mengurangkan pengeluaran balak di Sarawak ke satu tahap yang lebih berkekalan.

#### **NELAYAN ASING— PENCEROBOHAN**

**24. Tuan Haji Buniyamin bin Yaacob** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa nelayan-nelayan asing sentiasa mencoroboh pantai negeri Kelantan pada waktu malam; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil terhadap nelayan-nelayan asing yang melakukan pencerobohan tersebut.

**Dato' S. Subramaniam:**

- (a) Pihak Kerajaan khususnya Jabatan Perikanan sememangnya sedar bahawa terdapat pencerobohan nelayan asing bukan sahaja di Kelantan malah di seluruh negara. Untuk makluman, pencerobohan ini berlaku pada bila-bila masa dan ini terbukti kerana pihak Jabatan ada menjalankan risikan dan juga tinjauan laut serta tinjauan melalui pengawasan udara.

Selain dari tinjauan yang dilakukan sendiri, pihak Jabatan juga ada menerima aduan melalui orang ramai mengenai kes-kes pencerobohan yang berlaku di

serata negara. Di dalam hal ini nelayan-nelayan juga boleh menghubungi bilik Gerakan Operasi melalui nombor 2982920 atau melalui Wireless "frequency" bernombor 5802.

- (b) Pihak penguatkuasa Maritim termasuk Jabatan Perikanan adalah amat peka terhadap aduan-aduan nelayan serta masalah pencerobohan bot-bot menangkap ikan asing ini.

Semua Agensi Penguatkuasaan Maritim, termasuk Jabatan Perikanan sentiasa menjalankan rondaan-rondaan di laut dan di udara bagi membanteras kegiatan pencerobohan bot-bot menangkap ikan-nelayan asing. Selain daripada rondaan-rondaan biasa, Gerakan-gerakan Khas dan Operasi-operasi Bersama juga sering dijalankan. Kejayaan besar telah dicapai di mana sehingga 17hb Jun 1991 sejumlah 102 bot asing telah ditangkap dengan melibatkan 983 orang nelayan.

Pada keseluruhannya, masalah pencerobohan bot-bot menangkap ikan asing ke dalam kawasan Pengairan Perikanan Malaysia adalah terkawal dan telah dapat dibendung kalau pun tidak dapat dibanteras sama sekali.

### KRISIS TELUK

**25. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan dasar luar negara kita adalah satu strategi bagi keselamatan, agama Islam dan umatnya, maka:

- (a) sejauhmana strategi ini telah digunakan dalam menghadapi Krisis Teluk sebelum 2 Ogos, 1990 dan selepas 2 Ogos, 1990;

(b) sejauhmana keselamatan umat Islam di Iraq dan rantau Teluk diberi keutamaan semasa Resolusi 678 Majlis Keselamatan PBB disokong oleh Malaysia; dan

- (c) apakah keutamaan yang diberikan jika keselamatan Islam dan umatnya tidak termasuk dalam semua pertimbangan sepanjang krisis/Perang Teluk.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Salah satu dasar luar negara yang terpenting ialah untuk mengadakan hubungan yang baik dengan negara-negara Islam. Penglibatan Malaysia dalam memperjuangkan kepentingan agama dan umat Islam di forum-forum antarabangsa adalah nyata dan tidak perlu diragui. Sebagaimana yang kita semua maklum, Krisis Teluk pada 2 Ogos, 1990 adalah berpunca dari pencerobohan dan penaklukan sebuah negara Islam terhadap sebuah negara Islam yang lain. Walaupun terdapat usaha-usaha dari Pertubuhan-Pertubuhan Islam seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Liga Arab (Arab League) yang cuba mengatasi masalah ini melalui perundingan, namun di atas kedegilan Iraq untuk berundur maka usaha tersebut menemui kegagalan. Pada awal-awal lagi kita telah bersedia untuk menghadiri Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam. Malangnya tidak banyak negara yang menyambut usaha yang dicadangkan oleh negara Iran. Malaysia telah melahirkan kesalnya terdapat pencerobohan dan penaklukan Iraq terhadap Kuwait kerana ini amat bertentangan dengan dasar luar Malaysia serta undang-undang antarabangsa. Sebagai sebuah

negara yang kecil, keupayaan kita untuk mencari penyelesaian adalah terbatas. Walau bagaimanapun Malaysia tetap gigih berusaha sedaya-upaya mencari penyelesaian damai melalui forum-forum antarabangsa, khususnya di PBB melalui tekanan moral (*moral persuasion*) ke atas negara-negara yang terlibat supaya keselamatan dan perpaduan umat Islam tidak tergugat. Malangnya, rayuan dan pandangan Malaysia supaya Iraq berundur tanpa syarat dan kedaulatan serta keutuhan Wilayah Kuwait diserahkan kembali kepada rakyat Kuwait tidak diindahkan oleh Iraq hinggalah PBB meluluskan Resolusi 678 yang melibatkan pengusiran tentera Iraq dari Kuwait oleh negara-negara bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat.

- (b) Semasa memberi sokongan kepada Resolusi 678 Kerajaan Malaysia telah mengambil kira semua faktor termasuk keselamatan umat Islam di Iraq. Sebenarnya Krisis Teluk berpunca dari tindakan Pemimpin Iraq itu sendiri yang tidak langsung mengambil kira keselamatan rakyatnya dengan menceroboh Kuwait. Sejak dari awal krisis tersebut, Kerajaan Malaysia telah merayu kepada pihak yang terlibat supaya menyelesaikan masalah itu secara damai dan berundur dari Kuwait. Sekiranya Iraq tidak berdegil serta mematuhi kesemua resolusi yang diputuskan terdahulu, negara itu akan selamat dari dimusnahkan. Sokongan Malaysia terhadap Resolusi 678 Majlis Keselamatan PBB adalah berlandaskan prinsip dasar luar Malaysia, prinsip piagam Per-

tubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), pengambilan kira permintaan negara-negara anggota Persidangan Islam (OIC) dan yang paling penting mendengar rayuan daripada rakyat Kuwait, yang telah menjadi mangsa pencerobohan tersebut.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia menolak dan mengancam sebarang pencerobohan sepertimana yang dilakukan terhadap pencerobohan Vietnam ke atas Cambodia, USSR ke atas Afghanistan, Amerika Syarikat ke atas Granada dan Panama.

- (c) Sepertimana yang telah diterangkan, Kerajaan Malaysia telah memberi pertimbangan kepada semua perkara dalam membuat sebarang keputusan mengenai Krisis Teluk.

#### TOL DI SLIM RIVER—KUTIPAN

**26. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat memansuhkan kutipan tol di Slim River apabila projek Lebuhraya Utara-Selatan dari Ipoh—Kuala Lumpur disiapkan.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Mengikut perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan jalan raya bertol Slim River—Tg. Malim akan diserahkan kepada Kerajaan apabila bahagian Lebuhraya Utara-Selatan di antara Tg. Malim dan Bidor siap dan dibuka kepada lalulintas. Adalah dijangkakan bahagian ini akan disiapkan pada akhir tahun 1993.

Buat ketika ini Kerajaan belum lagi membuat sebarang keputusan sama ada untuk meneruskan atau memansuhkan kutipan tol di jalan raya Slim River—Tg. Malim.

**TOL DI JALAN PAHANG—  
KUTIPAN**

**27. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang mengadakan semula kutipan tol di persimpangan bertingkat Jalan Cheras dan asas serta rasional penganan semula kutipan tol di tengah-tengah bantahan awam yang kuat sebagaimana yang terbukti dalam demonstrasi besar-besaran pada 7-9-1990 di plaza tol Cheras dan peningkatan kesesakan lalulintas di sepanjang Jalan Cheras;
- (b) sama ada kutipan tol di Jalan Pahang akan dihapuskan, jika tidak, mengapa;
- (c) jika persimpangan bertingkat Jalan Cheras dan Jalan Pahang dikenakan tol berapakah kadar tol bagi setiap jenis kenderaan. Juga nyatakan sama ada akan terdapat satu atau dua hala kutipan jangkamasa kutipan dan jangkaan keuntungan bagi syarikat swasta pada akhir tempoh konsesi; dan
- (d) nama syarikat swasta yang mengambilalih dari Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd., senarai penuh pemegang saham syarikat baru dan jumlah saham setiap pengarah memegangnya.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Soalan ini telah pun dijawab dalam jawapan yang disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau pada hari ini juga.

**PERLUCUTAN SENJATA DI IRAQ**

**28. Dr V. David** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah sambutan Kerajaan Malaysia tentang keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) meluputkan senjata negeri Iraq di bawah pengaruh Amerika Syarikat;

- (b) adakah Malaysia menyokong keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) bagi melucutkan senjata negeri Iraq; dan
- (c) adakah keinginan kerajaan juga menyokong keputusan melucutkan senjata Kerajaan Kulit Putih di Afrika Selatan, kerana kerajaan tersebut sedang membunuh rakyat jelata di sana walaupun orang kulit hitam yang menjadi sebahagian besar, berhak membantah pemerintahan Kerajaan Kulit Putih yang begitu kecil.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Keputusan melucutkan senjata Iraq adalah sebahagian daripada resolusi 687 untuk menamatkan peperangan Teluk. Senjata yang dimaksudkan ialah jenis yang boleh menyebabkan kemusnahan secara besar-besaran seperti peluru-peluru berpandu dan senjata kimia. Malaysia memang menyokong tindakan-tindakan untuk menghapuskan senjata-senjata demikian bukan sahaja di Iraq tetapi di seluruh dunia.
- (b) Semasa Majlis Keselamatan PBB meluluskan resolusi 687 yang meliputi perlucutan senjata di Iraq, Malaysia tidak lagi menganggotai Majlis tersebut.
- (c) Kerajaan memang menyokong usaha untuk melucutkan senjata Kerajaan Kulit Putih di Afrika Selatan supaya terhapus sistem apartheid di negeri tersebut dan penindasan terhadap kaum kulit hitam berakhir segera. Usaha ke

arah tersebut sudah pun dibuat melalui PBB dengan mengenakan sekatan ekonomi dan menghalang semua penjualan senjata kepada Afrika Selatan.

### TRAGEDI SUNGEI BULUH

**29. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) dengan peristiwa tragedi Sungei Buluh apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengawasi nyawa rakyat Malaysia dari ancaman-ancaman seperti berikut:
- (i) kilang-kilang yang sedang mengeluarkan barangan "toxic" yang masih berada di kawasan-kawasan perumahan;
  - (ii) kilang-kilang yang membuang najis-najis dengan kadar yang tinggi yang mengancam punca-punca air di negara kita;
  - (iii) "Petrol dan Gas Refuelling and Storage Godowns" yang masih berada berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memberi tanah-tanah industri ganti kepada kilang-kilang haram yang telah bertambah dengan begitu banyak sejak 20 tahun yang lampau.

Berapakah masa yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kilang haram ini di seluruh negara kita. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan ke atas pegawai-pegawai Kerajaan yang telah mengkompromisi untuk mengadakan satu sistem yang begitu bahaya pada masa kini.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:**

- (a) (i) Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini satu kajian sedang dibuat oleh MAMPU mengenai industri-industri yang mengeluarkan bahan-bahan berbahaya bagi mengatasi masalah kewujudan kilang-kilang berbahaya yang boleh mengancam nyawa manusia.

Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar ada mengeluarkan peraturan yang bertujuan untuk menentukan kesesuaian lokasi sesebuah industri yang dibina selepas tahun 1989. Kementerian ini telah pun mengeluarkan nasihat kepada semua pihak berkuasa tempatan supaya memastikan peraturan Jabatan Alam Sekitar tersebut dipatuhi.

- (ii) Berkaitan dengan kilang-kilang yang mengeluarkan najis pada kadar yang tinggi, kajian menunjukkan bahawa bahaya daripada najis-najis ini adalah rendah dan tidak menimbulkan masalah. Namun demikian, pembuangan sisa-sisa kilang adalah diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Peraturan Kualiti Alam 1979 (Kumbahan dan Buangan-buangan Industri).
- (iii) Di samping itu, pembinaan dan pengawalan "Petrol & Gas Refuelling and Storage Godowns" diawasi oleh Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984. Di bawah Akta tersebut Pihak Berkuasa Tempatan diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen atau sebaliknya bagi sesebuah penstoran

Petroleum. Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa mengawasi perkembangan premis sedemikian dan semestinya peka kepada rungutan orang ramai terhadap premis-premis penstoran Petroleum tersebut atau tidak. Jabatan Bomba juga turut terlibat dalam menentukan bangunan berkenaan selamat dari ancaman kebakaran. Untuk makluman Yang Berhormat juga, satu garis panduan mengenai kesesuaian tapak sesebuah stesyen minyak telah dibentangkan dan diper-setujui oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan untuk diterima pakai di semua Pihak Berkuasa Tempatan.

- (b) Berkaitan dengan pemberian tanah-tanah industri ganti kepada kilang-kilang haram, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa menggantikan tanah-tanah tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa Kerajaan Negeri yang memajukan kawasan-kawasan perindustrian. Dalam hubungan ini, pekilang-pekilang haram berkenaan boleh memohon kepada Kerajaan Negeri berkaitan untuk mendapatkan lot-lot di dalam kawasan industri berkenaan. Begitu juga, pengilang-pengilang haram boleh membeli daripada pemaju-pemaju lain yang memajukan sesebuah kawasan industri untuk mendapatkan lot-lot yang sesuai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya bukan sahaja Pihak Berkuasa Tempatan tetapi semua Pihak Berkuasa yang terlibat sememangnya sedar akan kuasa dan kewajipan

masing-masing seperti mana diperuntukkan oleh undang-undang untuk mengambil tindakan sesuai terhadap kakitangannya yang didapati melanggar peraturan-peraturan sepertimana di dalam masalah yang dibangkitkan.

#### PEMBANTU LUAR DI JABATAN PENERANGAN

**30. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa perkhidmatan Pembantu Luar Jabatan Penerangan tidak ditetapkan atau diberi kontrak 5 tahun sekali.

**Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:** Perkhidmatan Pembantu Luar Jabatan Penerangan merupakan jawatan perlantikan secara kontrak, mereka tidak dilantik ke jawatan tetap kerana:

- (i) Perkhidmatan mereka didasarkan kepada keperluan semasa;
- (ii) Mereka tidak dikehendaki memiliki syarat-syarat yang cukup untuk dilantik sebagai Pegawai Tetap.

Sungguhpun kontrak mereka pada masa kini hanya 2 tahun sekali, tetapi mereka dibenarkan memohon menyambung kontrak mereka sehingga mencapai umur 55 tahun.

Sebagai makluman, perkhidmatan Pembantu Luar mulai diperkenalkan pada awal tahun 1961. Pengambilan peringkat awal untuk membantu Kerajaan menyedarkan rakyat luar bandar untuk melibatkan diri dalam pembangunan negara.

Calon-calon mestilah mempunyai latar belakang serta keperibadian yang baik dan mempunyai kemampuan untuk berbicara dengan rakyat melalui komunikasi bersemuka.

## PELABUHAN KONTENA DI SARAWAK

**31. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada pelabuhan utama di Sarawak seperti Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri akan dinaikkan ke taraf pelabuhan berkontena;
- (b) sama ada pembinaan Lapangan Terbang Baru Sibu adalah seperti yang dijadualkan dan nyatakan (anggaran) tahun bila ianya akan siap dibina;
- (c) sama ada Kementerian Pengangkutan akan menimbang untuk meminda terminal lapangan terbang baru Sibu kepada tiga "aerobridge" untuk kemudahan penumpang;
- (d) sama ada kawasan tanah lapangan terbang baru Sibu mencukupi untuk penambahan di masa hadapan bagi penyesuaian kepada kapal terbang besar seperti "Air-Bus", Boeing 747, DC10 dan sebagainya; dan
- (e) jika ada rancangan untuk membesarkan Lapangan Terbang Kuching di masa hadapan, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):**

- (a) (i) Perancangan, pembangunan dan pengawasan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pelabuhan-pelabuhan Kuching, Rajang dan Miri adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak iaitu melalui Kementerian Pembangunan Industri Negeri Sarawak. Fungsi Kerajaan Persekutuan di dalam perkara ini adalah setakat menyelaraskan program pembangunan yang

dirancang agar sejajar dengan dasar-dasar yang telah dibuat.

Kementerian Pengangkutan sentiasa berhubung dengan Kementerian Pembangunan Industri Negeri Sarawak dan Lembaga-lembaga Pelabuhan yang terlibat di dalam merancang program-program pembangunan kemudahan-kemudahan pelabuhan di negeri Sarawak. Bagi pelabuhan-pelabuhan di negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan hanya bertanggungjawab secara langsung di dalam perancangan, pembangunan dan pengawasan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pelabuhan Bintulu. Untuk makluman Yang Berhormat, pelabuhan-pelabuhan di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri turut mempunyai program pembangunan untuk mengendalikan kargo berkontena seperti mana berikut:

(i) Lembaga Pelabuhan Rajang

- Pengubahsuaian "transit shed" dan dermaga bagi Pelabuhan Sibu.
- Pembesaran kemudahan dermaga di Pelabuhan Sarikei.

(ii) Lembaga Pelabuhan Miri

- Pembinaan kompleks pelabuhan baru di Kuala Baram yang mempunyai kemudahan untuk mengendalikan kontena.

- (ii) Setakat ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Pelabuhan Bintulu sebagai sebuah Pelabuhan Kontena bagi tempoh 5 tahun akan datang (Rancangan Malaysia Keenam). Walau bagaimanapun, bagi mengendalikan kargo-kargo kontena yang semakin meningkat, Lembaga Pelabuhan Bintulu telah memohon kepada Kementerian untuk menyediakan kemudahan-kemudahan untuk mengendalikan kontena bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam.
- (b) Kerja-kerja pembinaan Lapangan Terbang Baru Sibuan sedang berjalan dan projek ini sepertimana yang dirancang adalah dijadualkan siap pada suku pertama tahun 1993.
- (c) Di dalam perancangan projek ini, bangunan terminal tidak disediakan dengan kemudahan "aerobridge". Rancangan ini mengambilkira lapangan-lapangan terbang domestik yang lain di mana tiada "aerobridge" disediakan.
- (d) Tanah yang telah diambil seluas 469 hektar adalah mencukupi untuk Lapangan Terbang Baru Sibuan pada masa ini ataupun untuk kegunaan di masa hadapan jika Kerajaan memutuskan lapangan terbang ini diperbesar untuk mengendalikan pesawat yang lebih besar.
- (e) Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan trafik bagi beberapa tahun yang akan datang

ini. Pada ketika ini, Kerajaan adalah dalam proses memberi pertimbangan atas cadangan supaya lapangan terbang ini dipertingkatkan untuk menampung pesawat jenis B747. Namun demikian, ingin saya memaklumkan bahawa kemudahan-kemudahan tertentu di Bangunan Terminal akan dipertingkatkan dalam RM6, khasnya Balai Ketibaan yang akan diperbesar.

#### PEMANDU KENDERAAN BERAT—DENDA

**32. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk mewujudkan suatu undang-undang yang lebih berat kepada pemandu-pemandu kenderaan berat seperti bas dan lori agar cepat menakutkan atau dapat membuat mereka lebih berwaspada semasa memandu dan tidak sewenang-wenangnya melanggar kenderaan yang kecil dan menyebabkan kematian yang tidak sepatutnya berlaku.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Kerajaan tidak bercadang pada masa ini untuk mewujudkan undang-undang berlainan yang mengenakan denda lebih berat terhadap pemandu-pemandu kenderaan berat seperti bas dan lori. Mengikut undang-undang yang ada sekarang mana-mana pemandu, sama ada pemandu kenderaan kecil atau besar, sekiranya didapati bersalah, akan dikenakan tindakan yang sewajarnya berdasarkan kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, punca utama berlakunya kemalangan jalanraya adalah faktor kemanusiaan, iaitu sikap pemandu kenderaan dan sikap sedemikian bukan hanya tertumpu kepada pemandu kenderaan berat sahaja.

## PERKEMBANGAN EKONOMI SERANTAU/EKONOMI DUNIA

**33. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah dan strategi Kerajaan bagi menghadapi perkembangan ekonomi serantau dan ekonomi dunia dan apakah perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai tentang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz):** Bagi menghadapi perkembangan ekonomi serantau dan ekonomi dunia, Kerajaan telahpun mengamalkan strategi dan mengambil beberapa langkah bagi memelihara serta memajukan kepentingan negara seperti berikut:

Pertama, untuk memastikan supaya perdagangan bebas dapat diperkukuhkan, Malaysia mengambil bahagian aktif dalam rundingan Pusingan Uruguay yang dianjurkan oleh GATT. Ini bertujuan supaya disiplin perdagangan pelbagai-hala dipatuhi oleh semua negara dan supaya dapat dikawal dan dielakkan tindakan-tindakan atau dasar-dasar perdagangan yang mempunyai unsur-unsur perlindungan.

Kedua, diperingkat serantau, Malaysia akan terus berusaha untuk menjayakan projek-projek kerjasama ASEAN dan semua aktiviti ekonomi yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan kerjasama ASEAN di bidang ekonomi, perdagangan

dan pelaburan. Dalam konteks ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah juga mencadangkan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur atau EAEG supaya strategi serta pendekatan bagi mempertingkatkan hubungan ekonomi di antara ASEAN dan negara-negara jiran di Asia Timur dapat dibincang dan dirumuskan untuk tindakan bersama. Ini akan juga menyumbang ke arah usaha untuk mempertingkatkan kerjasama di peringkat Asia Pasifik.

Ketiga,

untuk mempertingkatkan eksport barangan Malaysia ke luar negeri dan untuk menarik pelaburan ke dalam negeri, Kerajaan akan terus menyertai pameran-pameran perdagangan antarabangsa serta menghantar rombongan perdagangan dan galakan pelaburan ke luar negeri. Dalam hal ini, tumpuan akan diberi bukan pasaran barangan Malaysia di pasaran besar di Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah tetapi usaha sahaja untuk mengekal dan mempertingkatkan bahagian juga akan dijalankan untuk menerokai pasaran baru. Sehubungan dengan ini, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa melalui forum G-15, Malaysia telahpun dapat memeterikan perjanjian bagi mengadakan sistem pem-

bayaran perdagangan dengan negara-negara membangun yang menghadapi masalah pertukaran matawang asing.

Keempat, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan terus merundingkan syarat-syarat yang terbaik bagi barangan eksport Malaysia terutama barangan yang diproses dan barangan perkilangan di pasaran antarabangsa. Selain daripada rundingan di GATT, Kerajaan juga akan terus mengadakan rundingan-rundingan dua-hala mengenai perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara yang pasarannya mempunyai potensi bagi Malaysia. Ini termasuk memeteraikan perjanjian perdagangan, pelaburan dan pengelakan cukai dua kali.

Mengenai perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai tentang APEC, setakat ini sepuluh projek telah dipersetujui untuk kajian dan pelaksanaan termasuk data perdagangan dan pelaburan, penggalakan perdagangan, pelaburan dan pemindahan teknologi, pembangunan sumber manusia, tenaga, sumber laut, telekomunikasi, perikanan, pengangkutan dan pelancongan. Malaysia adalah satu daripada negara penye-laras bagi projek-projek Penggalakan Perdagangan dan Pembangunan Sumber Manusia.

## CUKAI BAJA/RACUN SERANGGA

**34. Tuan Richard Riot Anak Jaem** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menurunkan cukai bagi baja dan racun serangga.
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu para pekebun lada dan koko dan masa harga kedua-dua komoditi ini begitu menurun sehingga ianya di bawah kos pengeluaran seperti yang dialami sekarang.

**Dato' S. Subramaniam:**

- (a) Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang menurunkan cukai bagi baja dan racun serangga. Untuk makluman Yang Berhormat penanam-penanam padi adalah diberikan subsidi baja secara percuma maksima bagi 6 ekar tanaman mereka. Berhubung dengan racun serangga, walaupun ini tidak diberikan secara percuma, ia adalah merupakan hanya satu komponen kecil daripada kos pengeluaran padi dan tidak membebankan penanam-penanam padi.
- (b) Mengenai kenyataan bahawa harga kedua-dua komoditi ini adalah di bawah kos pengeluaran, dakwaan ini adalah kurang tepat. Untuk makluman Yang Berhormat, harga purata lada hitam dan lada putih dari bulan Januari hingga bulan Mei 1991 adalah pada kadar \$282/100 kg. dan \$343/100 kg. bagi lada putih. Manakala kos pengeluaran pula adalah \$150/100 kg. (lada hitam) dan \$187/100 kg. bagi lada putih. Kos pengeluaran ini tidak mengambilkira kos tenaga buruh memandangkan kebiasaannya, pekebun-pekebun lada menggunakan buruh dari keluarga sendiri.

Bagi kos pengeluaran biji koko basah dan biji koko kering oleh pekebun kecil ialah \$0.60/kg. dan \$2.00/kg. Berdasarkan maklumat harga yang diperolehi dari FAMA (lampiran), harga peringkat ladang bagi kedua-duanya melebihi kos tersebut. Justeru itu mereka masih mendapat keuntungan walaupun sedikit. Namun begitu, Kementerian Pertanian akan sentiasa terus berusaha untuk membantu pekebun-pekebun kecil mengatasi masalah ini dengan menggalakan mereka mempelbagaikan aktiviti dan projek pertanian yang dapat meningkatkan pendapatan mereka, melalui langkah-langkah berikut:

- (i) peningkatan produktiviti dan usaha pengurangan kos;
- (ii) memperkemas sistem pemasaran;
- (iii) mempelbagaikan aktiviti 'on farm' dan 'off farm'.

Kerajaan telah juga menggalakkan peningkatan nilai ditambah (value-added) melalui pembangunan aktiviti pemrosesan dan juga pembangunan industri hiliran bagi kedua-dua komoditi tersebut. Perkembangan industri hiliran koko terutamanya peningkatan kapasiti pengisaran koko tempatan akan mengukuhkan pasaran koko negara di peringkat antarabangsa.

#### **INDUSTRI KECIL— MENEMPATKAN SEMULA**

**35. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah rancangan yang telah diatur untuk menempatkan semula semua industri kecil seluruh Negeri Selangor ekoran tragedi kilang mercun Sungai Buluh.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kebanyakan industri kecil yang sedang beroperasi di luar tapak perindustrian termasuk di Negeri Selangor Darul Ehsan adalah dikecualikan dari lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 kerana modal pemegang saham syarikat berada di bawah \$2.5 juta dan jumlah pekerja di bawah 75 orang. Oleh yang demikian terpujanglah kepada Kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak perindustrian yang mencukupi dan Pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasakan syarat-syarat penempatan kilang industri kecil di tapak-tapak perindustrian yang disediakan itu. Adakah difahamkan bahawa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) Selangor telah melaksanakan Program Tapak Perindustrian Ringan di lokasi-lokasi berikut yang melibatkan jumlah kawasan seluas 325.0 hektar.

- (1) Bangi
- (2) Telok Panglima Garang
- (3) Cheras Jaya
- (4) Ampang/Hulu Kelang
- (5) Pandamaran Jaya
- (6) Sekinchan
- (7) Kelumpang
- (8) Sungai Besar
- (9) Batang Kali
- (10) Salak Tinggi
- (11) Olak Lampit

Pelaksanaan Program Tapak Perindustrian Ringan adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan tapak kepada projek-projek industri ringan termasuk bagi menempatkan semula industri kecil di negeri Selangor Darul Ehsan. Dalam hubungan ini satu Jawatankuasa Bersama Penyelarasan Industri telah ditubuhkan bertujuan bagi menyelaraskan kemajuan aktiviti-aktiviti perindustrian dan memastikan supaya penempatan semula industri kecil ke tapak-tapak perindustrian yang

disediakan oleh Kerajaan Negeri dan juga pihak swasta dapat berjalan dengan baik secara berperingkat-peringkat tanpa menjejaskan dengan banyak kedudukan perniagaan syarikat industri kecil yang terlibat. Adalah diharapkan industri kecil yang menyertai program penempatan semula ini akan mendapat kemudahan infrastruktur dan boleh beroperasi dengan semula dengan lebih sempurna lagi.

### BAHASA MELAYU MENGANTIKAN BAHASA MALAYSIA

**36. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Pendidikan menyatakan kenapa Kerajaan menggantikan nama subjek Bahasa Malaysia dengan Bahasa Melayu di semua sekolah rendah dan menengah.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya subjek Bahasa Malaysia masih digunakan di sekolah rendah dan menengah dan soalan peperiksaan SRP dan SPM. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan bercadang untuk menukarkan nama tersebut selaras dengan kehendak yang tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan Fasal 152 tentang takrif Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang.

### OMBUDSMAN—KAJIAN JAWATANKUASA KHAS

**37. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jabatan Perdana Menteri telah melantik Professor Syed Hussein Alatas untuk menjalankan satu kajian khas dalam memperkenalkan sistem Ombudsman, dan jika ada, bilakah laporan tersebut dikemukakan dan keputusan Kerajaan sama ada akan memperkenalkan sistem Ombudsman di Malaysia.

**Tuan Osman bin Abdul:** Kerajaan dari masa kesemua sentiasa mengkaji berkenaan Perlaksanaan Dasar-dasar Kerajaan untuk meneruskan peningkatannya. Satu perkara yang sedang ditinjau ialah mengenai sistem "Ombudsman". Perkara ini dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pengurusan Kerajaan.

Professor Syed Hussein Alatas telah diminta oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pengurusan Kerajaan untuk menyediakan satu kertas terhadap sistem "Ombudsman". Kertas itu sedang dikaji oleh Jawatankuasa Khas tersebut.

### IJAZAH PERGIGIAN— PENGIKTIRAFAN

**38. Dr T. Mariamuthu** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengiktirafkan ijazah dalam bidang Pergigian daripada Pakistan, India, Bangladesh dan Taiwan dan jika tidak, mengapa.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun mengiktiraf kelayakan-kelayakan ijazah pergigian dari negara-negara berkenaan kecuali India dan Taiwan. Kelayakan-kelayakan dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan itu adalah untuk memenuhi keperluan dalam Perkhidmatan Awam.

### PILIHANRAYA—MEMBELI UNDI

**39. Tuan Jawan anak Gerang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan kes calon-calon yang bertanding dalam sesuatu pilihanraya di dapati membeli undi; dan
- (b) apakah usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan supaya pilihanraya Negeri

Sarawak yang akan diadakan tidak lama lagi adalah bebas daripada gejala-gejala yang tidak sihat seperti di atas.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah):**

- (a) Setakat ini, Suruhanjaya tidak menerima sebarang aduan rasmi ataupun petisyen pilihanraya khusus mengenai perbuatan membeli undi oleh calon-calon dalam pilihanraya.
- (b) Undang-undang pilihanraya yang ada sekarang adalah cukup untuk mencegah perbuatan-perbuatan yang tidak sihat seperti membeli undi dan undang-undang ini berkuatkuasa dalam apa-apa pilihanraya di Sarawak.

**KOS HIDUP YANG TINGGI—  
KAJIAN**

**40. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) senarai bandar-bandar utama yang mana kos hidupnya adalah tinggi;
- (b) apakah langkah-kangah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa kos hidup yang tinggi tidak akan membebankan rakyat; dan
- (c) sejauh manakah kawalan terhadap harga barangan dapat mengurangkan bebanan rakyat yang tinggal di dalam bandar-bandar tersebut.

**Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Kajian mengenai kos sara hidup dan harga barangan telah dijalankan di tiga buah bandar iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru

dan Kuantan. Daripada kajian itu adalah didapati pada keseluruhannya, kos sara hidup di ketiga-tiga bandar itu tinggi dan kos sara hidup di Johor melebihi bandar Kuantan dan Kuala Lumpur.

- (b) Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah dan sedang mengambil langkah-langkah secara langsung dan tidak langsung, untuk mengurangkan beban rakyat, antaranya ialah:
  - (i) menentukan harga barang-barang keperluan adalah berpatutan dan sebarang kenaikan harga hanya dilakukan atas sebab-sebab munasabah yang tidak dapat dielakkan;
  - (ii) menentukan bekalan barang-barang perlu mudah diperolehi di pasaran dengan harga yang berpatutan dalam setiap keadaan; dan
  - (iii) membendung inflasi dan membanteras semua bentuk penyelewengan dalam perdagangan.

Untuk menentukan supaya harga barang-barang keperluan adalah berpatutan dan sebarang kenaikan harga adalah atas sebab-sebab munasabah, Kerajaan, secara pentadbiran telah menetapkan harga barang-barang keperluan utama seperti minyak petrol, minyak diesel, minyak tanah, gas petroleum cecair, simen, batang besi keluli bulat, gula dan tepung gandum.

Selain daripada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan undang-

undang atau pentadbiran ke atas pengeluar, pengedar dan peruncit yang tidak bertanggungjawab yang menaikkan harga barang-barang jualan dengan sewenang-wenangnya, yang tidak meletakkan tanda harga dan lain-lain.

- (c) Melalui tindakan-tindakan yang dinyatakan di atas, serta tindakan mengurangkan duti import dan cukai-cukai lain ke atas beberapa barangan termasuk barang-barang makanan, harga barangan secara keseluruhannya di dapati stabil dan berpatutan dan bekalan pada amnya mencukupi.

Masalah bekalan dan harga yang mahal pada sesuatu masa tertentu adalah oleh sebab-sebab tertentu yang tidak diduga atau di luar kawalan, seperti bekalan ayam pada awal bulan puasa, akibat permintaan mendadak berpunca daripada bertambahnya pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia.

Selain daripada Kerajaan mengambil berbagai-bagai langkah yang difikirkan wajar untuk mengawal kenaikan harga, pengguna juga harus bekerjasama dengan berbelanja secara waras dan rasional dengan membuat perencanaan yang sewajarnya berasaskan kemampuan dan keperluan masing-masing, memboikot barang-barang yang harganya dianggap tidak munasabah dan melaporkan kepada Kerajaan di atas penyelewengan mana-mana pihak.

#### **PUSAT LATIHAN PERINDUSTRIAN**

**41. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah pusat

latihan perindustrian khusus mengenai tekstil di Batu Pahat memandangkan daerah ini adalah 'daerah tekstil' yang terbesar di negara sekarang.

**Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):** Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sebuah pusat latihan perindustrian khusus bagi industri tekstil kerana kemahiran bagi industri berkenaan dapat dilatih di tempat pekerjaan dalam tempoh yang agak singkat. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia memberi kerjasama kepada pihak industri dalam menjalankan program latihan yang dapat memenuhi keperluan industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Malaysian Textiles Manufacturers Association telah mengadakan satu program latihan khusus dengan kerjasama pihak KEMAS untuk melengkapkan pelatih-pelatih wanita dengan kemahiran menggunakan mesin-mesin penjahit kegunaan kilang-kilang tekstil.

Dalam perkara ini, Kerajaan berhasrat untuk menggalakkan pihak industri menubuhkan institut latihannya sendiri yang dapat benar-benar memenuhi keperluan kemahiran berasaskan tahap teknologi yang digunakan.

#### **PERKHIDMATAN PARLIMEN— PENUBUHAN KESATUAN SEKERJA**

**42. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah benar bahawa kakitangan perkhidmatan Parlimen dilarang menubuhkan kesatuan sekerja bagi memperjuangkan kepentingan para pekerja Parlimen; dan
- (b) apakah yang menghalang kakitangan perkhidmatan Parlimen daripada dibenarkan menubuhkan kesatuan sekerja mereka.

Jika terdapat halangan menurut undang-undang, adakah Kerajaan bersedia untuk menarik balik halangan atau larangan tersebut untuk membolehkan kakitangan Parlimen mempunyai saluran memperjuangkan hak-hak mereka.

**Dato' Lim Ah Lek:**

- (a) Di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959, anggota Kerajaan termasuk perkhidmatan Parlimen yang menjalankan tugas-tugas bercorak sulit atau keselamatan tidak dibenarkan menjadi ahli kesatuan sekerja. Bagi anggota perkhidmatan Parlimen, terpujanglah kepada Ketua Jabatan mereka untuk menentukan sama ada seseorang anggota perkhidmatan Parlimen menjalankan tugas-tugas tersebut. Sekiranya anggota berkenaan mempersoalkan keputusan itu, beliau boleh merujukkannya kepada Ketua Setiausaha Negara untuk diputuskan. Oleh yang demikian, soal penubuhan kesatuan sekerja di kalangan anggota perkhidmatan Parlimen adalah tertakluk kepada larangan tersebut.
- (b) Larangan berkesatuan yang dikenakan ke atas anggota Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas sulit atau keselamatan adalah bagi kepentingan dan keselamatan negara dan Kerajaan tidak bercadang hendak menarik balik larangan tersebut.

**GOLDEN STAR VIDEO—  
PENGUNAAN SENJATAPI**

**43. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa kakitangan Golden Star Sdn. Bhd. dibenar untuk membawa senjatapi apabila diiringi Pegawai Penguatkuasa

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa pengeledahan di pusat video.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Pihak Polis telah meluluskan 10 pucuk pistol kepada Syarikat Golden Star Video Sdn. Bhd. untuk digunakan oleh pegawai-pegawainya bagi menjaga keselamatan diri dan harta yang dijagai. Kelulusan ini diberi setelah mengambil-kira ancaman-ancaman yang wujud ke atas keselamatan semasa mereka menjalankan tugas. Apabila lesen/permit senjatapi dikeluarkan kepada individu, seseorang pelesen boleh membawa dan menggunakan senjatapi tersebut bagi apa-apa tujuan yang telah ditetapkan.

**KILANG HARAM MERCUN/  
BUNGA API—TINDAKAN**

**44. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan apakah tindakan Kerajaan terhadap pengusaha kilang-kilang haram yang memproses bahan letupan seperti mercun dan bunga api.

**Tuan Ong Ka Ting:** Kerajaan tidak akan mengambil sikap tergesa-gesa untuk mengambil tindakan terhadap pengusaha kilang-kilang haram yang memproses bahan letupan seperti mercun dan bunga api. Ini ialah kerana sesuatu aktiviti pengilangan itu biasanya akan melibatkan berbagai-bagai agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Sesuatu tindakan akan diambil hanyalah setelah kajian yang mendalam dan teliti telah dijalankan.

Juga dengan tertubuhnya sebuah Suruhanjaya Di Raja yang kini masih meneruskan siasatan ke atas tragedi kebakaran kilang mercun Bright Sparklers Sdn. Bhd. di Sungai Buloh, adalah baik bagi semua pihak supaya

sama-sama menunggu hasil siasatan Suruhanjaya berkenaan kerana ia sudah pasti bermanfaat untuk dijadikan panduan dalam mengatasi masalah pengusaha kilang-kilang haram yang memproses bahan-bahan letupan.

#### **PEGAWAI POLIS DISOAL-SIASAT DALAM KES RASUAH**

**45. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar bahawa penglibatan Pegawai Polis termasuk Timbalan (Commissioner) dalam operasi pelacuran, perjudian, peras-ugut dan loteri empat nombor ekor haram:

- (a) berapa banyakkah Pegawai Polis daripada pangkat ASP ke atas telah disoal-siasat dalam kes rasuah. Dan berapakah antara mereka yang didakwa dan didapati bersalah dalam tempoh 5 tahun lalu. Sila berikan perangkaannya; dan
- (b) kenapa selepas peringatan betapa seriusnya kelakuan rasuah oleh Ketua Polis Negara, Menteri Dalam Negeri (yang juga Perdana Menteri) tidak dengan sertamerta menubuhkan Suruhanjaya Di Raja bagi menyiasat kes rasuah dalam pasukan Polis. Sila beritahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada perlukan menubuhkan Suruhanjaya Di Raja ini.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Di dalam 5 tahun (1986-1991) kebelakangan ini terdapat seramai 2 orang sahaja Pegawai Polis yang berpangkat ASP ke atas yang telah disoal-siasat berkait dengan kes rasuah oleh pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR). Kes-kes tersebut adalah di dalam tindakan Mahkamah. Di samping itu juga dalam

tempoh yang sama, seramai 394 orang Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas disiasat sendiri oleh Urusetia Tatatertib Polis Di Raja Malaysia, dan mereka yang didapati bersalah akan diambil tindakan tatatertib dan juga tindakan Mahkamah.

- (b) Kegiatan rasuah di kalangan Pegawai/anggota Polis Di Raja Malaysia amatlah kecil dan bukanlah merupakan satu gejala yang serius sehingga memerlukan penubuhan Suruhanjaya Di Raja bagi menyiasat kes-kes tersebut. Undang-undang dan peraturan yang sedia ada sudah mencukupi dan mampu untuk mengendalikan kes-kes rasuah di kalangan anggota Polis.

#### **PENCEMARAN UDARA, AIR DAN BAU—RUNGUTAN**

**46. Datuk Haji Basri Bajuri** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak rungutan-rungutan dibuat oleh penduduk-penduduk sekitar kilang-kilang kelapa sawit di seluruh negara khususnya di Selangor terutama mengenai pencemaran udara, air dan bau. Jika ada:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa semua kilang-kilang berkenaan mematuhi arahan-arahan Kerajaan;
- (b) berapa kerapkah pemeriksaan mengejut dilakukan oleh penguatkuasa ke atas kilang-kilang berkenaan; dan
- (c) berapa banyak kilang-kilang yang telah diambil tindakan undang-undang.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang menyedari adanya rungutan-rungutan yang dibuat oleh penduduk-penduduk sekitar kilang-kilang kelapa sawit tentang masalah pencemaran air dan udara. Bagi memastikan kilang-kilang berkenaan mematuhi arahan-arahan Kerajaan, peruntukan undang-undang telah digubal dan dikuatkuasakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya iaitu Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Untuk makluman Yang Berhormat, masalah pencemaran daripada kilang-kilang ini telah dapat dikurangkan ke tahap minima. Untuk memastikan status ini berterusan, Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang berkaitan perlulah menentukan bahawa tapak kilang-kilang yang baru berada di kawasan yang sesuai. Manakala untuk kilang-kilang kelapa sawit yang telah sedia ada, projek-projek perumahan yang baru perlulah dikaji supaya tidak berdekatan dengan kilang-kilang tersebut.

- (b) Pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemeriksaan mengejut sebanyak 3 atau 4 kali setahun ke atas kilang-kilang kelapa sawit. Pemeriksaan yang lebih kerap dilakukan terhadap kilang-kilang yang menjadi punca pencemaran sehingga

masalah pencemaran tersebut diselesaikan.

- (c) Sejak bagi 5 tahun kebelakangan iaitu mulai 1986 hingga 1990, daripada 250 jumlah kilang kelapa sawit, 42 kilang telah diambil tindakan mahkamah bagi kesalahan pencemaran air dan udara manakala, 77 kilang lagi telah diambil tindakan kompaun bagi kesalahan pencemaran udara.

**KES YANG TERTANGGUH DI MAHKAMAH SARAWAK**

**47. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) jumlah kes yang tertanggung di semua mahkamah di Sarawak iaitu di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi.
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi terlampau banyak kes ini.
- (c) sama ada Kementerian ingin melantik Hakim tambahan atau Pesuruhjaya Kehakiman di Sarawak untuk menyelesaikan kes-kes tertanggung ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes tertanggung di Negeri Sarawak mengikut jenis dan peringkat mahkamah sehingga akhir tahun 1990 adalah seperti berikut:

<i>Mahkamah</i>	<i>Sivil</i>	<i>Jenayah</i>
Mahkamah Tinggi	2,248	120
Mahkamah Sesyen	1,650	290
Mahkamah Majistret	2,529	3,725
(i) Kelas I	3,168	605
(ii) Kelas II	2,529	3,725

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab pertanyaan (b) dan (c) mengenai kes-kes tertangguh inilah saya menegaskan bahawa beberapa langkah yang positif telah dan akan diambil oleh Kementerian dengan kerjasama Badan Kehakiman bagi mengatasi masalah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menambah bilangan Hakim Mahkamah Tinggi, Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret dan sebahagiannya ditempatkan di Sarawak. Sehingga kini bilangan Hakim dan Majistret adalah seperti berikut:

- (i) Hakim Mahkamah Tinggi 36 orang
- (ii) Pesuruhjaya Kehakiman 9 orang
- (iii) Hakim Mahkamah Sesyen 58 orang
- (iv) Majistret 105 orang

Selaras dengan penambahan bilangan Hakim Mahkamah Tinggi, Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret tersebut, Kerajaan juga telah membangunkan lebih banyak mahkamah bagi menempatkan para Hakim dan Majistret. Pembinaan bangunan mahkamah baru juga adalah bertujuan untuk menempatkan semula mahkamah yang selama ini ditempatkan di bangunan-bangunan yang telah usang.

Langkah Kerajaan selanjutnya ialah melantik lebih ramai lagi kakitangan pembantu di mahkamah khususnya Setiausaha kepada Hakim, Jurubahasa, Pegawai Kerani dan Jurutaip. Penambahan bilangan kakitangan tersebut dalam membantu mempercepatkan lagi pendengaran kes-kes dan penyediaan nota keterangan dan alasan penghakiman yang diperlukan bagi penyediaan rekod rayuan. Kerajaan juga telah membekalkan peralatan moden di mahkamah-mahkamah seperti alat komputer, mesin fax, mesin fotostat dan kelengkapan pejabat yang lain.

Di samping itu mulai 1 Januari, 1991 pihak mahkamah telah mengarahkan supaya semua kes-kes sivil (kecuali kes-kes sivil Tuntutan Kecil) di mahkamah Majistret di Semenanjung dipindahkan ke Mahkamah Sesyen. Dengan langkah ini semua Majistret dapat menumpukan sepenuh masa untuk membicarakan kes-kes jenayah di Mahkamah Majistret yang meliputi 98.5% daripada jumlah kes jenayah di mahkamah. Langkah ini telah memberi kesan di mana kes-kes jenayah dapat dibicara dan diselesaikan dengan lebih cepat lagi di Mahkamah Majistret dan kes-kes sivil dibicarakan di Mahkamah Sesyen oleh pegawai-pegawai yang lebih berpengalaman.

Pihak mahkamah telah juga mengeluarkan Arahan Amalan dengan bertujuan untuk menghalang pihak-pihak yang terlibat dalam kes-kes perbicaraan dari membuat permohonan untuk menangguhkan kes-kes atas alasan-alasan bahawa mereka belum bersedia atau peguam terlibat dalam kes lain semasa perbicaraan sedang dijalankan, saksi-saksi tidak dapat hadir di mahkamah kerana ada urusan lain atau sebagainya.

Kajian juga sedang dijalankan dengan bertujuan untuk menyelesaikan kes-kes di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Sesyen dengan lebih cepat lagi.

#### PEGAWAI RENDAH PENJARA

**48. Dr Sanusi Daeng Mariok** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang kedudukan Pegawai Rendah Penjara Johor Bahru:

- (a) adakah mereka mendapat kemudahan perumahan dan jika tidak mengapa;
- (b) adakah benar rumah untuk Pegawai Rendah telah diberi kepada Pegawai Kanan. Jika benar, berapa ramai, dan mengapa; dan

- (c) Pegawai Rendah diberi wang sewa bulanan \$85.00. Adakah ia padan dengan sewa semasa di bandar itu. Apakah langkah pihak Penjara usahakan bagi membantu Pegawai Rendah mengatasi masalah mereka.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Terdapat seramai 318 Pegawai Rendah Penjara di Penjara Johor Bahru. Kemudahan perumahan memang disediakan. Namun demikian, kemudahan perumahan yang dapat disediakan tidak dapat menampung semua Pegawai yang ada kecuali hanya untuk 209 orang sahaja. Baki seramai 109 orang, terpaksa menyewa rumah di luar kawasan penjara dengan diberikan bantuan sewa rumah.
- (b) Sebanyak 24 buah rumah Kelas G, telah diperuntukkan kepada Pegawai Kanan dan tidak kepada Pegawai Rendah. Perkara ini berlaku kerana kekurangan rumah-rumah yang disediakan untuk Pegawai Kanan sedangkan mereka dikehendaki tinggal dalam kawasan Penjara bagi memastikan keselamatan Penjara terjamin.
- (c) Kadar bantuan sewa rumah bagi Pegawai Rendah sebanyak \$85.00 sebulan adalah diberi mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7-1977. Memandangkan kadar-kadar yang agak rendah ini, pihak Penjara telah mengambil langkah tertentu antaranya membantu mendapatkan rumah-rumah pangsa untuk disewa beramai-ramai oleh anggota bujang sementara bagi anggota-anggota yang berkelamin pula, mereka akan diberi keutamaan menduduki rumah Kerajaan.

**PENDAFTARAN KELAHIRAN LEWAT**

**49. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah permohonan untuk pendaftaran kelahiran lewat sudah diterima di Sarawak pada tahun 1990, dan berapakah telah dilulus;
- (b) adakah pihak Kerajaan sedar bahawa ramai orang kampung di kawasan pedalaman Sarawak belum dapat sijil kelahiran, maka mereka mengalami kesusahan menyertai peperiksaan sekolah, bekerja atau mengundi, jika ada, nyatakan anggaran jumlah orang yang masih menghadapi masalah tersebut; dan
- (c) bilakah pihak Kementerian berkenaan bertujuan memudahkan prosedur permohonan sijil kelahiran lewat di Sarawak, dengan menambah kakitangan yang wajar, serta menyempurnakan syarat-syarat yang ada sekarang.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Pada tahun 1990 sebanyak 6102 permohonan daftar lewat kelahiran telah diterima di mana sejumlah 773 permohonan telah diluluskan.
- (b) Pihak Kerajaan memang sedar mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun adalah sukar untuk memberi anggaran jumlah orang yang terlibat.
- (c) Permohonan untuk daftar lewat kelahiran diproses berdasarkan kehendak undang-undang, iaitu Undang-undang Pendaftaran Hal Beranak dan Mati, Sarawak Cap. 10 Tahun 1991. Prosedur sekarang sebenarnya telah jelas dan mudah.

### TANGKAPAN DI BAWAH AKTA DADAH BERBAHAYA

**50. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sehingga hari ini berapa orang yang telah ditangkap di bawah 39B Akta Dadah Berbahaya;
- (b) di manakah Ergambaran a/l Kanniah yang telah ditangkap dan didakwa di bawah Seksyen tersebut (Akta Dadah Berbahaya) pada 2 November 1986; dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 11 Mac 1991 tetapi ditangkap semula dengan serta-merta dan keluarganya tidak mendapat sebarang beritapun tentang beliau; dan
- (c) mengapakah dan di bawah undang-undang manakah beliau ditangkap semula.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Jumlah orang-orang yang telah ditangkap di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya sehingga 12 Jun 1991 ialah seramai 5,465 orang.
- (b) Ergambaran a/l Kanniah yang telah ditangkap semula di akhir perbicaraan di Mahkamah Tinggi pada 11 Mac 1991 kini disekat di Bandaran Seremban selama dua tahun di bawah Perintah Sekatan yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri. Adalah menjadi amalan, seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang pencegahan diberi peluang untuk menghubungi keluarganya dan keluarganya dibenarkan melalui permohonan untuk melawatnya semasa beliau ditahan untuk siasatan polis. Sama ada peluang ini digunakan oleh Ergambaran tidak dapat dipastikan kerana tiada rekod lawatan tercatat di mana-mana. Mengikut rekod pula, ibu-bapa

beliau sudah meninggal dunia dan beliau telah berpisah dengan isterinya.

- (c) Beliau ditangkap semula di bawah Seksyen 3 (1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk siasatan mengenai kegiatannya mengedar dadah.

### KES MAHKAMAH YANG TERTANGGUH

**51. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) berapakah bilangan kes-kes mahkamah yang kebelakangan dalam tempoh lima tahun lepas; dan
- (b) bagaimanakah langkah Kerajaan mengatasi masalah tersebut.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:**

- (a) Bilangan kes-kes mahkamah yang tertangguh dalam tempoh lima tahun lepas adalah sebanyak 230,611 iaitu 11.6% daripada kes-kes yang telah didaftarkan. (Sila rujuk Lampiran "A").
- (b) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi kes-kes tertangguh di mahkamah-mahkamah dan di antaranya ialah dengan melantik lebih ramai lagi Hakim Mahkamah Tinggi, Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret. Sehingga kini bilangan mereka adalah seperti berikut:
  - (i) Hakim Mahkamah Tinggi 36 orang
  - (ii) Pesuruhjaya Kehakiman 9 orang
  - (iii) Hakim Mahkamah Sesyen 58 orang
  - (iv) Majistret 105 orang.

## LAMPIRAN "A"

STATISTIK KES-KES SIVIL DAN JENAYAH YANG DIDAFTARKAN,  
DISELESAIKAN DAN TERTANGGUH DI MAHKAMAH TINGGI,  
MAHKAMAH SESYEN DAN MAHKAMAH MAJISTRET  
(1986-1990)

TAHUN	MAHKAMAH TINGGI			MAHKAMAH SESYEN			MAHKAMAH MAJISTRET		
	Daftar	*Selesai	Ter- tanggung	Daftar	*Selesai	Ter- tanggung	Daftar	*Selesai	Ter- tanggung
1986	43,619	29,224	14,395	16,965	15,098	1,867	351,040	322,957	28,083
1987	46,715	31,299	15,416	17,465	15,543	1,922	370,162	340,549	29,613
1988	49,035	32,853	16,182	33,394	29,720	3,674	265,740	244,480	21,260
1989	50,709	31,874	18,835	21,873	16,748	5,125	284,530	276,554	7,976
1990	46,568	33,249	13,319	18,176	17,442	734	363,864	311,654	52,210
JUMLAH	236,646	158,499	78,147	107,873	94,551	13,322	1,635,336	1,496,194	139,142

JUMLAH KESELURUHAN KES-KES YANG DIDAFTARKAN,  
DISELESAIKAN DAN TERTANGGUH  
(1986-1990)

TAHUN	DAFTAR	*SELESAI	TERTANGGUH
1986	411,624	367,279	44,345
1987	434,324	387,391	46,951
1988	348,169	307,053	41,116
1989	357,112	325,176	31,936
1990	428,608	362,345	66,263
JUMLAH	1,979,855	1,749,244	230,611

NOTA: \* Bilangan kes-kes yang didaftarkan dalam tahun semasa dan terdahulu yang diselesaikan.

Selaras dengan penambahan bilangan Hakim Mahkamah Tinggi, Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret tersebut, Kerajaan juga telah membangunkan lebih banyak mahkamah bagi menempatkan para Hakim dan Majistret. Pembinaan bangunan mahkamah baru juga adalah bertujuan untuk menempatkan semula mahkamah yang selama ini ditempatkan di bangunan-bangunan yang telah usang.

Langkah Kerajaan selanjutnya ialah melantik lebih ramai lagi kakitangan pembantu di mahkamah khususnya Setiausaha kepada Hakim, Juru-bahasa, Pegawai Kerani dan Jurutaip. Penambahan bilangan kakitangan tersebut dapat membantu mempercepatkan lagi pendengaran kes-kes dan penyediaan nota keterangan dan alasan penghakiman yang diperlukan bagi penyediaan rekod rayuan.

Kerajaan juga telah membekalkan peralatan moden di mahkamah-mahkamah seperti alat komputer, mesin fax, mesin fotostat dan kelengkapan pejabat yang lain.

Di samping itu mulai 1 Januari, 1991 pihak mahkamah telah mengarahkan supaya semua kes-kes sivil (kecuali kes-kes Sivil Tuntutan Kecil) di Mahkamah Majistret di Semenanjung dipindahkan ke Mahkamah Sesyen. Dengan langkah ini semua Majistret dapat menumpukan sepenuh masa untuk membicarakan kes-kes jenayah di Mahkamah Majistret yang meliputi 98.5% daripada jumlah kes jenayah di mahkamah. Langkah ini telah memberi kesan di mana kes-kes jenayah dapat dibicara dan diselesaikan dengan lebih cepat lagi di Mahkamah

Majistret dan kes-kes sivil dibicarakan di Mahkamah Sesyen oleh pegawai-pegawai yang lebih berpengalaman.

Pihak mahkamah telah juga mengeluarkan Arahan Amalan dengan bertujuan untuk menghalang pihak-pihak yang terlibat dalam kes-kes perbicaraan dari membuat permohonan untuk menangguhkan kes-kes atas alasan bahawa mereka belum bersedia atau peguam terlibat dalam kes lain semasa perbicaraan sedang dijalankan, saksi-saksi tidak dapat hadir di mahkamah kerana ada urusan lain atau sebagainya.

Kajian juga sedang dijalankan dengan bertujuan untuk menyelesaikan kes-kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen dengan lebih cepat lagi.

#### **KESATUAN SEKERJA— MENUBUHKAN**

**52. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bolehkah Kementerian memberi galakan dan kerjasama yang sepenuhnya kepada pusat-pusat buruh di negara ini untuk menjalankan kerja-kerja menyusun pekerja-pekerja yang belum mempunyai kesatuan sekerja; dan
- (b) adakah Kementerian mengambil langkah-langkah tertentu bagi menggalakkan pertumbuhan kesatuan sekerja di negara ini.

**Dato' Lim Ah Lek:**

- (a) Kesatuan Sekerja adalah pertumbuhan sukarela dan terpulang kepada pekerja-pekerja berkenaan untuk menubuhkan kesatuan sekerja mereka sendiri.

Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dan pihak pusat-pusat buruh di negara ini boleh juga membantu pekerja-pekerja dalam menubuhkan kesatuan sekerja. Walaupun begitu, Kementerian ini sentiasa bersedia memberi panduan dan bantuan kepada pekerja-pekerja dalam urusan membuat permohonan untuk mendaftarkan kesatuan yang mereka tubuhkan itu.

- (b) Pekerja-pekerja bebas menubuhkan kesatuan sekerja ataupun menganggotai kesatuan sekerja yang sesuai dan mereka diberi perlindungan di bawah undang-undang dalam hal ini.

#### PENCEMARAN UDARA DAN AIR—SIASATAN

**53. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tarikh-tarikh siasatan pihak Kementerian beliau kepada:

- (a) pencemaran udara di Kawasan Alam, Bukit Mertajam oleh sebuah kilang getah; dan
- (b) pencemaran air di Sungai Juru oleh kilang-kilang di kawasan Perindustrian Perai Negeri Pulau Pinang dan apakah pendapat dan cadangan ikutan dengan siasatan itu.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kilang getah yang dimaksudkan ini ialah Kilang Getah Alma Sdn. Bhd., sebanyak 11 kali siasatan-siasatan yang telah dijalankan mulai dari 1984 hingga Mei, 1991 dan didapati pada keseluruhannya, pelepasan effluen dari kilang ini mematuhi syarat-syarat yang telah

ditetapkan. Kilang ini juga memasang beberapa alat kawalan seperti "scrubber" dan "deionisation chamber" untuk mengurangkan masalah bau.

- (b) Jabatan Alam Sekitar (Wilayah Utara) telah banyak kali menjalankan penyiasatan ke semua kilang-kilang di dalam Perindustrian Prai, Pulau Pinang dan mendapati tiada kilang yang melepaskan effluennya ke dalam Sungai Juru.

#### ITM—KEMASUKAN KAUM ASLI DAYAK

**54. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan menambahkan lagi pengambilan pelajar dari kaum asli Dayak Sarawak untuk menuntut di ITM. Ini adalah kerana setakat ini golongan asli Dayak yang diterima masuk di ITM amatlah sedikit dan menyedihkan.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan pelajar-pelajar ke Institut Teknologi MARA adalah berdasarkan kepada kelayakan seseorang calon dan kesesuaian dengan kursus-kursus yang diminta oleh calon.

Walau bagaimanapun, pertimbangan khas telah diberi kepada pelajar-pelajar dari Sarawak untuk membolehkan mereka bersaing dengan pelajar-pelajar lain untuk mendapatkan tempat di institusi berkenaan.

#### SEKOLAH SRJK (T) DI MAK MANDIN—PEMBINAAN

**55. Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan terbaru mengenai cadangan pembinaan Sekolah SRJK (T) di Mak Mandin, Seberang Perai Utara.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengambil perhatian terhadap pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Mak Mandin, Seberang Perai Utara yang telah terhenti pembinaannya sejak April, 1989. Walau bagaimanapun, perubahan untuk menyelaraskan kerja-kerja yang tertinggal sedang diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya, Negeri Pulau Pinang dengan kontraktor yang sama yang diberi peluang sekali lagi untuk menyelesaikan kerja tersebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Peraturan Mesyuarat 23(4) . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** 23(4). Minta maaf, 23(3).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 23(3) atau 23(4)?

**Tuan Lim Guan Eng:** 23(3).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa soalan saya yang ditujukan untuk hari ini telah hilang. Saya harap bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh mengambil perhatian tentang perkara ini.

Pertama, soalan saya pada hari ini ialah mengenai usul Raja Berperlembagaan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung UMNO tahun lalu yang menentang Sultan Kelantan. Dan saya tidak tahu kenapa soalan saya tidak ada di dalam Order Paper hari ini. Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja soalan hari ini tetapi juga hari semalam di mana soalan saya juga hilang dan pada minggu lepas, pada 21hb Jun—saya

harap Tuan Yang di-Pertua boleh catatkan—21hb Jun soalan mengenai Wawasan 2020 pun telah hilang. Soalan semalam 27hb Jun iaitu soalan mengenai TV3, penggunaan siaran Berita Bahasa Mandarin dan Tamil untuk TV3 pun telah hilang. Hari ini soalan mengenai Usul UMNO menentang Sultan Kelantan pun telah hilang. Saya harap satu jawapan boleh diberikan. Dan saya harap juga Tuan Yang di-Pertua boleh mengarahkan bahawa semua Kementerian memberikan jawapan bertulis kepada semua soalan mulut yang tidak sempat ditanya kerana sehingga ini saya tidak menerima jawapan untuk soalan yang saya tujukan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Terima kasih, dan Setiausaha diminta . . . .

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya belum buat ruling lagi . . . .

**Tuan Wong Wing On:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sabarlah sedikit. Setiausaha diminta menguruskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga saya berharap memperolehi kerjasama yang rapat daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan dalam penyiapan jawapan khususnya secara bertulis untuk semua soalan-soalan yang dibangkitkan. Ya, Kampar.

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Speaker, saya juga bangun di bawah Standing Order yang sama iaitu 23(3) untuk mencatatkan pandangan saya bahawa enam soalan saya telah hilang di dalam sesyen ini iaitu pada 18hb Jun, 19hb Jun, 20hb Jun, 21hb Jun, 27hb Jun dan 15hb Julai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya

berpendapat semua ini adalah masalah yang sama dan memang saya telah membuat satu keputusan tadi secara umum. Jadi apa sahaja yang dihadapi oleh Yang Berhormat bolehlah hubungi Urusetia.

**PENERANGAN SENDIRI  
OLEH Y. B. TUAN LIM KIT  
SIANG**

4. 07 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 25 untuk membuat suatu pencerangan sendiri berkenaan dengan gambaran yang salah atau misrepresentation yang serius mengenai perbahasan dalam Dewan Rakyat pada 25hb Jun 1991 yang tersiar dalam akhbar Berita Harian pada 26hb Jun yang mengakibatkan satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Negeri Kedah bahawa pergaduhan kaum boleh dicetuskan yang disiarkan dalam akhbar Berita Harian pada 27hb Jun.

Yang pertama, saya ingin merujuk kepada tajuk laporan dalam Berita Harian bahawa "Kit Siang perkecil kewibawaan Polis". Ini adalah satu gambaran yang salah atau misrepresentation yang nyata sekali tentang pertikaman lidah yang berlangsung antara Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya sendiri sewaktu penggulungan perbahasan RRJP2 atau Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua kerana saya tidak pernah memperkecilkan sama sekali pihak Polis.

Yang kedua, saya ingin merujuk kepada satu laporan dalam akhbar Berita Harian juga pada hari Khamis 27hb Jun, muka surat 19, di bawah tajuk "Polis Kedah hargai jasa Ghafar" yang menyatakan "Ketua Polis Kedah sedih dengan kenyataan Encik Lim (iaitu saya) yang secara tidak langsung menghina dan merendahkan pengorbanan anggota Polis."

Adalah amat dikesali bahawa satu gambaran yang salah, yang serius, yang diberi dalam laporan Berita Harian itu bahawa saya telah perkecil kewibawaan Polis, telah mengakibatkan satu kenyataan serius dan lebih-lebih lagi tidak berasas langsung, dikeluarkan oleh Ketua Polis Kedah, yang mengeluarkan tentang menghina dan merendahkan pengorbanan anggota Polis serta boleh mencetuskan pergaduhan kaum.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

Sebenarnya isu relevant dalam pertengkaran di antara Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya sendiri semasa penggulungan perbahasan atas RRJP2 pada 25hb Jun, 1991 bukanlah mengenai Polis, tetapi mengenai gaji yang rendah bagi pekerja-pekerja ladang dan tentang bagaimana kemasukan beratus ribu pendatang haram Indonesia bantu merosotkan gaji dalam ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penerangan sendiri ini untuk membetulkan gambaran yang amat salah, bahawa saya telah memperkecilkan Polis dalam Parlimen pada hari Selasa lalu, pada hal ia adalah tidak benar sama sekali.

Sebenarnya saya telah mendesak Kerajaan dalam ucapan saya atas RRJP2 dan juga Dasar Pembangunan Nasional minggu lalu untuk mengambil langkah-langkah yang berani, untuk memastikan bahawa wujudnya perwakilan berbilang kaum yang lebih dalam Pasukan Polis.

Adalah menjadi pendirian consistence kami dalam Parlimen bahawa gaji anggota Polis harus dikaji supaya gaji adalah sepadan dengan kos hidup serta tanggungjawab mereka. Ini adalah satu pendirian yang sudah tentu kami DAP tidak membuat sekiranya kami mahu mengecilkan kewibawaan Polis. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KELAB LUMBA KUDA (AMBILTAGAN AWAM) (PINDAAN DAN PERLUASAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (27hb Jun, 1991)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pasir Mas, sila sambung.

#### 4. 12 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pun berucap ataupun berbahas mengenai dengan Rang Undang-undang ini panjang lebar semalam dan telah menerima banyak gangguan.

Pada hari ini saya ingin merumuskan pandangan saya mengenai dengan Rang Undang-undang ini yang timbul kekeliruan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengawal perjudian yang hendak dilanjutkan termasuk negeri Sabah dan Sarawak. Maka dengan sebab itu timbul kekeliruan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya percaya jika diteliti ianya boleh memberi faedah dari segi sikap kita yang tidak suka kepada judi. Kita harap tidak timbul kekeliruan seperti ini lebih-lebih lagi sebelum kita faham, kita telah menimbulkan sangkaan jahat.

Seperti yang kita dengar tadi persoalan yang ditimbulkan oleh wakil dari Kota Melaka yang membangkitkan mengenai dengan Usul UMNO menentang Raja Kelantan yang saya kira satu percubaan yang jahat, kerana

bagaimana pula DAP yang cuba hendak menjadi jaguh, hendak membela kedudukan kedaulatan Raja-raja Melayu. Kenapa tidak PAS dan Semangat 46? Kenapa DAP? Dan inilah saya mengatakan DAP terus dengan sikap perkauman untuk melagakan orang Melayu dengan Raja-raja Melayu. (*Tepuk*) Yang saya kira satu perbuatan dan sangkaan jahat, yang saya kira boleh merosakkan suasana kestabilan politik negara, kalau ianya tidak diperbetulkan oleh satu sangkaan, satu pertanyaan, satu percubaan yang hendak merosakkan hubungan baik di antara Kerajaan Pusat dengan semua Raja-raja di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang timbul kekecohan semalam apabila perkara-perkara seumpama ini terus dijadikan isu dalam perbahasan di Dewan Rakyat ataupun di luar. Maka sebab itu saya menegaskan sekali lagi kepada pihak DAP tak usahlah hendak menjadi juara kepada Raja-raja Melayu.

Saya penuh yakin bahawa Kerajaan yang ada sekarang tetap akur dengan Raja Berperlembagaan dan mempertahankan kedaulatan Raja-raja Melayu.

Saya cukup kesal sebagai wakil dari Kelantan, wakil dari Pasir Mas yang membabitkan juga dari segi kedudukan Raja Negeri Kelantan. Jadi seolah-olah apabila disebut demikian bahawa kita ini tidak membela Raja Kelantan, seolah-olah begitu. Itulah percubaannya dan itulah yang cuba hendak dibuat oleh DAP dalam Dewan yang mulia ini.

Semalam banyak yang membuat gangguan, banyak yang tanya, hari ini sudah tidak ada yang hendak tanya, tidak ada yang hendak ganggu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah sebagai Ahli Dewan yang mulia pada hari ini membuat kenyataan melalui perbahasan ini.

Saya memberi amaran sebagai Ahli Dewan yang mulia ini atas nama kapasiti saya, atas nama individu saya yang mewakili Pasir Mas supaya DAP jangan cuba ataupun cuba sekali lagi mempermainkan kedudukan Raja-raja Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, . . . .

**Tuan Kerk Kim Hock:** Peraturan Mesyuarat 36(1). Ucapan Yang Berhormat dari Pasir Mas tidak berkaitan dengan Rang Undang-undang yang kita bahaskan ini. Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam), dia sentuh Sultan pula, apa kaitan Kelab Kuda dengan Sultan? Apa dia tidak fahamkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, sila ambil perhatian.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, saya tahulah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak cakap, hendak buat macamana? (*Ketawa*)

**Tuan Kerk Kim Hock:** Dia tidak faham.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** DAP lagi tidak faham, sebab itu tidak boleh ikut lama mereka ini, sedikit-sedikit bolehlah saya ikut - sekerat, selepas ini saya tahu. Sebenarnya saya hendak cari cerita mereka ini dan cerita mereka sekarang ini banyak yang dalam poket saya, cuba bangun kalau hendak kena, sila bangun.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Boring.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Kalau boring boleh keluar. I never ask you to sit down, you get out.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Keluar*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pasir Mas, teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya ucapkan tahniah dan inilah sikap yang ditunjukkan oleh Ahli Dewan Rakyat daripada DAP. Serupa juga baru-baru ini kononnya mereka tidak mengiktiraf kewujudan Ahli Parlimen dari Arau, mereka memboikot kononnya, mereka menganggap non-existence, seolah-olah tidak menghormati mandat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di mana sikap yang dikatakan memperjuangkan prinsip demokrasi? Sifat hendak mempertahankan mertabat negara, mempertahankan Dewan yang mulia ini. Jadi saya sudah pun kata, apa yang saya hendak kata, tinggal lagi untuk merumus bersabit dengan Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) ini.

Saya ingin menaruh keyakinan, Tuan Yang di-Pertua, di sini insya Allah pada satu hari nanti kita hendak tengok, kita doa kepada Allah s.w.t. Kita hendak tengok satu hari nanti bahawa judi di negara kita ini dapat dihapuskan dengan sesungguhnya. Hapus bertikata baik yang berlesen ataupun yang haram dan ke arah proses ini kita percaya Akta yang dibentangkan ini akan menolong ke arah itu, akan menolong ke arah menghapuskan judi ini. Di antara lain kita harap dalam proses ini supaya semua pihak turut terlibat baik pihak Kerajaan melalui berbagai Kementerian dan Jabatan meningkatkan kempen ataupun meningkatkan kempen kesedaran ke arah anti judi ini, yang mendatangkan banyak mudaratnya, begitu juga kita menyeru pertubuhan-pertubuhan agama baik dari segi Pertubuhan Dakwah Islamiah, seperti Persatuan Ulama, ABIM, Al-Arqam dan macam-macam Pertubuhan Agama lagi, bukan sahaja pertubuhan Agama Islam, tetapi juga pertubuhan lain-lain agama supaya masing-masing memberi sumbangan ke arah merealisasikan cita-cita yang kita harapkan bersama ini, supaya timbul

kesedaran di kalangan masyarakat, supaya rakyat sendiri benci kepada perjudian.

Begitu juga kita harap kepada badan-badan sukarela yang lain baik Persatuan Pengguna ataupun lain-lain badan yang begitu kritikal dengan persoalan sosial dan masyarakat supaya membuktikan dengan jujur dan ikhlas, secara nyata dari segi penglibatan mereka menjalankan kempen masing-masing setakat yang termampu dan terhad supaya timbul kesedaran di kalangan masyarakat mengenai dengan mudarat judi ini.

Begitu juga pihak swasta kita harap mereka membantu mana-mana pertubuhan, swasta yang saya maksudkan. Bukan pihak swasta yang terlibat dalam perjudian, tetapi persatuan ataupun syarikat swasta yang tidak terlibat dengan kegiatan seumpama ini supaya memberi sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan kegiatan bagi tujuan yang saya maksud tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya percaya jika satu hari nanti rakyat sudah sedar, masyarakat sudah sedar betapa buruknya judi ini, kita percaya kalau ada 100 lesen pun di depan mata tidak ada orang hendak ambil kerana ia segala-gala sudah terkawal. Ianya dibenci oleh masyarakat. Tetap pada masa yang sama juga saya ingin mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak Kerajaan jika boleh perketatkan lagi. Selain daripada undang-undang yang ada, di hadapan kita ini dalam proses tersebut, saya harap jangan disalahertikan supaya syarikat yang ada lesen, yang menjual tiket sekarang ini supaya diperkecilkan lagi jumlah jualan, tiketnya, diperkecilkan dari segi hadiahnya supaya ianya lagi tidak diminati oleh masyarakat. Dan saya percaya apabila timbul suasana seperti ini kita akan dapat menghapuskan judi di negara kita ini, insya Allah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Setar.

4. 22 ptg.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda. Pada mulanya saya memang tidak ada cadangan untuk bangun berucap, tetapi apabila mendengar pihak-pihak Pembangkang yang banyak memutarbelitkan keadaan hingga ada dua tiga orang daripada Barisan Nasional pun terpengaruh. Ini kita tidak salahkan ahli-ahli yang terpengaruh, kita salahkan pihak Pembangkang yang memang pandai, memang bijak memutarbelitkan keadaan.

Saya bangun di sini menyokong bukan kerana saya menyokong judi, sebab saya faham Akta ini. Ini Akta Kelab Lumba Kuda. Kalau kita buat akta rogol, bukan bermakna kita hendak suruh orang rogol. Kita buat Akta Kelab Lumba Kuda ini atau kita hendak meminda Akta Kelab Lumba Kuda ini oleh sebab kita faham tentang keadaan-keadaan di negeri Sabah. Negeri Sarawak saya faham, eloklah sedikit, tetapi di Sabah.

**Datuk Monggoh Orow: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada Yang Berhormat bangun, hendak beri jalan?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Semalam dia bercakap, saya tidak kacau. Sila.

**Datuk Monggoh Orow:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah keadaan yang sebenarnya di Sabah Yang Berhormat tahu?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya memang tunggu soalan yang semacam itu sebab dia hendak test saya fahamkah Akta ini. Tuan Yang di-Pertua, tunggu saya akan terangkan, tetapi hendak terang kisah semalam adalah hari yang pertama di mana DAP dengan PAS bersatupadu untuk memperjuangkan supaya judi ini diharamkan. Kita tahu kita buat pindaan Akta ini, kita tahu Menteri Kewangan kita yang baru itu seperti yang disebut daripada Ahli dari Kota Baru, bekas Presiden ABIM, dia tahu. Kalau hendak mewujudkan judi, dia tidak akan meluluskan. Ini saya percaya, saya pun dahulu ABIM, tetapi duduk di bawah sahaja, bukan sebelah atas. Tetapi saya percaya Menteri Kewangan kita yang baru tetap akan menghalang tentang perjudian ini. Kita faham, orang Barisan Nasional semua faham tentang haramnya judi ini. Kita jahil sangatkah? Jahil sangatkah kita ini? Kalau kita tidak tahu tentang Rang Undang-undang ini hendak meminda, kita jangan cakap . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak beri jalankah?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Kepong pula dia tahu apa kisah Kepong ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat tadi dia mula daripada bawah naik ke atas, sebab angin sudah naik. Hendak jadikan hero pula, jaguh bukan main. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tunjuk kepada dia apa hakikatnya Barisan Nasional pun atau Menteri Kewangan yang baru dan sebagainya. Ini satu suratkhbar yang tunggal tulis seperti ini untuk orang-orang kampung.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ini minta penjelasankah apa?

**Dr Tan Seng Giaw:** Kita dapat satu.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ini jual ubatkah?

**Dr Tan Seng Giaw:** Bukan ubat sahaja . . .

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, dia ini minta penjelasankah atau dia hendak jual ubat, ubat penyakit kulit.

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan - sama ada dia baca akhbar ini. Kalau dia baca, adakah dia ambil perhatian mengenai keputusan-keputusan Empat Ekor di satu penjuru.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Duduk, tidak mengapa.

**Dr Tan Seng Giaw:** Hadiah pertama, kedua, ketiga dan hadiah istimewa ada belaka di sini. Inilah apa yang dikatakan oleh ABIM ataupun Menteri Kewangan dia hendak hapuskan semua kegiatan judi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Cukuplah.

**Dr Tan Seng Giaw:** . . . tetapi di sini lain pula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jangan terlalu panjang, Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Dia jual ubat penyakit kulit.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya hendak tanya dia sama ada pertama dia baca akhbar seperti ini. Kalau dia baca, adakah dia ambil perhatian ransangan ke atas orang yang hendak berjudi terutamanya di kampung-kampung di seluruh negara.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Giliran siapa bercakap. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya faham Yang Berhormat dari Kepong dia pandai baca Jawi, dia mengaji di Sekolah Kebangsaan dahulu. Tetapi kawan-kawan yang lain bukan tahu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan kepada Yang Berhormat, itulah sebab kalau di Malaysia, kita di Semenanjung ada satu sahaja seperti Yang Berhormat tunjuk tadi. Tetapi di Sabah, dia ada tiap-tiap hari. Kita barangkali seminggu dua kali. Tetapi di Sabah ada Sabah 4D, Lotto, Sabah Sweepstakes, Kelab Lumba Kuda dan lain lagi, tiap-tiap hari. Kalau seminggu 7 hari, dia 8 kali cabut di Sabah. Sebab itu yang kita hendak pinda Akta ini supaya kita hendak mengawal. Kita hendak kawal perjudian di Sabah, terutama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dukacita sebab dengan alasan-alasan yang diberi oleh pihak Pembangkang semalam seolah-olah parti Barisan Nasional ini hendak meminda Akta ini untuk mewujudkan . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun lagi hendak beri jalan?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Berilah habis ayat dahulu, nanti saya lupa pula.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya dan tidak memberi penjelasan yang jelas. Jadi, tidak mahu jawabkah ini?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Yang Berhormat bukan minta penjelasan, Yang Berhormat jual ubat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** On a point of order.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini satu perkara yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ini point of order.

**Dr Tan Seng Giaw:** Adakah baca surat itu?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order. Tadi Yang Berhormat dengan secara sengaja ataupun tidak sengaja - maaf cakap, Parlimen bukan bapa kita punya, ini hak bersama, point of order 36(c), Yang Berhormat ada tersalah bercakap tadi ada menyebut ini ada 4 Nombor Ekor, adakah betul ABIM yang hendak perjuangkan menghapuskan judi. Jadi, Yang Berhormat seolah-olah sengaja . . . .

**Tuan Wong Wing On:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar, point of order, sebentar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat sengaja. . . .

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar, selesai seorang dahulu, point of order, sebentar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Apa?

**Tuan Wong Wing On:** Mana ada 36(c)?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tidak mengapalah, kita teruskan dengan ucapan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 36(10)(c) okaylah, baru mari, nanti point of order. Saya minta dia tarik balik kiasannya kepada ABIM. ABIM tidak terlibat dalam hal ini. Tadi Yang Berhormat sebut bekas ABIM, dia sengaja sebut perkataan ABIM, seolah-olah ABIM tidak memperjuangkan perkara ini. ABIM tidak terlibat dalam hal ini. Tidak ada orang yang bercakap bagi pihak ABIM di sini. Saya minta Yang Berhormat tarik perkataan tersebut sebab ini kita anggap menghina dan cuba menaikkan perasaan perkauman, bersakit-sakit hati. (*Disampuk*) Yes! dia menyebut perkataan ABIM tadi. ABIM tidak terlibat di sini Yang Berhormat, saya minta tarik balik perkataan ABIM. Kalau hendak sebut kata Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai bekas seorang ABIM, itu lain. Tetapi dia dengan sengaja atau sengaja sebut perkataan ABIM tadi. Saya minta tarik balik dan saya akan berdiri di sini sehingga dia tarik balik perkataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila duduk. Saya akan buat keputusan. Sila duduk. Yang Berhormat dari Kepong, Arau meminta penjelasan mengenai konteks ABIM tadi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Baik, saya menjawab kepada Tuan Yang di-Pertualah. Yang pertamanya, Yang Berhormat berucap, setelah itu dia ada bangkitkan bahawa dia orang ABIM juga. Jadi, susulan kepada kenyataan beliau, saya menyebutkan ABIM dan bekas pemimpin ABIM ialah Yang Berhormat Menteri Kewangan dan dia benar-benar memperjuangkan itu untuk menghapuskan aktiviti perjudian di negara ini dan saya sebutkan di sini, kalau itu maksud dia mengapa sehingga hari ini, selang sehari, dua kali satu minggu - ini untuk orang kampung. Di bandar orang tidak baca ini. Kalau ada baca pun kuranglah bilangannya. Inilah maksud saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat tidak menuduh ABIM terlibat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi tidak ambil perhatian mengenai perkara seperti ini yang merangsangkan orang berjudi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, tidak ada tuduhan terhadap ABIM, Yang Berhormat. (*Tepuk*) Dia tidak ada tuduh ABIM. Teruskan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, teruskan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Yang Berhormat dari Kepong itu menunjukkan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, di sebelah belakang itu ada yang berdiri lagi.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sama ada keputusan judi, sebagaimana yang cuba dipropagandakan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu hanya keluar di Utusan Melayu sahaja ataupun di semua suratkhbar dalam negara ini. Kalau hanya di suratkhbar itu, bolehlah menuduh bahawa tidak ada pembelaan ataupun perjuangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan. Tetapi saya ingin bertanya kepada pihak yang membawa soalan itu, sebelum kita teruskan, sama ada ada atau tidak keputusan itu juga keluar di akhbar-akhbar lain termasuk akhbar kegemaran Ahli Yang Berhormat dari Kepong sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak jawab? Teruskan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, tidak usah beri dia jawablah, ini giliran saya bercakap. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong menunjukkan keputusan Magnum dalam Utusan Melayu. Itu yang kita hendak kawal. Di Sabah tidak ada, dia tulis di kedai-kedai sahaja, itu banyak. Tiap-tiap hari. Dalam seminggu adalah 7 atau 8 kali. Nombornya ada macam-macam, macam saya sebutkan tadi seperti 4D, Lotto dan macam-macam, itu sebab kita hendak pindaan Akta ini supaya kita hendak mengawal. Mula-mula kita mengawal dahulu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Arau bangun lagi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sila, member.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana - siapa itu, saya pun lupa sebab saya tidak kenal orang sebelah sana yang bercakap tadi. Dia telah hanya membuat rujukan kepada akhbar jawi. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa DAP sekarang menghina akhbar tulisan jawi yang rujukannya diberi khas kepada orang-orang kampung, tetapi tidak menyebut akhbar-akhbar lain. Seolah-olah akhbar jawi inilah yang hina, yang lainnya tidak hina dan DAP sekarang ini kita anggap telah menghina akhbar tulisan jawi dan termasuk menghina tulisan jawi itu sendiri.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. (Tepuk)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila Yang Berhormat teruskan, kita telah jauh dari apa yang dibincangkan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacitalah atas pendapat-pendapat yang diberi oleh DAP dan parti-parti Pembangkang yang lain yang membayangkan seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional kita ini hendak mewujudkan judi, tetapi tujuan kita, seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri yang membentangkan Akta ini, ia bertujuan supaya kita dapat mengawal, terutama sekali di negeri Sabah. Saya fikir barangkali DAP punya mainan yang bertujuan lain dengan pendapat PAS. PAS memang dengan ikhlasnya dia marah kepada judi. Orang PAS memang marah, Barisan Nasional (UMNO) pun marah. Saya pun marah kelmarin dan terkejut juga apabila benda ini berlaku macam ini. Tetapi kita percaya bahawa tujuan DAP lain daripada tujuan PAS. Tujuan DAP membangkang pada hari ini ialah kerana kalau dia menyokong, orang Sabah nanti maki dia. Ini termasuklah parti-parti di Sabah, sebab kalau kita luluskan pindaan Akta ini, perjudian di negeri Sabah akan terkawal dan kita tahulah bahawa dari ucapan pihak Pembangkang semalam, didapati bahawa mereka bukan daripada golongan tahi judi, tetapi kita tahulah dan kita semua faham bagaimana keadaannya.

Ada orang tidak faham apa dia tahi judi - itu peribahasa Melayu. Tahi judi ini maknanya kaki judilah. Dia tidak mengakui dan dia kata dia bukan tahi judi. Kita faham dan kita percaya, dia seorang Ahli Yang Berhormat, memang bukan tahi judi, kalau dia tahi judi dia tidak akan dipilih menjadi Ahli Yang Berhormat. Semua yang ada di sini bukan tahi judi, tetapi kita hendak mengawal, sebab itu saya menyokong ini. Bukan kita hendak menyokong Akta Lumba Kuda bermakna kita hendak mewujudkan Lumba Kuda ataupun perjudian di negeri Sabah. Kita hendak mengawal supaya bila dapat dikawal oleh pihak Pusat dan pihak Kementerian

Kewangan, maka segala lesen-lesen perjudian di masa hadapan, terutama sekali di negeri Sabah itu kita dapat kawal dan kita akan kurangkan.

**Datuk Monggoh Orow:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan bangun, boleh beri jalan?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya tunjukkan di belakang, bukan tunjuk kepada Yang Berhormat.

**Datuk Monggoh Orow:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau betullah andaian Yang Berhormat itu bahawa perjudian di Sabah akan terkawal sekiranya Akta ini diperluaskan di Sabah, mengapa pada masa ini Magnum, Big Sweeps, Sports Toto, semuanya mengadakan cabutan Raffle di Sabah dan bukankah ini bermakna kalau sekiranya Akta ini diperluaskan ke Sabah, maka apa sahaja yang dijalankan di Sabah akan di jalankan di Semenanjung Malaysia. Sedangkan sekarang di Sabah, Sabah Lottery Cooperation tidak dapat menjalankan kegiatannya di Semenanjung Malaysia.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Baik, saya hendak tanya Yang Berhormat itu. Dia tahu tidak siapa yang mengeluarkan lesen perjudian di negeri Sabah sekarang ini? Jadi, sekarang ini lesen perjudian . . . .

**Datuk Monggoh Orow:** (*Bangun*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya tidak suruh jawab sekarang, saya hendak bercakap pula, tidak ada masa. Lesen perjudian di negeri Sabah sekarang ini dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Menteri dan lesen-lesen judi itu seperti Sabah Sweepstake, lesen Kelab Lumba Kuda Sabah, Royal Turf Club, dengan izin, dan Sandakan Turf Club, dengan izin, Sabah 4D, Sabah

Lotto, mesin Slot, semua ini dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Menteri Sabah.

Di Sarawak perkara ini dahulu memang berlaku macam ini, tetapi sekarang telah dihapuskan. Saya ucapkan tahniah kepada negeri Sarawak. Ini yang kita hendak. Bila kita dapat mengawal keadaan, kita mengeluarkan lesen, Kerajaan Pusat mengeluarkan lesen, maka sudah tentu saya percaya . . . .

**Datuk Monggoh Orow:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak berilah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya percaya dengan adanya Menteri kita ini, Menteri Kewangan yang baru, saya percaya beliau akan dapat mengatasi perkara ini dan dapat memperbaiki keadaan di Sabah.

Tidak timbullah seperti yang dikeluarkan oleh Batang Lapar—Batang Lular, bahawa bawa duit hendak pergi kedai. (*Ketawa*) Batang Lular, minta maaf. Fasal dia selalu sebut dia Batang Lapar, jadi saya pun tersebutlah Batang Lapar—Batang Lular. Dia mengatakan bahawa ada keluarga bila hendak pergi pasar bawa \$4 atau \$5 habis tikam ekor. Susu tidak ke mana, sayur tidak ke mana. Ini memang kita percaya. Orang Barisan Nasional pun tahu ini. Kita memang bangkangkan perkara ini. Kita pun tidak setuju, bukan kita setuju. Sebab itu kita hendak meminda Akta ini supaya kita dapat kawal, supaya orang miskin yang bawa \$5 pergi ke pasar itu dapat beli sayur. Ini yang kita hendak supaya bila kita keluarkan lesen, kita dapat mengawal.

Itu yang ada tidak payahlah oleh sebab kalau kita hendak hapus semua sekali, bukan kita yang hendak gaduh, orang DAP yang hendak bangkang No. 1. Sebab kita tahu DAP selama ini tidak ada apa satu yang dia sokong kita. Oleh itu kita buat keputusan di sini kalau kita kata putih, DAP kata hitam. Kita kata hitam, DAP kata putih. Oleh itu DAP membangkang pindaan Akta ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Akta ini baik oleh sebab DAP membangkang. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sabar sebentar, hendak beri jalan pada Kepong?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** DAP membangkang . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar ya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak payahlah. Saya ada sedikit sahaja lagi dalam 4 atau 5 minit lagi. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, duduk. Dia tidak beri jalan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya ada sedikit masa lagi, duduklah. Oleh sebab DAP dan parti PAS—Parti 46 tidak berapa hendak sebut sebab kadang-kadang barangkali mereka hendak patah balik. (*Ketawa*)—bila mereka ini membangkang, maka bererti kita Kerajaan Barisan Nasional membuat sesuatu perkara yang baik. Ini saya percaya. Kita tengok dalam

pilihanraya yang baru lepas. Semua yang dia bangkang itu, semua yang kita buat baik. Apa yang kita buat baik tidak pernah dia nampak.

Kita tengok dalam pembentangan RRJP2 baru-baru ini. Tidak ada apa satu yang baik. DEB pun tidak ada apa satu yang baik. Dia tidak tahu yang dia duduk 20 tahun daripada tahun 1970 sampai tahun 1990 ini, duduk dengan aman damai, apa punya rehat, Ahli Parlimen boleh masuk bersidang dalam itu tidak kena baling telur sepanjang jalan, dia tidak sedar.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar. Kepong bangun. Boleh beri jalan?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya ada masa sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dok layan dia ini, dia ini jual ubat. Jadi, tidak boleh dok layan sangat. Bagilah, saya hendak habiskanlah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Peraturan 36(4). Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadap. Ini termasuk orang Yang Berhormat tadi yang menyokong seorang yang tidak biadap. Seorang itu cakap dengan penuh chauvinist.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Walaupun dia tidak sanggup baca akhbar seperti ini, saya sanggup. Dia kata saya tidak boleh baca pula. Chauvinist begitu dia. Yang Berhormat pun setuju dengan dia. Itulah satu perbuatan yang tidak baik. Kalau dia boleh setuju dengan begitu sahaja, ini bermakna ucapan dia tidak bermakna.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kita akan buat keputusan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order 36(6), sangkaan jahat. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta supaya bila dia menyebut, dia menyebut. Saya ini Ahli yang dipilih. Saya mari sini bukan menumpang. Ini bukan rumah bapa hangpa, tahu tak? Bukan saya mari sini saya menumpang. Tak ada. Ini negeri tanah tumpah darah bapa saya. Saya berada dalam negeri di sini dan saya dipilih oleh rakyat datang ke Dewan yang mulia ini. Siapa yang menumpang siapa? Kurang ajar, samseng, paria, (*Disampuk*) anytime ini semua sekali. Sangkaan jahat. Dia ada sangkaan jahat kepada saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Duduklah. Boring!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Apa boring?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Arau, sila duduk. Kita akan buat keputusan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kalau boring, keluar!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kita akan buat keputusan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Apa senyum-senyum Kepong? Peraturan 36(6), dia menyebut saya chauvinist.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, kita faham dan kita akan buat keputusan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya Ahli Barisan Nasional, saya tidak chauvinist.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, sabar kawan, relax.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita akan buat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat, peraturan kita jelas. Jangan gunakan sangkaan jahat, jangan gunakan perkataan biadap. Tetapi sepanjang ini, belum ada perkataan sangkaan jahat, belum ada biadap yang kita dapati. Teruskan ucapan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini guru. Saya mengajar sopan-santun di sekolah. Saya mengajar sopan-santun di sekolah, tetapi saya tahu kalau jenis anak murid macam ini, memang tidak bersopan-santun. Tetapi kalau saya, saya tahu. Saya guru tetapi kalau ada macam itu, yang sebelah sana yang bangun baca sampai orang lain tulis, orang yang tulis pun tidak faham, orang yang baca lagi tidak faham, orang yang dengar pun tidak faham-faham. Itulah yang berlaku semalam.

Semalam ini banyak yang datang baca. Saya tidak baca sebab saya faham Rang Undang-undang ini, tidak payah baca. Saya guru mengajar sopan-santun, saya bila bangun itu, saya tahu mereka tidak bersopan-santun. Minta sahabat saya dari Arau relax, sabar.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah beritahu kepada Ahli-ahli Parlimen terutamanya sekali di negeri Sabah bahawa bagaimana lesen-lesen perjudian ini dikeluarkan di negeri Sabah dan inilah yang kita hendak wujudkan dan kita hendak pindahkan Akta ini oleh sebab kita hendak kawal. Mudah-mudahan dengan lulusnya pindaan pada hari ini, Kerajaan Pusat akan mengawal keadaan supaya rakyat terutama sekali di negeri Sabah akan menikmati hidup tanpa perjudian yang berleluasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita hanya dapat membenarkan satu Ahli lagi untuk berucap dan kita minta wanita Santubong. Selepas ini Menteri menjawab.

4.47 ptg.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan) 1991.

Saya setuju dan sokong akan peluasan Akta Lumba Kuda ini iaitu Ambiltagan Awam 1965 ke negeri-negeri, khususnya negeri Sarawak. Dengan langkah ini, undang-undang ini dapat diperluaskan ke seluruh negara iaitu dari segi pengawalan aktiviti perjudian oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, isunya di sini bukanlah penggalakan aktiviti perjudian. Saya rasa tadi, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat terkejut kenapa pula saya yang menyokong. Saya ada sebab-sebab yang bernas di sini iaitu penggalakan bukan mengenai penggalakan aktiviti perjudian seperti yang telah diperkatakan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat kelmarin tetapi adalah kepada pengawalan perjudian oleh Kerajaan Persekutuan iaitu dari segi menyekat aktiviti perjudian yang amat berleluasa pada masa kini. Cara ini hanya dapat dijalankan dengan diperluaskan Akta ketiga-tiga buah negeri ini iaitu ke seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan) 1991 ini diperluaskan ke ketiga-tiga buah negeri, khususnya bagi negeri Sarawak, kerana Kerajaan negeri Sarawak berkuasa untuk mengawal keadaan seperti membuat dan melaksanakan dasar bagi menamatkan semua

aktiviti perjudian iaitu dengan tidak mengeluarkan permit bagi premis atau tempat operasinya berlakunya perjudian tersebut. Jadi, ini bermakna kuasa ini adalah terletak di bawah kuasa local authority, dengan izin, iaitu di mana-mana negeri melalui penyekatan lesen permit atau lesen perniagaan. Walaupun undang-undang ini ada diperluaskan ke negeri Sarawak, tetapi kalau lesen premis atau lesen perniagaan tidak dikeluarkan, tidak boleh jadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan kata-kata rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Mas Gading dan Batang Lupar semalam iaitu mengenai Kerajaan Persekutuan tidak membuat sebarang perundingan dengan Kerajaan Negeri mengenai cadangan bagi memperluaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, statement itu adalah tidak tepat dan saya ingin memperbetulkannya. Sebenarnya cadangan ini telahpun dirujuk kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui perbincangan dengan Peguam Besar di negeri Sarawak, dan Kerajaan Negeri Sarawak telahpun menyatakan pihaknya tiada halangan tetapi diminta supaya Kerajaan Persekutuan memberi jaminan tidak akan mengeluarkan lesen-lesen baru bagi apa-apa jenis perjudian.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya minta maaf, saya bukan hendak menjawab. Penasihat Undang-undang Sarawak ada di sini dan saya pun berbincang sebelum bercakap semalam. Jadi percakapan saya itu berlandaskan apa yang saya terima. Jadi kalau ia dikatakan tak tepat, mungkin maklumat yang saya terima tak tepat.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun kalau tidak ada maklumat tepat pun tidak berani juga mengeluarkan statement sebegini. Saya boleh syorkan di sini bahawa maklumat yang saya dapatkan adalah dari sumber-sumber yang tertinggi dan sumber-sumber yang boleh dipercayai. Percayalah kepada saya.

Jadi sejajar dengan pendirian Kerajaan Negeri untuk menghapuskan segala aktiviti-aktiviti perjudian, jadi saya rasa . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat hendak beri jalan, dia minta penjelasan.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Tidak beri jalan sebab masa sudah suntuk. Saya rasa saya hendak habiskan hujah ini sedikit, jadi saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Sejajar dengan pendirian Kerajaan Negeri Sarawak untuk menghapuskan aktiviti perjudian, Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin dengan seorang Menteri Kewangan sekarang, seorang yang berpendirian tegas dan seorang yang berkaliber tidak akan membenarkan apa-apa bentuk perjudian tanpa merujuk dahulu kepada mana-mana Kerajaan Negeri terlebih dahulu. Jadi, dengan ini saya mohon kepada Menteri Kewangan jaganilah mengeluarkan lagi lesen perjudian di negeri Sarawak iaitu bagi menghormati keputusan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4. 52 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan) 1991 ini. Daripada hujah-hujah yang dikemukakan itu saya mendapati bahawa sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat beranggapan bahawa akibat perluasan undang-undang ini ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan akan mengakibatkan ataupun menyebabkan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti perjudian di negeri-negeri berkenaan, terutamanya di negeri Sarawak memandangkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telahpun memberhentikan aktiviti perjudian.

Saya ingin menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa perluasan Akta Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 ke negeri-negeri tersebut tidak akan menambah aktiviti perjudian di Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan, sebaliknya kegiatan perjudian akan dapat dikurangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini di negeri Sabah aktiviti perjudian dijalankan pada tiap-tiap hari. Ini disebabkan Kerajaan Negeri Sabah di bawah kuasa yang diberikan dalam undang-undang perjudian yang berkuatkuasa di Sabah sekarang ini, iaitu Gaming Ordinance (Cap. 50) 1930, dengan izin, telah mengeluarkan lesen-lesen untuk menganjurkan pertaruhan Empat Nombor Ekor, pertaruhan Lotto dan pertaruhan Lumba Kuda. Pertaruhan-pertaruhan ini adalah

tambahan kepada pertaruhan TOTO dan Empat Nombor Ekor yang dilesenkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa di dalam persidangan yang lepas Ahli Yang Berhormat dari Kimanis dan Tawau telah menggesa Kerajaan supaya tindakan diambil bagi mengurangkan aktiviti perjudian di Sabah. Tindakan Kerajaan memperluaskan Akta Lumba Kuda ini ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah selaras dengan gesaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana dengan perluasan Akta Lumba Kuda ini akan dilakukan serentak dengan perluasan lima Akta perjudian lain yang masih juga terhad pemakaiannya pada masa ini di Semenanjung Malaysia sahaja, iaitu Common Gaming Houses Act 1953, Betting Ordinance 1953, Betting and Sweepstakes Duties Act 1948, Lotteries Act 1952 and Racing (Totalisator Board) Act 1961, dengan izin. Serentak dengan perluasan Akta-akta tersebut, undang-undang perjudian yang sekarang berkuatkuasa di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan akan dimansuhkan.

Dengan pemansuhan undang-undang tersebut, maka Undang-undang Persekutuan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan dengan itu Kerajaan Persekutuan bolehlah mengambil tindakan untuk menamatkan lesen-lesen perjudian yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah yang dinyatukan tadi dan dengan itu akan dapat mengurangkan aktiviti perjudian di Sabah. Jika Akta-akta tersebut tidak diperluaskan seperti yang dicadangkan ini, Kerajaan Sabah mungkin tidak akan menamatkan lesen-lesen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan sedar bahawa Kerajaan Negeri telah membuat dan melaksanakan dasar bagi menamatkan semua aktiviti perjudian yang dilesenkan oleh Kerajaan Negeri itu.

Sungguhpun demikian, undang-undang perjudian berkenaan, iaitu Gaming Ordinance (Cap. 138) 1957 masih belum dimansuhkan. Dengan demikian, Kerajaan Negeri, iaitu Kerajaan Negeri Sarawak, boleh pada bila-bila masa mengkaji semula dasar itu. Sebaliknya melalui tindakan Kerajaan Persekutuan memanjangkan Akta-akta perjudian Semenanjung ke Sarawak dan selanjutnya memansuhkan Gaming Ordinance (Cap. 138) 1957, Kerajaan Persekutuan akan dapat mengawal aktiviti perjudian yang selaras dengan dasar Kerajaan Negeri Sarawak sekarang ini.

Dalam hal ini saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar bahawa Kerajaan Persekutuan menghormati keputusan Kerajaan Negeri untuk memberhentikan semua aktiviti perjudian di Sarawak dan telahpun membuat keputusan bahawa di atas permintaan Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan tidak akan membaharui lesen agensi Sports TOTO dan lesen agensi Magnum bagi pertaruhan 4D di negeri Sarawak apabila lesen-lesen berkenaan tamat tempohnya pada akhir tahun ini. (*Tepuk*) Ini bermakna kegiatan perjudian di Sarawak akan kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak membuat sebarang perundingan dengan Kerajaan Negeri mengenai cadangan bagi memperluaskan Akta-akta perjudian Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa mengikut Perlembagaan, pembentangan Rang Undang-undang Perjudian ini tidak perlu dirujuk kepada Kerajaan Negeri memandangkan bahawa ianya adalah bidang perundangan Kerajaan Persekutuan. Sungguhpun demikian, bagi menjaga kepentingan Sabah dan Sarawak, cadangan ini telahpun dirujuk kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan

Sarawak melalui Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak telahpun menyatakan pihaknya tiada halangan tetapi Kerajaan Persekutuan hendaklah memberi jaminan tidak akan mengeluarkan lesen-lesen baru bagi apa-apa jenis perjudian. Bagi negeri Sabah, Kerajaan Negeri mahukan supaya perluasan undang-undang berkenaan tidak akan menjejaskan kepentingan Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan pembinaan padang lumba kuda di Sandakan dan di Tuaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa penyediaan Rang Undang-undang ini telah dibuat setelah memberi pertimbangan kepada masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri.

Saya juga ingin menegaskan bahawa dengan perluasan Akta Lumba Kuda di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, loteri iaitu Sweepstakes atau apa-apa juga bentuk perjudian lain tidak boleh dianjurkan di mana-mana negeri tanpa persetujuan Kerajaan Negeri berkenaan terlebih dahulu.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan? Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan Labuan telah menjadi Wilayah Persekutuan, adakah ini tidak bermakna semua undang-undang yang ada di Wilayah Persekutuan ini tidak dapat dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Labuan sehingga memerlukan satu Rang Undang-undang seperti ini untuk menguatkuasakan Akta Kelab Lumba Kuda? Adakah ini bermakna semua undang-undang yang lain tidak berkuatkuasa di Labuan? Saya boleh faham kalau ini dirujuk kepada negeri-negeri

Sabah dan Sarawak, tetapi untuk Wilayah Persekutuan Labuan, saya kurang fahamlah di sini.

Jadi, baik Yang Berhormat dapat terangkan berdasarkan kepada undang-undang manakah Rang Undang-undang ini dibuat di sini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, lesen-lesen perjudian yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah apabila Wilayah Persekutuan Labuan masih di bawah kuasa Kerajaan Negeri Sabah akan berterusan hingga pada hari ini dan apa yang telah berlaku dahulu itu tidak bermakna bahawa apabila Pulau Labuan itu diletak di bawah Wilayah Persekutuan, bahawa lesen-lesen yang telah dikeluarkan tidak akan dikawal oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi, ini tidak selaras dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya yakin bahawa Peguam Negara kita ini telah mengkaji situasi ini dan apa yang dibentangkan pada hari ini akan menjelaskan semua undang-undang perjudian di seluruh negara termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Terima kasihlah, ini bukan saya sengaja hendak bangkitkan, tetapi kalau kita buat macam hari ini untuk Akta Kelab Lumba Kuda, saya terima apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi kerana ada lesen-lesen dan undang-undang yang lain yang masih dikuatkuasakan di Labuan, tetapi kalau kita buat pindaan seperti ini, adakah ini bermakna kalau masih ada undang-undang yang lain dari Sabah misalnya dan termasuk imigrasi yang masih berkuatkuasa di Sabah dan mungkin di Labuan juga, kalau kita hendak berhentikan penguatkuasaan

undang-undang tersebut, adakah ini bermakna kita akan balik ke Dewan Rakyat ini untuk menggubal pindaan seperti ini lagi untuk semua undang-undang yang terdapat di Labuan sekarang?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, situasi ini ada lain sedikit daripada apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang peguam dan apa yang dibentangkan pada hari ini di Dewan yang mulia ini akan menyelesaikan apa-apa masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta meneruskan ucapan saya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kepentingan Kerajaan Sabah dan Sarawak akan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyentuh semua ucapan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam kedua-dua hari ini dan semalam. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang telah meminta supaya Kerajaan Persekutuan memberi jaminan untuk mengurangkan lesen-lesen perjudian seperti Sweepstakes, Empat Nombor Ekor dan Sports TOTO. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa dasar Kerajaan sekarang ini mengenai perjudian ialah untuk mengawal dan mengurangkannya. Ini adalah jelas dan ini telah dibuktikan oleh Kerajaan dengan penutupan Loteri Kebajikan Masyarakat dan juga pembatalan lebih 200 permit mesin slot.

Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan sama sekali mengeluarkan lagi lesen ataupun permit untuk aktiviti perjudian yang baru. Oleh itu kebimbangan bahawa perjudian di Sabah dan Sarawak akan meningkat tidak timbul sama sekali.

Menyentuh mengenai mengapa perlunya diadakan undang-undang ini ke Sarawak, memandangkan negeri tersebut telahpun ada undang-undang perjudiannya sendiri, dalam hal ini pemanjangan Akta Kelab Lumba Kuda ini akan dikuatkuasakan ke Sabah dan Sarawak bersama-sama dengan undang-undang perjudian lain yang kini hanya berkuatkuasa di Semenanjung sekarang.

Apabila semua Akta itu dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak pula, undang-undang perjudian di Sabah dan Sarawak, iaitu Gaming Ordinance Sabah dan Gaming Ordinance Sarawak yang saya sebutkan tadi akan dimansuhkan. Jadi, saya telah jawab sebentar tadi bahawa kedua-dua undang-undang ini di Sabah dan Sarawak akan dimansuhkan apabila Akta ini dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak. Oleh itu nampaknya adalah jelas bahawa tidaklah berlaku apa-apa percanggahan undang-undang antara negeri Sabah, Sarawak dan juga Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pula berasa bimbang sekiranya perluasan Akta ini dilakukan akan meningkatkan aktiviti perjudian di seluruh negara. Saya telahpun menjawab soalan ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab sekali lagi, dalam hal ini aktiviti perjudian telah sedia dikawal oleh undang-undang yang berasingan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Perluasan Akta ini akan menggantikan undang-undang yang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak dengan undang-undang ini dan dengan itu ia tidak akan menambah aktiviti perjudian di Sabah dan Sarawak seperti apa yang saya telah katakan. Sebaliknya, melalui undang-undang yang seragam, Kerajaan Persekutuan akan mengawal aktiviti perjudian di Sabah dan Sarawak selaras dengan dasar kawalan tegas yang telah dilaksanakan di Semenanjung sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mengesyorkan supaya satu kempen kesedaran untuk membenci judi diadakan secara besar-besaran. Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini adalah dialu-alukan. Buat masa ini, tiket-tiket judi dan tempat perjudian telah dikehendaki mempamerkan kenyataan: "Judi adalah haram di sisi agama Islam", dan saya bagi pihak Kerajaan mengalu-alukan cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan masalah ataupun kebimbangan mereka bahawa mereka tidak akan menyokong Rang Undang-undang ini akan tukar fikiran mereka oleh kerana . . . .

**Tuan Billy Abit Joo:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Billy Abit Joo:** Satu soalan sebelum perbincangan ini berakhir. Saya difahamkan Malaysian Racing Association ahlinya ialah Selangor, Perak, Penang dan Singapore dan tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Soalannya ialah sama ada dengan memperluaskan Akta ini ke Sarawak dan Sabah, adakah Sarawak Horse Club dan Sabah Horse Club akan dimasukkan sebagai ahli dengan automatik, ataupun mereka memohon?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasu berkenaan dengan jawapan kepada soalan itu. Walau bagaimanapun, pegawai saya di belakang akan memberi jawapan yang nyata.

Saya ingin sambung apa yang saya telah katakan tadi . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Nanti sekejap, nanti sekejap. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menentang, saya harap mereka akan menukar fikiran mereka oleh kerana nampaknya telah nyata bahawa Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengurangkan aktiviti perjudian di seluruh negara. Saya bagi pihak Kementerian Kewangan memahami bahawa kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa aktiviti perjudian akan meningkat dan juga mereka menyuarakan hasrat mereka supaya aktiviti perjudian di seluruh negara kita ini dapat diberhentikan ataupun dihapuskan pada suatu hari nanti.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Dato' Loke Yuen Yow:** Saya ingin meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa jika hasrat Ahli-ahli Yang Berhormat adalah benar bahawa untuk menghapuskan aktiviti perjudian pada satu hari nanti ataupun mengharamkan atau menghapuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tidak beri jalan. Nanti, saya habiskan dahulu. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini pada hari ini adalah satu langkah yang positif untuk memudahkan Kementerian Kewangan ataupun Kabinet ataupun Parlimen ini, Dewan yang mulia ini pada satu hari ingin menghapuskan aktiviti perjudian di seluruh negara. Jikalau undang-undang perjudian di dalam negara kita ini tidak dapat diseragamkan apabila kita hendak

menghapuskan aktiviti perjudian di negara kita ini tetapi Kerajaan-kerajaan seperti negeri Sabah dan Sarawak masih mempunyai kuasa mereka mengeluarkan lesen, macam mana kita dapat hapuskan perjudian di seluruh negara ini? Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli-ahli dari Barisan Nasional, sebahagian kecil yang ingin menentang, saya harap mereka bertukar fikiran. Dengan ini, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sudah habis ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia sudah habis, kita tahulah. Orang yang pengecut macam ini. Orang dari MCA itu, kelakuan itu, character tidak boleh lari. (Disampuk) Jangan pura-pura, habis lari- coward at the highest degree.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Tanjung, tenang! Yang Berhormat, tenang! Yang Berhormat, sudah cukuplah. Tenang, tenang, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan 46(4) meminta belah bahagian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mengikut peraturan, berapa Ahli yang menyokong?

**Tuan Wee Choo Keong:** 46(4).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, saya tahu. Berapa Ahli yang hendak bangun menyokong?

**Tuan Wee Choo Keong:** 15.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mana Ahli-ahli Yang Berhormat? (Disampuk)

**Tuan Wee Choo Keong:** 20. Lebih. (Ahli-ahli berdiri).

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelahbahagi.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Diminta penghitung-penghitung undi yang telah ditugaskan itu keluar.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order 46(4) mengenai division. Kita ada surat bertarikh 17hb Jun, surat yang dikeluarkan oleh Parlimen mengenai lantikan penghitung undi di mana ada kata bagi maksud mengadakan belah bahagian Ahli-ahli Majlis akan dibahagikan kepada enam kumpulan, iaitu Kumpulan A hingga F. Ahli-ahli yang tersebut di bawah ini telah dilantik menjadi penghitung undi. Blok A—Yang Berhormat Dr Ting Chew Peh. Dia tidak ada di sini. (Tepuk) Yang Berhormat Dato' Najib tak ada kelayakan, oleh kerana surat baru untuk melantiknya belum dikeluarkan. (Ketawa) Sebab itu, Blok A semua tidak boleh undi. (Ketawa) (Tepuk)

**Beberapa Ahli:** Balik! Baliklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tenang, tenang! Saya akan buat keputusan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta baliklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, tenang sebentar. Kita akan buat keputusan bahawa saya menggunakan kuasa di bawah peruntukan Mesyuarat 26 untuk melantik Yang Berhormat menggantikan tempat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! baru lantik. Sekarang baru boleh undi, baik. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut keputusan belahbahagian adalah seperti berikut:

Yang Bersetuju, 59.

Yang Tidak Bersetuju, 20. (*Tepuk*)

Lebih suara Yang Bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

#### **YANG BERSETUJU:**

1. Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar.
2. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.
3. Datuk Napsiah binti Omar.
4. Dato' Lim Ah Lek.
5. Dato' Haji Daud bin Dato' Haji Taha.
6. Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed.
7. Dato' Loke Yuen Yow.
8. Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail.
9. Dato' Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus.
10. Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.
11. Tuan Abdul Ghani bin Othman.
12. Dato' Drs. Sulaiman bin Mohamed.
13. Tuan Mohd. Farid bin Ariffin.

14. Cik Teng Gaik Kwan.
15. Tuan Chua Jui Meng.
16. Dato' Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir.
17. Tuan Kerk Choo Ting.
18. Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansur.
19. Dato' Wong See Wah.
20. Tuan Dr Fong Chan Onn.
21. Dato' Dr Abdul Hamid bin Haji Othman.
22. Dato' Abdul Raman bin Suliman.
23. Dato' Ismail bin Said.
24. Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar.
25. Tuan Woon See Chin.
26. Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman.
27. Tuan Mohd. Noh bin Rajab.
28. Tuan Haji Mohamed bin Abdullah.
29. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.
30. Tuan Douglas Uggah Embas.
31. Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman.
32. Tuan G. Palanivel.
33. Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman.
34. Tuan Saidin @ Yusuf bin Adam.
35. Tuan T. Marimuthu.
36. Tuan Yim Chee Cheong.
37. Dato' Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.
38. Tuan Mahbud bin Haji Hashim.
39. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad.
40. Tuan Shahidan bin Kassim.
41. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ali.
42. Dato' Basri bin Bajuri.
43. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit.
44. Dato' Abdul Rashid bin Muhammad.
45. Tuan Haji Hamzah bin Mohd. Zain.
46. Puan Rakibah binti Haji Abdul Manap.
47. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

48. Tuan Chor Chee Heung.
49. Puan Lim Lay Hoon.
50. Che Ibrahim bin Mustapha.
51. Tuan Ishak bin Arshad.
52. Tuan Ibrahim bin Sareh.
53. Tuan Mohamed Kamal Hussain.
54. Puan Rohani binti Abdul Karim.
55. Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.
56. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar.
57. Tuan Mohd. Shariff bin Jajang.
58. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar.
59. Tuan Vun Shin Choi.

#### **YANG TIDAK BERSETUJU:**

1. Dr Sanusi bin Daeng Mariok.
2. Puan Hajah Ilani binti Ishak.
3. Tuan Mohamed bin Sabu.
4. Tuan Lim Kit Siang.
5. Tuan R. Karpal Singh.
6. Tuan Ahmad bin Nor.
7. Tuan Chian Heng Kai.
8. Dr Tan Seng Giaw.
9. Tuan Liew Ah Kim.
10. Tuan Sim Kwang Yang.
11. Tuan Lau Dak Kee.
12. Tuan Kerk Kim Hock.
13. Tuan Lim Guan Eng.
14. Tuan Tan Kok Wai.
15. Tuan Lim Hock Seng.
16. Tuan Nurnikman bin Abdullah.
17. Tuan Kua Kia Soong.
18. Tuan Fong Kui Lun.
19. Tuan Wee Choo Keong.
20. Datuk Monggoh Orow.

#### **YANG TIDAK MENGUNDI:**

Tiada.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH-MAHKAMAH ANAK NEGERI (BIDANG KUASA JENAYAH)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5. 26 ptg.*

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memberi mahkamah-mahkamah anak negeri bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak bidangkuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan, dibaca kali kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah memberi bidangkuasa kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak berkenaan dengan pembicaraan dan hukuman mengenai kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang anak negeri atau adat menerusi Rang Undang-undang Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidangkuasa Jenayah) 1951 yang dibuat menurut Butiran 13, Senarai Perundangan 2A, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Adalah dimaklumkan bahawa Mahkamah-mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak pada masa ini diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman denda atau penjara di samping kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan.

Namun demikian tidak ada undang-undang Persekutuan yang memberi bidangkuasa untuk membicara dan menghukum bagi kesalahan-kesalahan jenayah kepada mahkamah-mahkamah tersebut sebagaimana yang dikehendaki oleh Butiran 13, Senarai Perundangan 2A, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Peraturan mengenai hukuman dan pemenjaraan bagi kesalahan-kesalahan tersebut adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 7, Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah, 1953 Bab 86 dan di bawah Seksyen 6(1), Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sarawak 1955, Bab 43. Pada hakikatnya adalah jelas menunjukkan bahawa Seksyen 6(1) Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sarawak 1955 memberi sekatan tertentu kepada hukuman yang boleh diberi oleh Mahkamah Anak Negeri di Sarawak berbanding dengan peruntukan Seksyen 7, Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah 1953 yang memberi kuasa sepenuhnya tanpa sekatan kepada mahkamahannya.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada kes Haji Lagan Tarki Mohd. Nor lawan Mahkamah Anak Negeri Penampang 1988, Mahkamah Agong telah memutuskan di antara lain bahawa kuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara di bawah Seksyen 7, Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah, 1953 hanya boleh diberi kuasa oleh satu perundangan Persekutuan yang diluluskan selaras dengan Butiran 13, Senarai Perundangan 2A, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, bidangkuasa yang akan diberi kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri melalui Rang Undang-undang ini adalah setakat apa sahaja bidangkuasa terhadap kesalahan-kesalahan yang dinikmati selama ini yang di bawah Ordinan-ordinan tersebut dan pemberian bidangkuasa ini akan mengesahkan sepenuhnya bidangkuasa masing-masing di bawah Perlembagaan Persekutuan. Adalah dicadangkan juga

bahawa sekatan maksimum yang telahpun sedia ada di bawah Seksyen 6(1), Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sarawak, 1955 di mana mahkamah tersebut boleh menjatuhkan hukuman pemenjaraan tidak melebihi dua tahun dan denda sehingga \$200 dikekalkan dan diselaraskan kepada Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah 1953.

Rang Undang-undang ini apabila diluluskan kelak akan memberi kuasa kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak untuk menjalankan pembicaraan dan seterusnya menjatuhkan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya bagi kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Anak Negeri atau adat dan bidangkuasa ini tidak termasuk kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

Seterusnya Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi pengesahan kepada semua hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri sebelum mula berkuatkuasa Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkenaan dan apabila diluluskan kelak akan memberi bidang kuasa kepada Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak berkenaan dengan pembicaraan dan hukuman mengenai kesalahan-kesalahan jenayah tertentu menerusi Rang Undang-undang Persekutuan yang dibuat menurut butiran 13 Senarai Perundangan 2A Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan melalui Rang Undang-undang Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Labuan.

5. 32 ptg.

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah mengambil berat serta memberikan perhatian tentang perjalanan Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri serta mengemaskinikan bidang kuasanya. Ini termasuk juga Mahkamah Anak Negeri bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Seperti yang dinyatakan bahawa Rang Undang-undang yang digubal ini mengikut butiran 13 Senarai 2A, Senarai Perundangan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri di Sabah juga termasuk Labuan dan Sarawak untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau denda tidak lebih \$200 atau kedua-duanya sekali. Dan bidang kuasa ini tidak meliputi perbicaraan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa undang-undang dan adat-istiadat bumiputera ini termasuklah perkara-perkara yang berhubungan dengan perkahwinan, penceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat,

taraf anak, undang-undang keluarga, pemberian atau mewarisi harta berwasiat atau tak berwasiat; pendaftaran pengambilan anak angkat menurut undang-undang atau adat-istiadat Bumiputera; menentukan perkara-perkara mengenai undang-undang atau adat-istiadat Bumiputera; keanggotaan, penyusunan dan acara mahkamah-mahkamah Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Anak Negeri adalah merupakan sebuah institusi yang penting bagi kaum Bumiputera di Sabah, Labuan dan Sarawak di mana ianya dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan kes-kes dalam undang-undang yang saya sebutkan sebentar tadi. Walau bagaimanapun, kebanyakan kes-kes yang biasanya dibawa ke Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri melalui pengalaman saya ialah yang berhubungan dengan tuntutan harta, pembahagian hartanah dan menuntut harta si-mati. Dan pada umumnya Ketua-ketua Anak Negeri yang dilantik dapat diberi latihan dan diberi bimbingan dalam masa yang singkat dan berupaya untuk menjalankan tanggungjawab mereka sebagai Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri untuk berfungsi menyelesaikan kes-kes tuntutan yang saya sebutkan tadi.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, dengan pemberian kuasa yang baru ini kepada Ketua-Ketua Anak Negeri yang menjadi hakim dalam semua pembicaraan yang melibatkan kes-kes bumiputera didalam Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri bermakna akan menambah lagi tanggungjawab Ketua-Ketua Anak Negeri yang terlibat sebagai hakim di dalam mahkamah ini. Jadi kuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara dan denda adalah merupakan satu perkara baru bagi Ketua-Ketua Anak Negeri.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan agar semua Ketua-ketua Anak Negeri yang diberikan kursus-kursus yang tertentu dan berpatutan dengan bidang kuasa baru

ini supaya mereka ini dapat menjalankan kuasa dan tanggungjawab secara adil dan saksama dan tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan. Apatah lagi Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perlantikan seseorang Ketua Anak Negeri yang saya maksudkan ini dibuat di atas asas-asas sumbangan politik kepada parti-parti yang memerintah atau affiliation, dengan izin, mereka dengan sesebuah parti politik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa perlantikan Ketua Daerah dan Ketua-ketua Anak Negeri bagi Sabah dan Sarawak dibuat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri ataupun di atas sokongan Jabatan Ketua Menteri. Dan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi perlantikan pegawai-pegawai Mahkamah Anak Negeri bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks perlantikan pegawai-pegawai Mahkamah Anak Negeri ini, izinkan saya merujuk kepada perlantikan seorang Ketua Daerah bagi Wilayah Persekutuan Labuan yang berkuatkuasa pada awal tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang perlantikan ini bahawa semenjak Labuan menjadi Wilayah Persekutuan, tidak ada perlantikan Ketua Daerah dibuat. Ini adalah disebabkan bahawa pengisian jawatan tersebut tidak diperlukan dan kerana fungsi Ketua Daerah itu ialah lebih khusus bagi mengendalikan kes-kes anak angkat sahaja yang kecil bilangannya. Dan tugas-tugas lain tentang pengendalian Mahkamah Anak Negeri yang ada mampu dikendalikan oleh dua Ketua Anak Negeri yang sedia ada dan seorang pegawai Mahkamah Anak Negeri yang berfungsi untuk mengesahkan hukuman-hukuman yang dijatuhkan oleh Ketua-Ketua Anak Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi setelah selesai pilihanraya tahun lalu, seorang Ketua Daerah dilantik bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Encik Ismail Kasah sebagai Ketua Daerah dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional menang di Labuan tetapi orang yang mendapat jawatan dan yang dilantik oleh JPA bagi jawatan Ketua Daerah adalah terdiri dari kalangan Pembangkang. Malah beliau bukanlah merupakan seorang Pembangkang biasa sahaja, beliau merupakan Pengarah Jentera Pilihanraya bagi seorang calon Bebas dan penceramah utama calon tersebut. Malangnya, calon beliau hilang wang pertaruhan dalam pertandingan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah kesilapannya? Adakah ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional sebuah Kerajaan yang liberal dan lebih mementingkan kepentingan orang lain daripada kepentingan penyokongnya? Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional menang yang sepatutnya diberi jawatan adalah dari kalangan penyokong-penyokong Barisan Nasional. Saya rasa amat sedih dan meminta agar satu penelitian dibuat ke atas kes ini. Dan kalau kita lihat di mana-mana jua pun misalnya di Kelantan tentulah perlantikan Penghulu atau Imam-Imam tentulah terdiri daripada kalangan penyokong-penyokong mereka. Begitu juga kalau di Sabah tentulah akan melantik Ketua-Ketua Daerah dan Ketua-Ketua Anak Negeri daripada kalangan penyokong mereka sahaja. Jadi, saya mohon pertimbangan dan kerjasama Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk memperbetulkan keadaan ini dan kebetulan pula Jabatan Perkhidmatan Awam adalah di bawah Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ingin saya bangkitkan dalam membahaskan Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan kuasa yang saya nyatakan tadi, yang diberikan kepada Ketua-ketua Anak Negeri yang akan dipertanggungjawabkan untuk menjatuhkan dan membicarakan serta menjatuhkan hukuman-hukuman ini.

Kita sedia maklum bahawa kebanyakan perlantikan-perlantikan Ketua Anak Negeri sama ada di Sabah, di Sarawak mahupun di Labuan adalah terdiri daripada ahli-ahli ataupun individu yang tidak mendapat pendidikan yang sepatutnya. Dan ada kepadatan di kalangan mereka ini tidak tahu menulis, jadi dengan pemberian kuasa ini kita takut bahawa ianya akan disalahgunakan oleh pegawai-pegawai ataupun Ketua-ketua Anak Negeri ini, apatah lagi kerana perlantikan Ketua Anak Negeri ini dibuat atas asas-asas politik dan ianya akan menjadi conflict of interest, Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan atau mengendalikan tanggungjawab mereka nanti. Ini jelas kepada kes yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, kes Haji Lagan Tarki, saya rasa, yang telah dihukum penjara di bawah Mahkamah Anak Negeri. Sekiranya perkara ini tidak diberi penelitian atau tidak diberikan pengkhususan kuasa-kuasa ini akan dapat disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya ingin menyarankan agar senarai lengkap diberikan bagi kes-kes yang akan ditentukan dan hukuman-hukuman yang akan diberikan dan perkara kedua berkaitan dengan hukuman ini, saya ingin bertanya adakah hukuman penjara dua tahun itu bersamaan dengan nilai \$200 seperti yang dinyatakan dalam kes ini. Kerana kebiasaannya kalau dua tahun ini sekurang-kurangnya \$5,000 denda atau \$2,000 denda. Jadi ini juga satu perkara saya rasa yang boleh dipertimbangkan balik oleh Kementerian.

Perkara yang lain yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan kedudukan orang-orang Islam di Sabah dan di Sarawak, yang sebahagiannya masih lagi menggunakan Mahkamah Anak Negeri ini dalam penyelesaian beberapa kes. Jadi, saya merasakan setelah Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan telahpun merdeka selama 28 tahun semenjak tahun 1963, sepatutnya sehingga hari ini kita sudah mempunyai perundangan yang cukup, misalnya hukum-hukum syarak dan yang lain-lain bagi orang-orang Islam di Sabah dan juga di Sarawak.

Perkara yang lain, yang ingin saya bangkitkan di sini ialah bagaimana sekiranya ada kes yang melibatkan seorang lelaki Islam dan seorang wanita bukan Islam, di manakah mahkamah yang akan kita gunakan, sama ada ianya kita akan gunakan Mahkamah Syariah ataupun kita gunakan Mahkamah Anak Negeri untuk menyelesaikan kes mereka? Jadi, bagaimana pula misalnya ada satu kes di mana terlibat seorang lelaki Islam menyentuh badan seorang wanita bukan Islam atau wanita bumiputera di mana lelaki ini mungkin boleh dikenakan denda 'soget' yang dipanggil di negeri Sabah dengan denda satu ekor babi atau satu ekor kerbau, bagaimana caranya menyelesaikan masalah ini. Jadi pokoknya, Tuan Yang di-Pertua, perundangan yang diberikan ini tidak begitu complete bagi saya dan ianya mempunyai banyak loophole dan kita minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan Kementerian supaya mengkaji semula kes-kes ini, supaya kita dapat menyediakan satu perundangan yang complete dan tidak mempunyai loopholes bagi menyelesaikan kes-kes yang melibatkan adat istiadat Bumiputera bagi Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan, Labuan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bandar Kuching.

5. 47 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Akta yang telah kita bentangkan ini iaitu Akta Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini dibentangkan di bawah ataupun mengikut butiran 13 dalam Senarai 2A Senarai Perundangan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan, yang berbunyi seperti berikut, dengan izin:

“13. Native law and custom, including the personal law relating to marriage, divorce, guardianship, maintenance, adoption, legitimacy, family law, gifts or succession testate or intestate; registration of adoptions under native law or custom; the determination of matters of native law or custom; the constitution, organization, and procedure of native courts (including the right of audience in such courts), and the jurisdiction and powers of such courts, which shall extend only to the matters included in this paragraph and shall not include jurisdiction in respect of offences except in so far as conferred by federal law.”

Di bawah sebab . . . “except in so far as conferred by federal law” maka Akta ini dibentangkan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini mungkin tidak begitu menarik kepada orang lain, tetapi kepada orang Sarawak dan Sabah ia merupakan satu perkara yang sedikit penting.

Yang pertamanya, saya mahu menjelaskan bahawa Senarai 2A ini adalah State List yang meliputi perkara yang dikendalikan dan di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak

ini. Maka soalan pertama saya ialah sebelum Akta ini dibentangkan, adakah perundangan dan persetujuan sudah dibuat di antara pihak Kerajaan Negeri dengan pihak Kerajaan Persekutuan? Haraplah sedikit kekeliruan tadi yang berlaku apabila kita membahaskan Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) tidak berlaku lagi dalam kes ini, sebab menurut penjelasan tadi bahawa sebelum Akta tersebut dibentangkan cuma Peguam Besar dirundingkan sahaja. Dalam hal ini saya rasa walaupun di bawah undang-undang dan kehendak perundangan sahaja mengkehendaki supaya perundangan tidak perlu didapati daripada pihak Kerajaan Negeri. Walaupun demikian memandangkan bahawaimbangan kuasa ataupun aliran, agihan kuasa di antara pihak Kerajaan Negeri dengan pihak Kerajaan Persekutuan, maka baiklah supaya perkara di bawah State List jikalau dikendalikan dalam Parlimen ini, maka sebelum langkah dibuat patutlah perundangan mendalam diadakan. Jadi soalan saya adakah dibuat? Jika ya, minta beri penjelasan bilakah mesyuarat diadakan, bilakah surat ditulis dan adakah betul-betul pihak Kerajaan Negeri Sarawak itu sudah bersetuju supaya Akta ini dibentangkan?

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya cakap Akta ini tidak dibenarkan kepada orang lain, kecuali kepada anak negeri Sabah dan Sarawak sahaja sebab asal Native Courts (Mahkamah Anak Negeri) itu sudah ada pada zaman lama dahulu, yang ia diwariskan daripada zaman, kalau saya tidak silap di zaman Charles Brooke yang diwariskan dalam zaman British. Maka apabila Malaysia mencapai kemerdekaan dengan Sabah dan Sarawak mengambil bahagian untuk menjadi dua negeri dalam Persekutuan ini, ia pun sudah dimasukkan ke dalam peruntukan di bawah Perlembagaan ini.

Native Courts itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah penting, paling penting kepada orang-orang kampung di negeri

Sarawak dan Sabah sebab dalam hidup seharian mereka, masyarakat luar bandar, masyarakat pendalaman, khasnya masyarakat rumah panjang seperti di kawasan hulu itu mereka kurang memahami sistem undang-undang moden yang negara kita sekarang amalkan.

Maka dalam menyelesaikan masalah mereka dalam hal seperti kahwin dan tanah, susah mahu menggunakan prinsip ataupun doktrin yang diliputi di bawah Common Law system ataupun Natural Justice sebab anak-anak negeri ini mempunyai ciri budaya dan adat istiadat mereka sendiri dan itulah Akta ini ada sedikit baik sebab dia memberi acknowledgement kepada betapa pentingnya adat istiadat memainkan peranan besar dalam seharian di kalangan anak negeri Sabah dan Sarawak dan peribahasa Melayu sendiri pun boleh digunakan untuk menjelaskan keadaan ini iaitu, "Biar mati anak, jangan mati adat".

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perlembagaan lagi, Perkara 161A Fasal (7), mengenai keistimewaan anak-anak negeri itu berbunyi, dengan izin:

"7. The races to be treated for the purposes on the definition of "native" in Clause (6) as indogenous to Sarawak are the Bukitans, Bisayahs, Dusuns, Sea-Dayaks, Land-Dayaks, Kadayans, Kelabits, Kayans, Kenyahs, (including Sabups and Sipengs), Kajangs (including Sekapans, Kejamans, Lahanana, Punans, Tanjongs, Kanowits), Lugats, Lisungs, Malays, Malanos, Muruts, Penans, Sians, Tagals, Tabuns, and Ukits. "

Itulah warganegara Malaysia. Saya rasa mungkin ramai yang hadir di sini pun tidak pernah dengar nama 90% daripada senarai ini. Tetapi kepada mereka sendiri yang hidup dalam hutan, dengan menanam padi, menangkap ikan

dan membunuh binatang untuk cari makan, Mereka mempunyai budaya yang amat menarik. Saya sokong sekiranya Mahkamah-mahkamah Anak Negeri ini boleh memberi mereka lagi besar bidangkuasa ataupun sekiranya sistem Native Courts ini diperkemaskinikan dan diperluaskan supaya adat-adat mereka betul-betul boleh memainkan peranan lagi besar untuk mengawal perjalanan masyarakat mereka sendiri. Ini adalah kerana adat istiadat ataupun customary laws, dengan izin, kepada mereka adalah lebih berkesan dari segi menyelesaikan masalah peribadi. Maka perlulah undang-undang ataupun langkah-langkah pentadbiran diambil untuk melengkapi sistem undang-undang native law ini.

Tetapi Akta yang dibentangkan ini mempunyai satu dua point yang saya belum jelas ataupun dan faham dengan sepenuhnya, misalnya, Fasal (2), yang berbunyi dan, dengan izin, saya quote:

"(2) The native courts instituted in the states of Sabah and Sarawak, under or by virtue of any written law are hereby conferred jurisdiction to try any offences which, under or by virtue of any written law, is punishable with imprisonment up to a term of not exceeding two years or with a fine of not exceeding two hundred ringgit or a combination thereof or to deal with the offender in any other manner in which, under or by virtue of such law, they may from time to time be empowered to deal - ini pentingnya - provided that such jurisdiction shall not be exercised in respect of such offence which is also an offence under the Penal Code. "

Itu sahaja, saya kurang faham sebab kesalahan besar yang patutlah dihukum dengan penjara tidak lebih dari dua tahun ataupun tidak melebihi denda \$200, kebanyakannya sudah diliputi di bawah

Penal Code. Maka apakah kesalahan yang boleh dibicarakan di bawah di dalam Mahkamah Anak Negeri Sarawak dan Sabah ini yang boleh membawa hukuman besar ini? Saya kurang faham. Contohnya, dalam satu kes yang selalu dibawa kepada Mahkamah Anak Negeri Sarawak ini adalah tentang kes di mana hak tanah dipersoalkan, oleh sebab tanah anak negeri Sarawak ini kurang disukati dan Kerajaan tidak sukati tanah mereka.

Sebagai contoh, kalau seorang bapa memberi tanah kepada tiga anak, maka tiga anak boleh gaduh sebab tidak pasti di mana sempadan tanah seorang anak bermula dan di mana sempadan tanah seorang lain habis, maka selalu dia bawa kepada Mahkamah Anak Negeri itu untuk diselesaikan. Akan tetapi, hak tanah termuda mereka tidak diberi definisi ataupun tafsiran yang jelas. Maka ada canggahan di atas hak tanah itu di antara Land Code negeri Sarawak yang ada sekarang dengan tafsiran yang diberi kepada hak tanah mengikut adat istiadat. Maka apabila Kerajaan Negeri memberi tanah kepada syarikat-syarikat kayu balak, mengikut tafsiran Land Code, tanah ini sudah dijadikan tanah Kerajaan. Maka pihak Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk mengkonsesikan tanah ini kepada semua syarikat untuk membalak kayu. Apabila sebuah syarikat kayu memasuki untuk membalak kayu ini, maka mengikut adat istiadat orang kampung, tindakan syarikat kayu ini sudah melanggar hak termuda mereka.

Sekiranya cuma mengikut pandangan undang-undang sahaja, memanglah Land Code, sebagai undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri di negeri Sarawak itu, mempunyai precedence ke atas tanah temuda itu. Itu menjadi sekarang satu sasaran pergaduhan di negeri Sarawak, maka ramai orang kampung, anak negeri Sarawak membuat pagar manusia untuk block, untuk menghentikan trak dan traktor yang dihantar oleh syarikat kayu ini memasuki wilayah mereka tersebut.

Walaupun kepada negeri Sarawak ini syarikat mahu membuat business, tetapi kepada orang kampung, ini satu tindakan pengisytiharan peperangan sebab syarikat kayu ini mahu mencero bohi hak tanah mereka. Maka saya mahu tahu sahaja sama ada Mahkamah Anak Negeri Sarawak ini mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes sebegitu sekiranya ada pergaduhan ataupun ada konfrontasi di antara orang kampung dengan syarikat kayu yang sudah berlaku dan menjadi sasaran publisiti jahat di media antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya mahu tumpukan ialah kelayakan mereka yang menjadi pegawai ataupun hakim dalam Mahkamah Anak Negeri ini. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Labuan menyebutkan mengenai bahawa ketua masyarakat iaitu pemancar, ketua kampung, tuan rumah, penghulu, orang buta huruf, tidak pernah pergi sekolah, dia tidak pandai dan sebagainya dan mempersoalkan kewarasan mereka untuk menghukumkan orang lain. Perlu dijelaskan dan ditekankan di sini, bahawa ketua masyarakat, pemancarkah, penghulu-kah, ketua rumahkah, ketua kampung-kah, mereka merupakan pakar dari segi undang-undang mengikut adat-istiadat anak negeri Sarawak, sebab mereka sudah tua, sudah dengar banyak cerita dari nenek-moyang mereka macam mana sesuatu mesti buat, kalau tidak buat hantu datang ini nanti dan semua orang kampung mati.

Dia orang memang jadi pakar. Ini memang satu masalah kerana saya boleh tengok dan boleh sangka sebagai satu masalah yang akan timbul apabila Mahkamah Anak Negeri Sarawak ini diperluaskan. Sebab, buat masa sekarang ada tiga tingkat untuk Mahkamah Anak Negeri Sarawak, iaitu:

- (i) Pada peringkat District (Daerah);
- (ii) Pada peringkat Division; dan
- (iii) Pada peringkat pemancar atau penghulu sahaja.

Sekiranya sesiapa tidak puas hati dengan hukuman yang sudah dibuat oleh Mahkamah Anak Negeri ini, pada satu point of law, Tuan Yang di-Pertua, kesnya boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk diselesaikan. Walaupun Ketua Masyarakat ini pandai dan menjadi pakar kepada adat-istiadat Anak Negeri Sarawak ini, tetapi kadangkala, kalau sekiranya evolusi tidak berlaku kepada Mahkamah Anak Negeri Sarawak ini, maka ada point of law yang tidak dikendali ataupun diberi perhatian secara yang cukup dan ketidak-adilan akan berlaku maka ramai yang 'appeal' dan rayuan akan dikemukakan. Maka sistem Mahkamah di Negeri Sarawak akan jammed lagi sebab banyak 'cases' rayuan yang dikemukakan kepada mereka. Bukanlah Ketua Masyarakat yang belum pergi ke sekolah tidak mengenali undang-undang moden sahaja, tetapi Pegawai Mahkamah lain iaitu D.O dan S.O. pun mempunyai masalah.

Saya beri satu contoh, ini bukan kes Mahkamah, ini cuma untuk menjelaskan sama ada S.O. ataupun D.O. layak untuk jadi Magistrate. Pada bulan Julai tahun lalu 14 orang dari Kampung Longgeng ditangkap dan dibawa kepada S.A.O.—iaitu Magistrate, sebab mereka bikin pagar mahu lawan syarikat kayu. Apabila orang kampung yang 14 orang ini diminta oleh Magistrate iaitu S. A.O ini untuk menandatangani satu "bond of good behaviour", dengan izin, mereka enggan berbuat demikian. Maka S. A.O. hukum mereka kepada 6 minggu penjara atas kesalahan "contempt". Tetapi apabila S.A.O. berbuat demikian, disebabkan dia bukan seorang yang terlatih dalam bidang undang-undang, maka dia buat kesalahan dan dia tidak sebut nama satu orang demi satu orang, dia tidak sebut tuduhan pada setiap orang. Itu 'doktrin' yang asas untuk undang-undang. Maka apabila kes ini dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi di negeri Sarawak dan kes itu didengar di Sibul, Hakim ini mendapati bahawa Magistrate itu tersalah dari segi 'point of

law', maka kes ini dibuang dan 14 orang itu dibebaskan. Maka ini akan berlaku di seluruh negeri Sarawak dan Sabah. Sebab S.A.O. dan D.O. tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dari segi bukan adat-istiadat anak negeri Sarawak tetapi dari segi bidang undang-undang 'point of law' yang membolehkan mereka untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi.

Saya pun tidak tahu macam mana mekanisme akan dibentuk untuk menyelesaikan masalah ini, sama ada satu badan baru dibentuk supaya orang yang sudah diberi latihan undang-undang seperti peguam, dan sekarang Sarawak mempunyai ramai peguam terdiri dari anak negeri Sarawak iaitu dari Iban, Bidayuh dan Kenyah pun ada seorang, supaya mereka pun boleh mengambil bahagian sebagai Magistrate ataupun Pegawai Mahkamah dengan nasihat dan kerjasama daripada Ketua Masyarakat seperti Pemancar, Penghulu dan sebagainya supaya satu proses integrasi boleh dijalankan untuk sedikit demi sedikit 'absorb', dengan izin, Mahkamah Anak Negeri Sarawak ini kepada sistem undang-undang moden yang kita ada sekarang ini. Walaupun boleh dikatakan sekarang, sekiranya Magistrate membuat hukuman yang salah—dari segi 'point of law' tidak susahlah, orang sudah bebas, tetapi saya rasa langkah-langkah mesti dibuat untuk menyelesaikan masalah ini. Sebab, memandangkan kesulitan pengangkutan dan perjalanan di negeri Sarawak ini, di mana mereka yang sudah salah dihukumkan menderita kesan-kesan buruk yang paling besar. Orang dari Longgeng berjalan kaki satu hari baru sampai Belaga. Dia dibawa oleh Polis berjalan kaki satu hari baru sampai Belaga, naik express boat pergi ke Sibul, satu hari lagi—sudah dua hari. Tunggu dalam jel remand, selepas itu dia masuk jel 7 hari. Selepas kes rayuan didengar, dia balik ke Longgeng mengambil masa dua hari lagi. Itulah sebabnya kita mesti mengelakkan semua kemungkinan ketidak-adilan sejauhmana yang boleh.

Maka dari segi ini saya rasa Pegawai Mahkamah Anak Negeri Sarawak ini perlu diberi latihan undang-undang asas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam *Fasal 3* ini menyebut bahawa:

“3. kesalahan-kesalahan yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini telah dibicarakan oleh mana-mana mahkamah anak negeri yang disebut terdahulu hendaklah, kecuali jika ia telah diisytiharkan secara kehakiman selainnya, disifatkan telah dibicarakan dengan sah seolah-olah bidang kuasa berkenaan dengannya telah diberikan kepada mahkamah-mahkamah itu oleh undang-undang persekutuan”.

Bahasa undang-undang selalu teruk, susah mahu difahami, tetapi dalam bahasa sederhana, maksudnya ialah Akta yang dibentangkan ini mempunyai kuasa yang retroaktif, iaitu pada 28 tahun dahulu, semua kes-kes dan hukuman-hukuman yang dibuat oleh Mahkamah-mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak, semua yang dibuat demikian, yang sudah melebihi bidang kuasa sekarang tidak salah. Maka Akta yang mempunyai kuasa retroaktif kurang diingini dari segi jurisprudence. Walaupun ramai orang-orang kampung di Sabah terlibat dalam banyak kes-kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah tentang Mahkamah Anak Negeri Sarawak ini, adalah kekurangan ‘qualification’ adat-adat. Seperti yang saya bacakan tadi, ada hampir 30 bangsa-bangsa yang mempunyai adat-istiadat yang berlainan di antara satu sama lain. Maka hukuman yang dijatuhkan mengikut adat kepada satu kampung tidak dapat digunakan pada kampung yang lain. Mungkin adalah sedikit masalah di sana. Tetapi yang lebih serius lagi ialah hukuman yang dijatuhkan bukanlah hukuman bertulis. Saya belum

pasti sama ada ‘doktrin Briston’ digunakan dalam Mahkamah Anak Negeri Sarawak, tetapi sudah tiba masanya untuk ‘qualification’ dengan penyelidikan dibuat ke atas semua adat-istiadat dan undang-undang customary seperti yang sudah dibuat oleh bekas C. J. Negeri Sarawak (Negeri Borneo) itu, Tan Sri Liam Hoe dalam bukunya “Law of Customary Rights” yang mengandungi Case materials dengan commentry.

Satu Seksyen perlu ditubuh di bawah office Peguam Negara ataupun di negeri Sarawak supaya kes-kes ini boleh dibincang, diteliti dengan baik untuk rujukan masa hadapan dan bukanlah dari segi perjalanan Mahkamah Anak Negeri Sarawak sahaja, tetapi untuk Malaysia ini menyedari adat-istiadat dan perjalanan cara hidup mereka sebagai warganegara yang saling bersahabatan di negara kita ini. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan.

*6. 10 ptg.*

**Datuk Monggoh Orow (Tuaran):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama untuk membahaskan bagi cadangan untuk menggubal suatu undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Negeri Sabah memang mempunyai sebuah ordinan Mahkamah Anak Negeri yang khususnya telah digubal untuk menjaga kepentingan kaum bumiputera yang sebelum 1963 merangkumi semua kaum sama ada yang beragama Islam atau tidak beragama Islam. Tetapi nampaknya buat masa ini ditubuhkan untuk kaum yang tidak beragama Islam kerana yang beragama Islam itu sudah mempunyai hukum syariah atau mahkamah syariah.

Tuan Yang di-Pertua, ordinan Mahkamah Anak Negeri ini memang bertujuan untuk menjaga adat resam, kepentingan anak negeri di negeri itu yang meliputi hal-hal keluarga, perhubungan jantina, harta benda dan perhubungan awam di antara berbagai kaum bumiputera.

Selepas 1963 memang Sabah sebahagian daripada Persekutuan Malaysia telah mencapai berbagai kemajuan perkembangan dari segi sosio-ekonominya. Di samping itu, bilangan rakyat sudah bertambah kemudahan-kemudahan, misalnya pengajian-pengajian termasuk sekolah-sekolah dan sebagainya sudah bertambah. Rakyat sudah menyedari lebih luas daripada yang apa mereka dapati sebelum itu di dalam Kerajaan Jajahan British. Oleh sebab perkembangan-perkembangan seperti ini, maka rakyat bukan sahaja dapat berhijrah daripada satu tempat ke satu tempat, mereka sudah buka mata, tidak lagi sebahagian besar dalam lingkungan buta huruf. Oleh sebab perkembangan ini, bertambahlah bilangan yang mungkin berniat untuk menjalankan jenayah-jenayah yang akan mencemarkan adat resam kaum bumiputera di negeri itu.

Demi untuk menjaga kedaulatan dan supaya tidak tercemar adat resam-adat resam anak negeri di negeri Sabah, adalah sesuai bagi pihak yang berkuasa untuk memberi kuasa-kuasa yang sesuai seperti yang dicadangkan dalam Akta yang dicadangkan ini, misalnya memberi denda yang sesuai kerana apa yang terdapat sekarang, denda-denda yang dikenakan oleh pihak-pihak yang berkuasa adalah didapati lembut. Kuasa yang dicadangkan di dalam Fasal 2 Akta ini iaitu menurunkan penjara tidak melebihi 2 tahun ataupun denda tidak melebihi \$200 atau kedua-duanya ataupun lain-lain denda yang difikirkan perlu oleh pihak-pihak yang berkuasa memanglah sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah perbincangan kes-kes di dalam mahkamah

anak negeri ini adalah dijalankan oleh Ketua-ketua Daerah, Ketua-ketua Anak Negeri dengan Ketua-ketua Kampung. Saya tidak berapa pasti sama ada Kementerian telah membincangkan perkara ini khususnya mengenai denda yang akan dijatuhkan kepada pihak-pihak yang bersalah. Sama ada ini sesuai atau tidak mungkin tempoh yang dicadangkan di sini 2 tahun dalam penjara boleh mencukupi tetapi jumlah denda yang tidak melebihi \$200 itu pada pendapat saya tidaklah begitu memadai kerana sedangkan gaji Ketua-ketua Daerah, Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung ini sudah begitu tinggi dan mungkin ada kes-kes yang agak serius akan mengambil masa yang begitu panjang dan ini sudah tentu akan menelan belanja yang lebih. Kalau hanya tidak melebihi \$200, ini adalah satu denda yang begitu ringan, tidak sesuai dan dengan izin, tidak deterrent, tidak akan mencegah pihak-pihak yang mempunyai niat untuk menjalankan kegiatan jenayah yang akan mencemarkan adat resam kaum bumiputera di negeri Sabah.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan di sini, kalau sekiranya belum ada perbincangan, belum ada penyiasatan daripada Ketua-ketua Daerah, Ketua-ketua Anak Negeri dan Ketua-ketua Kampung dari Sabah, sebelum jumlah itu ditetapkan, mereka ini yang sudah tahu fasal adat resam kaum bumiputera di negeri itu dari turunturun, mereka harus diberi peluang untuk memberi buah fikiran kerana kalau sekiranya Akta ini diluluskan sekarang dan didapati tidak sesuai, maka untuk tidak membuang masa Dewan yang mulia ini, kita siasat dahulu. Begitu juga pihak Kerajaan Negeri Sabah harus diminta fikiran kerana mengikut Artikel 95B, Butiran 13, Senarai 2A, ini adalah termasuk dalam State List yang mana memerlukan persetujuan daripada Kerajaan Negeri. Ini mungkin sudah dijalankan, saya tidak berapa pasti. Itu juga perlu dipastikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga kedaulatan dan mengelakkan pencemaran adat resam kaum bumiputera di negeri Sabah sepertimana yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi Yang Berhormat dari Bandar Kuching, biar mati anak jangan mati adat. Saya menyokong Akta ini dengan cadangan bahawa denda yang dicadangkan iaitu tidak melebihi daripada \$200 itu diubah kepada satu angka yang lebih tinggi, misalnya tidak melebihi daripada \$3,000 supaya ini boleh menjadi satu alat pencagar kepada pihak-pihak yang berniat untuk menjalankan kegiatan-kegiatan jenayah.

Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selangau.

6. 21 ptg.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 yang akan diperluaskan ke negeri Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Native Courts, dengan izin, bagi orang Dayak di Sarawak hanya akan dapat dibincang dahulu di antara kaum yang berkenaan dan begitu juga bagi orang Dayak Bidayuh dan juga bagi orang Dayak Hulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jika pindaan Rang Undang-undang ini tidak dirujuk terlebih dahulu kepada ketua kaum mereka atau Jabatan Adat Istiadat mereka, mungkin pindaan ini akan bercanggah dengan adat resam mereka atau Adat Susungunggu, dengan izin, dalam bahasa Iban.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perlantikan para hakim the Native Courts, dengan izin, kebanyakan perlantikannya

bagi ketua rumah akan dipilih oleh Nambiak mereka dan bagi ketua kampung dan penghulu perlantikannya akan dilantik oleh Kerajaan berdasarkan pengalaman dan juga merit mereka. Walaupun mereka kebanyakannya seperti ketua kampung atau penghulu serta ketua rumah tidak mempunyai pelajaran yang tinggi tetapi mereka mempunyai pengalaman yang luas atau experience, dengan izin, untuk mengatasi masalah bila mereka berbincang atau membuat keputusan kepada perkara-perkara yang tertentu dan mereka juga merujuk kepada susungunggu mereka seperti adat bercerai antara suami dan isteri dan perkara ini terlebih dahulu dirujuk kepada adat mengikut peringkat di bawah bidang kuasa ketua rumah. Jika pendakwa mereka tidak puas hati barulah perkara ini dirujuk kepada ketua kampung atau penghulu dan jika mereka lagi tidak berpuas hati, mereka dapat merayu perkara ini dibawa kepada Native Courts, dengan izin. Jadi, oleh sebab tiap-tiap kaum di negeri Sarawak mempunyai adat yang tak sama, saya rasa sebelum pindaan ini diluluskan dalam Dewan yang mulia ini terlebih dahulu . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan pindaan, Yang Berhormat. Ia hendak beri kuasa di Sarawak dan Sabah, bukan pindaan. Dahulu tak ada kuasa itu, sekarang hendak beri kuasa.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Minta maaf. Jadi sebelum Rang Undang-undang atau Undang-undang Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) ini diperluaskan ke negeri Sarawak atau Sabah . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Mahkamah di sana sudah ada, hanya didapati bahawa mereka, itu mengikut Perlembagaan, tidak ada kuasa hendak menghukum. Jadi, sekarang Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa menghukum, bukan memperluaskan.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bercakap dengan panjang lebar tentang perkara ini, sebab rakan saya Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menyentuh banyak perkara tentang adat-adat resam orang di negeri Sarawak. Dengan ini, saya hendak memberi keterangan juga jikalau dapat hukuman atau denda bagi \$200 ini ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya \$3,000.

Sekian dan saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6. 26 ptg.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai Rang Undang-undang; iaitu Yang Berhormat dari Labuan, Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Yang Berhormat dari Tuaran dan Yang Berhormat dari Selangau. Kebanyakan perkara-perkara yang disentuh dan ditimbulkan dalam perbincangan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak maka saya tidak berhasrat menjawab perkara itu. Walau bagaimanapun, saya ada dua tiga perkara yang hendak dijelaskan di sini.

Yang pertama, ialah mengenai bidang kuasa yang akan diberi oleh Rang Undang-undang adalah mengikut Perlembagaan sepertimana telah dibentangkan oleh saya awal tadi.

Yang kedua, ialah mengenai sama ada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah dibawa untuk berbincang mengenai Akta Rang Undang-undang ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya cadangan Rang Undang-undang ini adalah dibuat atas permintaan Kerajaan Negeri Sabah melalui suratnya yang bertarikh 22 Ogos 1988 yang juga permintaan dari Kerajaan Negeri Sarawak melalui suratnya bertarikh 9hb Februari 1990. Maka dengan ini saya harap keraguan bahawa Rang Undang-undang ini dibentang tanpa perbincangan negeri Sarawak adalah dijelaskan.

Tadi Yang Berhormat dari Labuan ada menyentuh mengenai kelayakan ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua daerah, memang disadari oleh Kerajaan bahawa kebanyakan mereka ini adalah tidak mempunyai kelayakan yang tinggi, tetapi kebanyakan mereka ini adalah lebih fasih dengan adat resam dan hukuman-hukuman yang di bawah bidang kuasa mereka masing-masing. Oleh yang demikian, Kerajaan yakin bahawa ketua-ketua masyarakat ini dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna dan adil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah sambung lagi nanti?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Boleh.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MEMANSUHKAN

6. 30 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):**  
Tuan Speaker, Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diperbuatkan oleh Parlimen dalam tahun 1960. Akta ini sebenarnya ialah pengemukaan dalam bentuk baru Peraturan-peraturan Darurat 1948 yang diperbuatkan pada kemuncak penderhakaan komunis. Pemberontakan komunis telah mengakibatkan pembunuhan-pembunuhan yang kejam, termasuk pembunuhan Sir Henry Gurney.

Tuan Speaker, selepas merdeka, terdapat keperluan untuk melanjutkan undang-undang darurat untuk melawan ancaman daripada pengganas komunis. Ini mengakibatkan kelulusan Akta Keselamatan Dalam Negeri di Parlimen dalam tahun 1960. Tidak ada keraguan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diperbuatkan untuk melawan subversif komunis dan ini adalah jelasnya dari perbahasan-perbahasan di dalam Parlimen sebelum Akta tersebut diluluskan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan salahgunakan kuasa-kuasanya dengan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri tersebut untuk menahan juga Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Speaker, dalam bulan Oktober 1987, "Operasi Lalang" telah dilancarkan oleh Kerajaan untuk menangkap dan menahan orang-orang yang berleluasa daripada kumpulan-kumpulan sosial, alam sekeliling dan gereja kepada ahli-ahli politik. Sebelum itu, Akta Keselamatan Dalam Negeri telah digunakan untuk menuduh penjenayah-penjenayah biasa untuk pemilikan senjatapi-senjatapi di mana di bawah Akta tersebut menarik hukuman mati mandatori.

Tuan Speaker, malangnya mahkamah-mahkamah dalam beberapa kes enggan memutuskan bahawa Akta tersebut adalah dibayangkan untuk menghapuskan subversif komunis dan tiada apa-apa lain. Kita telah menarik perhatian buruk di antarabangsa bila seorang budak lelaki berumur 14 tahun bernama Lim Hang Seoh dihukum mati dalam tahun 1977 untuk pemilikan satu pistol dan peluru-peluru. Campurtangan dengan saat yang tepat oleh Yang di-Pertuan Agong menyelamatkan budak lelaki itu daripada penggantungan.

Tuan Speaker, menuduh penjenayah-penjenayah biasa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah suatu salahgunaan Akta tersebut apabila terdapat undang-undang lain di mana mereka patut dituduhkan.

Pada hujung tahun 1989, Parti Komunis Malaya menyerah senjata-senjata mereka selepas satu upacara rasmi di Thailand. Oleh demikian, tidak ada alasan-alasan untuk melanjutkan Akta tersebut yang telah hidup lebih daripada tujuannya. Kerajaan harus cukup matang untuk menerima hakikat dan memansuhkan Akta tersebut.

Tuan Speaker, Kerajaan telah cuba membela pelanjutan kegunaan Akta tersebut atas sebab-sebab ianya diperlukan untuk mengawal pelampau-pelampau bangsa. Pertama sekali, Akta tersebut bukanlah bertujuan untuk satu situasi seperti itu. Kedua, undang-undang biasa adalah mencukupi untuk menguruskan situasi-situasi seperti ini.

Kerajaan hendak mengekalkan Akta tersebut untuk kegunaan politik memandangkan ia adalah satu senjata yang sedia terhadap musuh-musuh politiknya. Akta ini membenarkan tahanan tanpa perbicaraan. Kuasa-kuasa yang luas dalam tangan Perdana Menteri, yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, patut tidak digunakan untuk menahan ahli-ahli politik Pembangkang oleh kerana ia boleh disalahgunakan.

Dalam kes saya sendiri, Tuan Speaker, salah satu daripada dakwaan-dakwaan fakta, tetapi sebenarnya dakwaan rekaan, ialah bahawa saya telah berucap dalam satu perhimpunan di Pulau Pinang dan menghasut perasaan-perasaan perkauman pada 10hb Oktober 1987, apabila saya pada masa yang berkenaan menghadiri suatu kes Mahkamah di hadapan Tun Abdul Hamid bin Haji Omar, sekarang Ketua Hakim Negara.

Saya mempunyai suatu alibi yang sempurna, tetapi Perdana Menteri telah menggunakan satu pertuduhan yang nyata sekali tidak berasas. Tahanan tanpa perbicaraan ialah satu perkara yang pahit sekali. Ia adalah bertentangan segala kebiasaan-kebiasaan keadilan tetapi Akta Keselamatan Dalam Negeri memperuntukkannya. Di atas sebab ini sahaja, Tuan Speaker, Akta tersebut harus dihapuskan.

Pada 21hb Jun tahun ini, Parlimen Afrika Selatan telah mengundi untuk memindahkan Akta Keselamatan Dalam Negerinya di mana berpuluh-puluh ribu orang, termasuk beberapa orang Ahli Parlimen sendiri, telah ditahan tanpa perbicaraan. Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah di antara Undang-undang yang paling terkenal untuk kejahatannya di Afrika Selatan. Ia memberi Kerajaan putih yang berminoriti dan pasukan polisnya kuasa untuk menahan tanpa had masa penggiat-penggiat politik anti-apartheid dalam penjara berseorangan tanpa apa-apa jalan untuk mendapatkan bantuan daripada Mahkamah.

Tuan Speaker, Parlimen Afrika Selatan telah memindahkan dengan keras Seksyen 29 Akta tersebut yang telah membenarkan polis menahan orang-orang tanpa had masa untuk soal siasat sehingga semua soalan dijawab dengan memuaskan. Langkah-langkah yang mengurangkan tempoh tahanan daripada 90 hari yang boleh diperbaharui tanpa had masa oleh pihak polis, kepada 10 hari . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat telah cukup, bolehkah habiskan ayat itu?

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . . dan hanya boleh diperbaharui di bawah perintah seorang hakim. Tuan Speaker jikalau di Afrika Selatan satu Akta sepertimana Akta yang ada di negara kita ini boleh dipinda, saya ingat lebih baik di dalam negara kita, Akta ini patut dihapuskan.

*6.38 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai pemansuhan Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri 1990 bukan baru kali ini dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi telah beberapa kali dibangkitkan dalam sidang-sidang yang lalu terutamanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Kerajaan telah berkali-kali menjelaskan baik di dalam ataupun di luar Dewan ini bahawa negara ini masih memerlukan Undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menjamin bahawa Kerajaan dapat terus melaksanakan tanggungjawabnya dalam pemeliharaan kestabilan dan keselamatan negara demi kesejahteraan rakyat.

Tamatnya perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM), berikutan perjanjian yang dimeterai pada 2hb Disember 1989 lalu, tidaklah bermakna bahawa negara ini telah bebas sepenuhnya dari sebarang bentuk ancaman dan bahaya, lebih-lebih lagi corak masyarakat majmuk yang wujud dalam negara ini sentiasa mudah terdedah kepada perkara-perkara yang boleh mengganggu-gugat dan menjejaskan keselamatan negara.

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . . .

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kewujudan . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila.

**Tuan Ong Ka Ting:** Kewujudan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini sendiri tidaklah bermakna bahawa Kerajaan tidak menghormati atau tidak mengamal dasar kedaulatan Undang-undang. Perlembagaan Persekutuan adalah Undang-undang yang teragung . . . .

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak bolehlah minta penjelasan dalam Ucapan Penangguhan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Perlembagaan Persekutuan adalah Undang-undang yang teragung di negara kita. Apa sahaja Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen mestilah tidak bercangguh dan bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan.

Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan memastikan bahawa nyawa dan hak asasi individu tidak boleh dicabuli melainkan mengikut peruntukan Undang-undang. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perlembagaan Persekutuan membenarkan Parlimen membuat Undang-undang pencegahan yang membolehkan seseorang itu ditahan tanpa bicara. Oleh yang demikian, apa sahaja tindakan dibuat oleh Kerajaan adalah berlandaskan kepada Undang-undang, sama ada Undang-undang itu berbentuk pencegahan ataupun Undang-undang biasa, dan sekiranya seseorang itu merasakan haknya telah dicabuli ataupun kehendak Undang-undang telah tidak diikuti, dia boleh membawa kes ke Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini Kerajaan telah menguatkuasakan Akta ini secara teratur mengikut peruntukan undang-undang, maka soal salah guna kuasa adalah tidak timbul. Adalah jelas

bahawa soal sama ada Kerajaan patut atau tidak memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah soal yang berasingan yang mesti dilihat dari sudut yang berbeza. Ianya tidak ada kaitan langsung dengan soal tidak menghormati prinsip kedaulatan undang-undang kerana Kerajaan pada setiap masa sentiasa menghormati dan mengamalkan prinsip tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jelaskan awal tadi soal memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang cuba dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan adalah tidak timbul kerana negara ini masih memerlukan undang-undang sedemikian. Sekian.

#### TABUNG PINJAMAN PENUNTUT—MENUBUHKAN

6. 43 *ptg.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru Kerajaan menubuhkan satu Tabung Pinjaman/Basiswa penuntut sebanyak \$2,000 juta untuk:

- (1) kerana ekoran keputusan Kabinet menaikkan yuran universiti tempatan antara 100% hingga 172% untuk sesi penggal ini;
- (2) kerana kenaikan yuran universiti luar negeri yang tinggi yang menyekat lagi penuntut-penuntut belajar di peringkat universiti khususnya mangsa sistem kuota.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga harus menubuhkan lebih banyak universiti tempatan kerana lebih daripada \$2000 juta dibiayai setiap tahun oleh ibu bapa-ibu bapa kita yang menghantar anak-anak mereka yang menuntut di luar negeri sedangkan hanya \$700 juta diperlukan bagi mendirikan sebuah universiti tempatan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, DAP menentang keputusan Kerajaan menaikkan yuran universiti ini kerana jumlah kenaikan adalah terlalu besar. Kenaikan seharusnya berperingkat-peringkat mengikut turun naik kadar Indeks Harga Pengguna (CPI). Maka barulah kenaikan boleh diagihkan dengan lebih adil kerana bebannya tidak akan bertambah begitu berat dan dengan secara tergesa-gesa sekali. Sebenarnya pihak Kerajaan bermain politik dalam hal ini. Ini adalah kerana keputusan menaikkan yuran dibuat lebih awal lagi tetapi oleh kerana pilihanraya besar, ianya ditangguhkan hingga sekarang. Jelas sekali pihak Kerajaan tidak mengambil kira bilangan besar pelajar yang akan terjejas oleh keputusan ini.

Saya harap pihak Kerajaan boleh menubuhkan sebuah Tabung Pinjaman/Biasiswa sebanyak \$2,000 juta demi pelajar-pelajar miskin yang layak tanpa mengira kaum. Saya harap juga pihak MCA boleh membuktikan kejujuran mereka dalam hal ini dengan menyokong cadangan saya kerana Naib Presidennya yang ada di Dewan yang mulia ini iaitu Yang Berhormat dari Bakri sendiri telah juga meminta Kerajaan menubuhkan sebuah tabung sedemikian pada 1hb April tahun ini.

Saya harap MCA dan pemimpinnya terutama sekali Yang Berhormat dari Bakri tidak hanya membuat omong-omong kosong sahaja dan laksanakan apa yang dicakap dan bukan cakap tidak serupa bikin. Pihak Kerajaan bertanggungjawab memastikan bahawa tidak ada seorang pelajar yang layak dipaksa memberhentikan pelajarannya di universiti kerana kenaikan yuran ini.

Pihak Kerajaan juga harus melanjutkan Tabung ini kepada penuntut-penuntut swasta di luar negeri. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak Kerajaan, ramai pelajar-pelajar yang layak masuk ke universiti tempatan tidak berpeluang berbuat demikian kerana sistem kuota menyebabkan

mereka terpaksa mencuba nasib di luar negeri. Pihak Kerajaan haruslah bertanggungjawab ke atas mangsa sistem kuota ini dan sekurangnya memberikan bantuan kewangan kepada mereka.

Saya juga tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, kenapa pihak Kerajaan enggan menubuhkan sebuah universiti memandangkan bahawa \$2 bilion yang mengalir keluar setiap tahun untuk menampung perbelanjaan pendidikan luar negeri. Pelajar-pelajar tersebut hanya terpaksa pergi ke luar negeri kerana mereka tidak mempunyai peluang di sini.

Mengikut satu jawapan yang diberikan oleh bekas Menteri Pendidikan iaitu Yang Berhormat dari Permatang Pauh, hanya \$700 juta diperlukan untuk mendirikan sebuah universiti tempatan. Ini bermakna tiga buah universiti boleh dibina setiap tahun kerana \$2 billion mengalir setiap tahun untuk membiayai perbelanjaan pendidikan di luar negeri. Tiga buah universiti boleh dibina setiap tahun untuk membolehkan semua pelajar tempatan berpeluang belajar di negeri sendiri. Mengapakah pihak Kerajaan enggan berbuat demikian yang akan menjimat wang negara yang begitu besar. Adakah keengganan pihak Kerajaan merupakan satu niat jahat untuk mencapai satu tujuan tertentu di sebaliknya. Sekian, terima kasih.

6. 45 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, wang sebanyak \$700 juta merupakan wang diperlukan untuk membina sebuah universiti dari segi fizikal sahaja. Sebenarnya dia tidak mencukupi kerana tidak dimasukkan kos untuk pengurusan dan penyenggaraan sebuah universiti. Oleh itu, lebih banyak peruntukan diperlukan dan bukan setakat \$700 juta sahaja.

Selain dari itu pihak universiti akan mengalami masalah untuk mendapatkan pensyarah-pensyarah terutamanya dalam bidang-bidang tertentu dan seterusnya mengekalkan perkhidmatan mereka di universiti. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih perlu menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus yang tertentu dan pasti masih ada lagi pelajar-pelajar persendirian yang lebih suka melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri atas pilihan mereka atau pilihan ibu bapa mereka.

Mengenai isu kenaikan kadar yuran pengajian ijazah pertama di universiti-universiti tempatan mulai sesi 1991/1992; sebenarnya kenaikan yuran ini adalah untuk mengurangkan kadar subsidi Kerajaan di dalam pembiayaan pendidikan tinggi dan mengamalkan prinsip 'cost sharing' dalam membiayai pendidikan tinggi. Itu pun sebahagian besar masih lagi dibiayai oleh Kerajaan. Sebelum ini Kerajaan telah membiayai di antara 90% sehingga 97% daripada kos perbelanjaan seseorang pelajar berasaskan perbelanjaan mengurus oleh Kerajaan. Ini tidak termasuk kos menyediakan kemudahan fizikal.

Walaupun bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan bahawa kenaikan yuran pengajian ini tidak menjejaskan pengajian pelajar-pelajar di universiti-universiti tempatan. Oleh itu Kerajaan Barisan Nasional yang termasuk parti MCA telah bersetuju untuk menubuhkan Tabung Bantuan Kewangan bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang mampu untuk membiayai yuran pengajian mereka. Badan-badan penaja seperti Kerajaan-kerajaan Negeri, yayasan-yayasan serta badan-badan korporat yang memberi pinjaman atau biasiswa juga telah disyorkan supaya menambahkan amaun biasiswa atau pinjaman mereka. Sehingga kini beberapa bidang pemberi pinjaman/basiswa telah bersetuju berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penubuhan universiti baru, setakat ini Kerajaan belum ada cadangan untuk menubuhkan universiti-universiti baru kerana:

- (1) cawangan-cawangan universiti yang ada boleh menampung pelajar-pelajar untuk mengikuti jurusan tertentu;
- (2) universiti-universiti tempatan boleh lagi memperluaskan program-program yang sedia ada dengan menubuhkan fakulti-fakulti baru;
- (3) berdasarkan syarat-syarat tertentu Kerajaan membenarkan program-program twinning dengan universiti-universiti tertentu di luar negeri; dan
- (4) untuk menubuhkan sebuah universiti baru, ia perlu perancangan yang teliti dan menyeluruh iaitu mengambil kira faktor-faktor kewangan, keperluan tenaga mahir di dalam bidang-bidang yang tertentu, kemudahan infrastruktur yang sedia ada dan program-program pembangunan yang lain.

Faktor-faktor ini adalah penting untuk menseimbangkan pembangunan negara di dalam pelbagai aspek dan bagi menentukan rakyat mendapat faedah sepenuhnya daripada pembangunan tersebut. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga 10hb Julai, 1991 jam 2. 30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.*